

# RISALAH

untuk

# Warga

# Tua

Ke arah penghalusan iman dan  
penyuburan jiwa menuju penghujung usia

|

Bediuzzaman Said Nursi

|

*Penterjemah:*

Ustaz Anwar Fakhri Omar

*Suntingan:*

Busura Talib & Faiz Ali

# Kandungan

Kata Pengantar .....	4
Sepatah kata daripada penterjemah .....	5
Risalah Untuk Warga Tua .....	7
Harapan Pertama .....	13
Harapan Kedua .....	14
Harapan Ketiga.....	16
Harapan Keempat.....	20
Harapan Kelima.....	24
Harapan Keenam .....	30
Harapan Ketujuh.....	34
Harapan Kelapan .....	42
Harapan Kesembilan .....	53
Harapan Kesepuluh .....	62
Harapan Kesebelas .....	69
Harapan Kedua Belas .....	84
Harapan Ketiga Belas .....	97
Harapan Keempat Belas .....	116
Martabat Pertama Cahaya Kecukupan .....	117
Martabat Kedua Cahaya Kecukupan .....	118
Martabat Ketiga Cahaya Kecukupan.....	120
Martabat Keempat Cahaya Kecukupan .....	123
Martabat Cahaya Kecukupan Kelima.....	125
Martabat Cahaya Kecukupan Keenam .....	127

Harapan Kelima Belas.....	130
Hakikat Pertama .....	141
Hakikat Kedua.....	143
Harapan Keenam Belas .....	148
Hikmah dan Faedah Pertama.....	158
Hikmah dan Faedah Kedua .....	159
Hikmah dan Faedah Ketiga .....	159
Maktub Kedua Puluh Satu.....	161
Penghujung Risalah al-Shuyukh (Orang-orang Tua) .....	161
Tadarru' dan Munajat.....	170

# Kata Pengantar

*Dengan Nama Allah yang  
Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani*

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, seluruh keluarga dan sahabat baginda.

“*Risalah Untuk Warga Tua*” ini adalah terjemahan salah sebuah risalah yang dihasilkan daripada koleksi khazanah Risale-i Nur, karya ulama terkenal, Bediuzzaman Said Nursi (1876-1960). Ia adalah turutan daripada beberapa siri risalah yang telah diterjemah dan dibukukan oleh beberapa orang pensyarah dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Risalah ini ditulis di dalam penjara di mana pengarang sendiri mencurahkan perasaannya ketikan umur beliau telah mencecah zaman tuanya. Beliau cuba memberi erti kepada kehidupan tua, harapan dan semangat yang bercahaya untuk sesiapa yang mahu melalui zaman tuanya dengan kehidupan yang lebih bermakna. Mesej dari buku ini sangat sesuai untuk mereka yang mahu memanfaatkan baki umur mereka sama ada mereka seorang tua atau muda kerana gaya penulisannya yang menerjah minda menggamit perasaan.

Saya bagi pihak Fakulti Pengajian Islam dan Jabatan Syariah khususnya, merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas penerbitan buku terjemahan ini. Semoga usaha terjemahan karya-karya peninggalan Bediuzzaman Said Nursi ini diteruskan untuk dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dan di alam Melayu.

Prof. Dr. Mohd. Nasran Mohammad  
Dekan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## Sepatah kata daripada penterjemah

Segala pujian tertentu bagi Allah I, Tuhan sarwa sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad ρ, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah baginda sehingga hari kemudian.

Pujian sekali lagi saya panjatkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan rahmat, hidayat dan inayah daripadaNya, terjemahan risalah ini dapat disiapkan seadanya.

Risalah ini sekalipun kecil bentuknya, tetapi mengandungi panduan yang amat berguna terutamanya kepada golongan tua yang pada kebiasaannya hanya menunggu hari kematian dalam keadaan putus harapan dan gundah gelana. Melalui risalah ini, pengarangnya Ustaz Badiuzzaman Said Nursi mendedah dan menampilkan bahawa keimanan kepada Allah I sahaja yang boleh menjadi penyelamat dan penghibur kepada kehidupan manusia, terutama golongan tua yang mengalami kedukacitaan dalam kehidupan akibat terpaksa berhadapan dengan pelbagai ujian dan cubaan. Keimanan adalah punca segala pengharapan. Penjelmaan rahmat Ilahi pula berupaya menukar kedukaan kepada kebahagiaan. Tambahan pula dengan syafaat yang akan diberikan oleh Nabi Muhammad ρ akan menjadi ubat yang paling mujarab di hari akhirat kelak. Diikuti pula dengan cahaya al-Quran, keimanan dengan hari akhirat, malaikat dan segala rukun iman yang lain. Ini semua menjadikan manusia tiada sebab untuk berputus asa dalam

kehidupan bahkan menuntut mereka untuk sentiasa bersikap optimis dan bersangka baik, tetapi dengan syarat mereka memenuhi segala tuntutan agama sama ada dari sudut keimanan dan kepercayaan, serta melaksanakan tuntutan keislaman yang berbentuk luaran dan fizikal sekadar kemampuan.

Akhirnya saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan terjemahan ini. Antaranya Encik Khairul Anuar Mohd Nayan, Presiden Persatuan Kebudayaan Malaysia Turki; Ustazah Busura Talib dan Saudara Faiz Ali, yang menyunting dan mengedit terjemahan ini; serta sahabat-sahabat lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam terjemahan dan penerbitan risalah ini termasuk Cevdet Yildiz dan lain-lain. Hanya Allah I akan mengganjari kalian dengan balasan yang berganda-ganda, insya Allah.

Sekian, semoga Allah I memberikan keberkatanNya kepada kita semua.

Ustaz Anwar Fakhri Omar  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia



# Risalah Untuk Warga Tua

Kilatan ini adalah terdiri daripada dua puluh enam cahaya harapan dan sinaran hiburan.<sup>1</sup>

**Perhatian:** Sebab yang mendorong saya untuk merakam segala kesakitan maknawi yang saya hadapi ini pada permulaan setiap pengharapan dengan gaya bahasa yang cukup menyentuh perasaan sehingga anda pun turut merasakan kesakitannya ialah semata-mata kerana ingin menerangkan betapa besar kesan yang diperolehi daripada rawatan al-Quran al-Karim dan penawarnya yang menakjubkan. Sekalipun kilatan ini dikhususkan untuk orang-orang tua, namun gaya bahasa yang digunakan tidaklah terlalu baik dan tersusun kerana beberapa asbab:

---

<sup>1</sup> Notakaki di bawah ditulis sendiri oleh pengarang (Bediuzzaman Said Nursi) dalam naskhah tulisan tangan yang telah diedit sebelumnya:

*Sesungguhnya baki harapan (iaitu Harapan Keempat Belas hingga Harapan Kedua Puluh Enam) tidak sempat ditulis kerana saya ditimpa musibah yang tersohor itu (iaitu dipenjarakan di Penjara Eskisehir). Oleh kerana itu saya tidak sempat menulisnya lagi dan risalah ini terus berada dalam keadaan tidak lengkap.*

**Pertama:** Risalah ini menyentuh peristiwa dan kejadian yang berlaku kepada diri saya sendiri. Menerawang khayalan dalam menghayati peristiwa dan kejadian tersebut, kemudian menulis dan mencatatnya, menyebabkan gaya bahasa yang digunakan tidak dapat disusun dengan baik.

**Kedua:** Penulisan risalah ini diselubungi sedikit keserabutan, kerana ia ditulis selepas sembahyang fajar (subuh). Ketika itu, saya merasa amat letih dan penat, di samping tertekan untuk menulis dengan cepat.

**Ketiga:** Kami ketika itu tidak mempunyai waktu yang cukup untuk melakukan pembetulan menyeluruh. Penyalin yang bersama saya ketika itu amat penat dengan segala urusan Risale-i Nur. Banyak kali dia meminta uzur untuk tidak hadir. Keadaan ini menyebabkan kandungan risalah ini tidak mempunyai keselarasan di antara tajuk-tajuknya sebagaimana sepatutnya terdapat di dalam sebuah risalah yang baik.

**Keempat:** Kami hanya mampu melakukan pembetulan dan pindaan sepintas lalu sahaja tanpa mendalami ke lubuk makna sesuatu perkataan. Ini kerana kami merasa amat penat dan letih selepas menulisnya. Oleh itu, tidaklah pelik jika risalah ini mengandungi sedikit kecuaiian dari sudut perkataan yang digunakan dan persembahan yang dilakukan.

Kerana sebab-sebab di atas, kami mengalu-alukan semua orang tua yang mulia agar memaafi dan menerima keuzuran kami terhadap kecuaiian persembahan kami ini. Saya juga berharap agar mereka sentiasa mengingati saya ketika mereka



mengangkat tangan berdoa dengan penuh ketundukan dan kepatuhan kepada Allah I Yang Maha Mengasihani, yang tidak pernah sekali-kali menolak doa orang-orang tua yang baik dan salih.





# 5

*Dengan Nama Allah yang  
Maha Mengasihani lagi Maha Penyayang*

كَهَيْعَصَ ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَّرِيًّا إِذْ نَادَى  
رَبَّهُ نِدَاءً خَفِيًّا قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي  
وَأَسْتَعَلُّ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا

*“Kaaf, Haa, Yaa, ‘Ain, Saad. (Ini ialah) perihal limpahan rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad), kepada hambaNya Zakaria. (Ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Zakaria berdoa kepada tuhannya dengan doa permohonan secara perlahan. Ia merayu dengan berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemahlah tulang-tulangku, dan telah putih melepaklah uban kepalaku; dan aku – wahai Tuhanku – tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadaMu”.*

Surah Maryam, ayat 1-4.



## Harapan Pertama

**Wahai mereka yang telah mencapai umur kesempurnaan! Wahai saudara-saudaraku yang telah tua dan mulia sama ada dari kalangan lelaki mahupun wanita!**

Sesungguhnya saya sama seperti kamu, juga sudah berumur lanjut. Saya akan menulis bagi kamu beberapa keadaan yang berlaku kepada saya, beberapa pintu pengharapan yang saya dapati dari masa ke semasa dan beberapa kilatan pengharapan pada zaman tua ini. Mudah-mudahan kamu boleh menyertai saya menikmati cahaya hiburan yang bergemerlapan daripada pengharapan dan cita-cita tersebut. Sesungguhnya sinaran yang saya lihat dan segala pintu cahaya serta pengharapan yang Allah I bukakan kepada saya, kesemuanya itu saya saksikan berdasarkan persediaan saya yang sedikit dan penerimaan saya yang terganggu. Tetapi persediaan ikhlas dan suci yang ada pada diri anda akan menjadikan – dengan izin Allah I – cahaya tersebut lebih memancar dan lebih berkilat daripada apa yang dapat saya lihat. Kerana pengharapan anda adalah lebih besar, lebih kuat dan lebih mantap daripada apa yang ada pada saya.

Tidak syak lagi bahawa sumber sinaran dan punca pengharapan yang saya akan sebutkan nanti tidak lain dan tidak bukan ialah daripada keimanan itu sendiri.

## Harapan Kedua

Ketika saya hampir memasuki usia tua, pada suatu hari pada musim luruh, pada waktu Asar, saya melihat dunia dari puncak sebuah gunung. Tiba-tiba, saya mengalami satu suasana yang amat menusuk kalbu dan sedih di samping kegelapan yang meliputi ... Saya melihat diri saya: Bahawa saya telah mencapai umur yang amat tua. Hari siang sudah bertukar menjadi seorang tua. Tahun juga sudah berusia lanjut. Dunia juga sudah berumur ... Keadaan tua dan berusia yang menyelubungi setiap benda di sekeliling saya menggoncangkan saya sehebat-hebatnya. Waktu perpisahan dengan dunia sudah terlalu hampir. Waktu perpisahan dengan para kekasih juga sudah terlalu hampir untuk menjelang ... Ketika saya resah dan gelisah dalam keadaan berputus asa serta berdukacita, tiba-tiba rahmat Ilahi terbongkar di hadapan saya sehingga menukar keadaan kedukacitaan yang menyakitkan itu kepada kegembiraan hati yang bersinar. Ia juga menukarkan perpisahan dengan para kekasih yang menyakitkan itu kepada majlis pengucapan takziah yang menyinari keseluruhan jiwa saya.

Ya. Wahai orang-orang tua seumpamaku! Sesungguhnya Allah I mempersembahkan zatNya yang mulia kepada kita dan memperkenalkanNya kepada kita pada lebih daripada seratus tempat di dalam al-Quran, dengan sifatNya sebagai *al-Rahman al-Rahim*, Yang Maha Pemurah Lagi Maha

Mengasihani. Dia juga menghantarkan rahmatNya sehingga sentiasa meliputi muka bumi ini dengan pelbagai jenis nikmat, sebagai bantuan dan pertolongan kepada sesiapa yang meminta rahmatNya daripada orang-orang yang hidup. Dia juga mengutus hadiah-hadiah dari alam ghaib lalu meliputi musim bunga pada setiap tahun dengan nikmat yang tidak terkira dan terhitung. Dia mengutusNya kepada kita yang amat berhajat kepada rezeki, memperlihatkan jelmaan-jelmaan rahmatNya yang merangkumi dengan jelas sekali, berdasarkan martabat kelemahan dan darjat kedaifan yang tersembunyi pada diri kita. Maka rahmat tuhan yang mencipta lagi maha mengasihani lebih-lebih lagi amat diharapkan dan dicita-citakan ketika kita sedang berada pada zaman tua ini, bahkan cahayanya lebih bersinar lagi bagi kita ketika ini.

Sesungguhnya perkara yang melayakkan kita untuk memperolehi rahmat ini ialah hanya dengan menghubungkan diri kita dengan tuhan yang maha mengasihani itu dengan keimanan dan ketaatan kepadaNya dengan melaksanakan segala kefarduan dan kewajipan yang ditetapkanNya.



## Harapan Ketiga

Ketika saya terjaga pada waktu pagi zaman ketuaan saya, daripada tidur malam zaman muda saya, saya melihat dan memerhati kepada diri saya. Lalu saya dapati seolah-olah diri saya sedang laju menuruni tanah tinggi ke kawasan rata tanah perkuburan, sebagaimana digambarkan oleh Niyazi al-Misri:<sup>2</sup>

*“Tubuh badan semakin kecut dan layu dari masa ke semasa. Kealpaan sentiasa menyelubungi diri, meskipun jasadnya sudah hampir reput”.*

Badan saya yang merupakan tempat tinggal bagi ruh, sudah mula runtuh dan batu batanya sudah mula gugur satu persatu dari masa ke semasa. Harapan-harapan saya yang mengikat saya dengan dunia dengan kuat dan tali temalnya sudah mula melonggar dan terburai. Terlintas dalam fikiran saya suatu perasaan bahawa waktu untuk berpisah dengan para kekasih dan rakan taulan yang tidak terkira ramainya itu sudah terlalu hampir. Lalu saya mencari-cari penawar bagi

---

<sup>2</sup> Niyazi al-Misri ialah seorang penyair Turki (1618-1694) yang dilahirkan di sebuah kampung berdekatan dengan wilayah Malatiyyah. Beliau menamatkan pengajiannya di al-Azhar lalu diberi gelaran al-Misri. Beliau mempunyai sebuah antologi syair dan beberapa tulisan lain. Antaranya: Risalat al-Hasanayn, Mawa'id al-'Irfan wa 'Awa'id al-Ihsan dan Hidayat al-Ikhwan. Beliau menjawat jawatan penasihat di beberapa buah sekolah di Istanbul.  
- Penterjemah



membalut luka saya yang dalam itu yang nampaknya tidak ada ubat yang mujarab setakat ini! Saya tidak berupaya menemukan ubat yang boleh menyembuhkan luka saya itu. Lalu saya juga berkata sebagaimana diucapkan oleh Niyazi al-Misri:

*“Hikmah Tuhan menjadikan jasad akan binasa. Sedangkan hati amat cintakan keabadian. Jiwaku meratapi bala bencana dan kesakitan. Hatta Luqman pun kebingungan mencari penawar dan ubatan”.*

Sedang saya berada dalam keadaan demikian, tiba-tiba terpancar nur (cahaya) Rasulullah ρ yang merupakan rahmat kepada sekalian alam. Baginda adalah rahmat Allah I dan baginda sendiri pernah mengungkapkan demikian. Baginda juga adalah penyeru kepadanya dan pembicara tentangnya. Tiba-tiba dengan syafaat yang dibawa oleh baginda dan dengan hadiah berbentuk hidayah kepada seluruh kemanusiaan, nur baginda menjadi balsam dan penawar serta ubat yang amat berkesan bagi penyakit melarat yang saya sangka tidak mempunyai penawar itu. Nur baginda juga menukarkan kekecewaan kelam yang menyelubungi saya kepada cahaya pengharapan yang terang benderang.

**Ya. Wahai orang-orang tua dan lemah yang dihormati! Wahai orang yang merasa dirinya tua sepertiku!**

Sesungguhnya kita tetap akan pergi. Kita tidak dapat melarikan diri daripadanya. Kita tidak akan dibenarkan untuk tinggal di sini untuk terus memperdayakan diri dan menutup

mata. Kita pasti akan diheret kepada kesudahan yang pasti. Tetapi alam barzakh tidaklah sebagaimana tergambar kepada kita sebagai kegelapan angan-angan yang timbul daripada kealpaan dan sebagaimana digambarkan oleh ahli kesesatan. Ia bukanlah alam yang memisahkan, bukanlah alam yang gelap, bahkan ia adalah tempat perhimpunan dan pertemuan para kekasih serta rakan taulan, dan yang berada di barisan paling hadapan ialah kekasih tuhan sekalian alam dan pemberi syafaat kepada kita di sisi Allah I pada hari kiamat, selawat dan salam ke atas baginda ρ.

Ya. Sesungguhnya Rasulullah ρ adalah penguasa kepada 350 juta manusia pada setiap zaman, sepanjang 1,350 tahun. Baginda mendidik ruh mereka, memberi petunjuk kepada akal mereka, dan menjadi kekasih hati mereka. Pada setiap hari, pahala semua kebaikan yang dilakukan oleh umatnya diangkat kepada lembaran kebaikan baginda, kerana baginda adalah sebab kepada segala kebaikan tersebut, sedangkan sebab adalah sama dengan orang yang melakukannya sendiri. Baginda juga adalah paksi dan dasar kepada segala kehendak rabbani dan keinginan Ilahi yang murni di alam raya ini. Baginda juga adalah sebab ketinggian nilai segala benda yang wujud. Baginda adalah rasul yang mulia. Baginda berkata ketika melalui detik-detik pertama yang memuliakan alam barzakh: **“Umatku! Umatku!”** sebagaimana dinyatakan oleh beberapa riwayat yang sahih dan kasyaf yang benar. Baginda ρ juga akan berkata di Padang Mahsyar kelak: **“Umatku! Umatku!”** Baginda akan berusaha dengan syafaat yang dimilikinya untuk membantu dan menolong umatnya dengan rahmat paling besar, paling mulia, paling suci dan paling tinggi, sedangkan pada waktu itu setiap orang hanya berkata: “Alahai diriku! Alahai

diriku!” Maka kita pasti akan pergi kepada alam yang telah dimasuki oleh baginda ρ. Kita akan berpindah kepada alam yang mendapat cahaya melalui pelita bercahaya tersebut (Rasulullah ρ) dan melalui pendamping di sekitar baginda yang terdiri daripada para asfiya’ (orang pilihan) dan awliya’ (para wali) yang tidak terhitung bilangan mereka.

**Ya, sesungguhnya mengikut sunnah Nabi yang mulia ini ρ, akan melayakkan kita untuk bernaung di bawah syafaatnya dan memetik daripada cahaya-cahayanya, serta menyelamatkan diri kita daripada kegelapan alam barzakh.**



## Harapan Keempat

Ketika kaki saya mula memijak bendul zaman tua, ketika itu kesihatan tubuh badan saya yang melabuhkan tali kealpaan juga telah mengalami zaman tua. Zaman tua dan penyakit telah berpakat melancarkan serangan terhadap saya dalam masa yang sama. Kedua-duanya terus menerus menjatuhkan pukulan bertalu-talu ke atas kepala saya sehingga menghilangkan rasa mengantuk yang mengalpakan daripada diri saya. Saya tidak mempunyai apa-apa yang boleh mengikat saya dengan dunia seperti harta, anak-anak dan seumpamanya. Hanya yang ada ialah dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan. Lalu saya menjerit memohon pertolongan sebagaimana jeritan yang dilaungkan oleh Niyazi al-Misri:

*“Umur telah lenyap dengan sia-sia. Aku tidak mendapat apa-apa daripadanya. Aku datang sebagai tawanan, tetapi kenderaan melarikan diri jauh daripadaku. Aku ketinggalan. Di tempat yang jauh di perantauan. Aku menangis. Aku merungut-rungut sendirian. Dalam kesesatan aku mengharungi perjalanan. Mataku bergenang, dadaku kepanasan lantaran kerinduan. Akalku kebingungan!”*

Pada ketika itu saya merasa amat terasing. Lalu saya merasa amat dukacita, nestapa, pilu dan menyesal terhadap

umur saya yang telah berlalu. Saya menjerit di dalam lubuk hati agar saya diberikan bantuan dan cahaya pengharapan.. Tiba-tiba al-Quran yang bersifat hikmah, mempunyai mukjizat dan penuh penjelasan menghulurkan bantuannya kepada saya. Ia membuka pintu pengharapan yang besar di hadapan saya. Ia juga menganugerahkan kepada saya cahaya sinaran harapan yang mampu menghilangkan berganda-ganda kekecewaan yang ada pada diri saya. Ia juga mampu menghilangkan kegelapan pekat yang berada di sekitar saya.

**Ya, wahai orang-orang tua yang lemah lagi dihormati! Wahai orang yang segala tali hubungannya dengan dunia ini mula melonggar dan mengendur sepertiku!**

Sesungguhnya Allah I adalah tuhan yang maha mencipta lagi maha mulia, yang telah mencipta dunia ini dalam bentuk sebuah bandar yang paling sempurna dan tersusun, seolah-olah ia adalah sebuah istana yang tersergam indah. Adakah *al-Sani' Zul-Jalal*, Allah yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia itu tidak akan berbicara dengan para kekasih dan tetamuNya yang paling mulia ketika berada di bandar atau istana tersebut? Adakah Dia tidak mahu menemui mereka?

Oleh kerana Dia telah mencipta istana yang tersergam indah ini berdasarkan ilmu pengetahuanNya yang tinggi, dan Dia telah menyusunnya berdasarkan kehendakNya, dan Dia menghiasinya berdasarkan pilihanNya sendiri, maka sudah pasti Dia akan berkata-kata. Sebagaimana seseorang yang membuat binaan sesebuah bangunan mengetahui apa yang dibinanya, maka sudah pasti seseorang yang mengetahui akan berkata-kata. Oleh kerana Dia telah mencipta istana tetamu

yang indah dan menggembirakan, dan Dia menjadikan bandar ini sebagai kompleks perniagaan yang mengagumkan, maka sudah pasti Dia mempunyai kitab-kitab dan lembaran-lembaran siaran yang menjelaskan apa yang dikehendaknya daripada kita dan menjelaskan hubunganNya dengan kita.

Tidak syak lagi bahawa kitab paling sempurna di antara kitab-kitab suci yang diturunkan kepada kita ialah al-Quran al-Karim yang mengandungi mukjizat itu. Kemukjizatnya terbukti melalui 40 bentuk. Pada setiap saat, paling kurang ia dibaca oleh lidah 100 juta orang. Ia juga menyebarkan cahaya dan memberikan petunjuk kepada jalan yang lurus. Pada setiap hurufnya terdapat 10 kebaikan dan 10 pahala paling kurang. Kadang-kadang 10 ribu kebaikan, bahkan 30 ribu kebaikan, sebagaimana ketika lailatul qadar. Demikianlah bagaimana ia mengurniakan sebahagian daripada buah-buahan syurga dan cahaya alam barzakh sebagaimana dikehendaki Allah I untuk dikurniakannya kepada kita. Adakah di alam ini seluruhnya terdapat sebuah kitab lain yang menyamainya dari sudut ini? Atau adakah wujud seseorang yang boleh mendakwa bahawa dia juga berupaya berbuat demikian?

Oleh itu, al-Quran yang berada pada tangan kita ini adalah kalam Tuhan sekalian alam. Ia juga adalah arahan-arahanNya yang disampaikan kepada kita. Ia juga adalah rahmatNya yang amat luas yang meluasi segala sesuatu. Ia datang daripada Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Mulia. Ia datang daripada sudut rububiyahNya yang mutlak dan daripada uluhiyyahNya yang agung. Ia datang daripada rahmatNya yang meliputi dan luas. Maka anda hendaklah berpegang teguh dengannya. Padanya penawar bagi segala penyakit. Padanya cahaya bagi segala kegelapan. Padanya

pengharapan bagi setiap kekecewaan. Kunci bagi memperoleh khazanah yang abadi ini hanyalah keimanan, penyerahan diri kepadanya semata-mata, mendengar kepadanya, mematuhiya dan mendapat kelazatan dengan membacanya.



## Harapan Kelima

Pada permulaan zaman tua, saya merasa berkeinginan untuk memencilkan diri dan berada berjauhan daripada orang ramai. Ruh saya mencari-cari kerehatan dengan memencilkan diri dan berada berseorangan di atas tanah tinggi Yusha' yang mengunjur ke arah Selat Bosfour. Pada suatu hari, ketika menerawang pandangan ke kaki langit dari puncak tanah tinggi tersebut, saya ternampak berdasarkan pandangan amaran ketuaan bahawa salah satu daripada kepingan kehilangan dan perpisahan sedang menangis dalam keadaan dukacita dan pilu. Ketika itu saya menerawang pandangan saya bermula daripada puncak pohon umur saya, iaitu daripada dahan ke 45 hingga berakhir dengan lapisan paling bawah kehidupan saya. Lalu saya nampak pada setiap dahan daripada dahan-dahan yang ada pada pohon tersebut, dan pada setiap tahun, terdapat jenazah para kekasih dan sahabat saya juga orang yang mempunyai hubungan dengan saya yang tidak terhitung bilangannya. Lalu saya amat bersedih kerana berpisah dengan para kekasih saya itu. Lalu saya meratap dengan rungutan Fuduli al-Baghdadi<sup>3</sup> ketika beliau

---

<sup>3</sup> Fuduli al-Baghdadi adalah seorang penyair yang hidup pada abad keenam belas Masihi. Beliau adalah pengasas Kesusasteraan 'Uthmani Azeri. Beliau mempunyai beberapa antologi dalam bahasa Turki, Arab dan Parsi. Beliau meninggal dunia pada tahun 1555. Antara karyanya yang masyhur ialah Laila Majnun. Nama sebenarnya ialah Muhammad. - Penterjemah



berpisah dengan para kekasihnya dengan berkata:

*“Setiap kali kerinduan untuk bertemu memuncak, air mata mengazabkanku, pernafasan pula mencungapkanku”.*

Melalui kekecewaan-kekecewaan yang mendalam itu, saya mencari-cari pintu pengharapan dan tettingkap cahaya yang boleh menghiburkan diri saya. Tiba-tiba cahaya keimanan dengan akhirat menyelamatkan dan memberikan pertolongan kepada saya dengan cahaya yang bergemerlapan. Ia menganugerahkan kepada saya cahaya yang tidak kunjung padam dan pengharapan yang tidak dikecewakan sama sekali.

**Ya, wahai saudara-saudara dan saudari-saudariku yang telah tua!**

Selagi mana akhirat wujud, selagi mana ia kekal, selagi mana ia lebih indah daripada dunia, selagi mana Tuhan yang Mencipta kita adalah *al-Hakim al-Rahim*, Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani, maka kita berkewajipan untuk tidak mengadu dan merasa sempit dada dengan zaman tua ini. Kerana umur tua yang dibasahi dengan keimanan dan ibadat yang menyampaikan seseorang kepada umur kesempurnaan, ia menjadi tanda dan alamat berakhirnya kewajipan dan tugas kehidupan. Ia juga menjadi isyarat kepada perpindahan kepada alam rahmat kerana akan berkekalan di dalam kerehatan. Oleh itu, kita mestilah reda dengan keadaan tersebut dalam erti kata yang sebenarnya.

Ya, sesungguhnya perkhawaran yang dibawa oleh 124 ribu orang yang terpilih lagi mulia dari kalangan para Nabi

dan Rasul<sup>4</sup> sebagaimana disebutkan oleh hadis adalah perkhabaran yang bersandarkan kepada ijmak secara mutawatir, juga berdasarkan kepada penyaksian sebahagian mereka serta *haqqul yaqin* oleh sebahagian yang lain. Mereka semua mengkhabarkan tentang kewujudan hari akhirat. Mereka juga mengisytiharkan dengan sepakat bahawa semua manusia akan diheret kepadanya dan bahawa Allah I tuhan yang maha mencipta tidak syak lagi pasti akan mewujudkan hari akhirat, sebagaimana dijanjikanNya secara pasti dan putus.

Perkhabaran yang disampaikan oleh para Nabi di atas dibenarkan pula oleh 124 ribu juta para wali, sama ada melalui kasyaf dan penyaksian. Para wali tersebut menyaksikan dengan sebenar-benarnya terhadap kewujudan akhirat dengan *'ilmul yaqin*. Semua ini menjadi dalil yang pasti terhadap kewujudan akhirat ...

Demikianlah, bagaimana jelmaan-jelmaan seluruh al-asma' al-husna bagi tuhan yang mencipta alam ini tercerna pada seluruh pelusuk alam ini secara mudahnya menunjukkan kewujudan sebuah alam lain yang kekal abadi. Ia juga secara jelas menunjukkan kepada kewujudan hari akhirat.

---

<sup>4</sup> Daripada Abu Umamah, Abu Zarr berkata:

*“Aku bertanya: “Wahai Rasulullah! Berapa bilangan para Nabi?” Baginda menjawab: “120 ribu orang. Daripada mereka terdapat 315 orang rasul, iaitu suatu jumlah yang besar.”*

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (Mishkat al-Masabih 3/122 t 5737. Muhaqqiq berkata: Hadis sahih. Lihat juga Zad al-Ma'ad, 1/43. - Penterjemah

Demikian bagaimana kudrat Ilahi dan hikmah kebijaksanaanNya yang mutlak bertindak tanpa cuai dan bukan secara sia-sia. Ia menghidupkan pohon-pohon yang telah mati, yang hanya tinggal tunggulnya sahaja, ia menghidupkannya dengan jumlah yang tidak terkira banyaknya di atas permukaan bumi pada setiap musim bunga, pada setiap tahun hanya dengan perintah '*kun fayakun*'. Ini menjadi tanda tentang kebangkitan semula selepas mati. Sebanyak 300 ribu jenis spesies tumbuh-tumbuhan dan binatang dibangkitkan di merata tempat. Pembangkitan ini memperlihatkan ratusan ribu bentuk kebangkitan dan menjadi dalil kewujudan akhirat.

Rahmat Allah I yang luas mengekalkan kehidupan keseluruhan makhluk bernyawa yang memerlukan rezeki. Rahmat ini juga meneruskan kehidupan makhluk tersebut dengan perasaan kasih sayang sempurna dan dalam keadaan kehidupan yang menakjubkan. Rahmat itu juga memperlihatkan penjagaan rapi berterusan yang menampilkan pelbagai jenis perhiasan dan dandanan yang tidak terhitung banyaknya dalam tempoh waktu yang amat pendek pada setiap musim bunga. Tidak syak lagi bahawa rahmat tersebut mewajibkan kewujudan hari akhirat.

Manusia berkeinginan untuk hidup kekal selamanya. Mereka rindu kepada keabadian dan bercita-cita untuk memperoleh keberkekalan. Perasaan ini tertanam kukuh di dalam fitrah mereka dan tidak mungkin tercerai daripada mereka. Manusia pula adalah hasil paling sempurna bagi penciptaan alam ini, dan makhluk paling dikasihi oleh pencipta alam ini. Manusia juga mempunyai hubungan paling

erat dengan segala makhluk yang wujud di atas permukaan alam ini. Tidak syak lagi, kesemua perasaan di atas secara mudah dan jelas menunjukkan kepada kewujudan satu alam yang kekal selepas alam yang binasa ini. Ia menunjukkan kepada kewujudan alam akhirat, iaitu negeri kebahagiaan abadi.

Maka kesemua bukti-bukti yang dinyatakan di atas adalah bukti yang diyakini sepenuhnya sehingga ia wajib dan mesti diterima. Ia menunjukkan kepada kewujudan akhirat sama seperti menunjukkan kepada kewujudan dunia ini, tanpa memerlukan pemikiran yang banyak.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Betapa mudahnya untuk memberitakan tentang sesuatu yang 'sudah sedia wujud' dan betapa sukar dan sulit untuk menafikannya dapat dilihat dengan jelas melalui perumpamaan di bawah:

Jika ada orang berkata: "Di atas permukaan bumi ini terdapat sebuah taman yang amat menakjubkan. Buah-buahannya seperti kotak-kotak susu." Tetapi kenyataannya itu dinafikan oleh orang lain, dengan berkata: "Tidak. Tidak ada taman seperti itu." Maka orang pertama boleh membuktikan dakwaannya itu dengan mudah, dengan hanya dia memperlihatkan di mana taman itu berada atau memperlihatkan sebahagian daripada buah-buahannya. Manakala orang kedua iaitu orang yang tidak mempercayainya, mestilah melihat dan memperlihatkan kepada orang lain seluruh pelosok dunia bagi membuktikan kebenaran penafian yang dibuatnya, iaitu tidak wujudnya taman seumpama itu.

Begitulah keadaannya dalam masalah orang-orang yang memberitahu tentang syurga. Mereka telah menampilkan ratusan ribu tanda-tanda kecilnya, dan mereka telah menjelaskan hasil dan kesannya. Perlu dinyatakan bahawa hanya dua sahaja tanda dan bukti sudah mencukupi untuk membuktikan dakwaan mereka. Manakala golongan yang tidak percaya kepada kewujudan syurga, maka mereka tidak berupaya untuk membuktikan penafian mereka

Pengajaran terpenting yang diajarkan oleh al-Quran kepada kita ialah keimanan kepada akhirat. Pengajaran ini adalah pengajaran yang amat mantap dan teguh. Dalam keimanan tersebut, terdapat nur yang bersinar, pengharapan yang tinggi dan hiburan yang besar, dan jika 100 ribu ketuaan berhimpun pada diri seorang individu pun, nescaya nur, pengharapan dan hiburan daripada keimanan tersebut sudah memadai baginya.

**Oleh itu, kita orang-orang tua berkewajipan untuk merasa gembira dan bahagia dengan ketuaan kita dengan berkata: “Segala puji bagi Allah I di atas kesempurnaan iman”.**



---

melainkan selepas menyaksikan seluruh alam yang tidak terbatas ini, pada masa dan zaman yang tidak terbatas, di samping membuat kajian dan eksperimen mendalam. Ketika mereka tidak menemuinya, barulah mereka boleh membuktikan kebenaran dakwaan mereka!

Wahai orang yang sudah mencapai umur tua! Wahai saudara-saudaraku! Ketahuilah bahawa alangkah besar dan mantapnya kekuatan keimanan dengan akhirat! - Penulis

## Harapan Keenam

Ketika saya berada di tempat buangan saya, iaitu tempat saya ditawan berseorangan dan terpencil daripada manusia, di atas puncak gunung Cham yang mengunjur ke atas ladang ternakan Barla ... saya ketika itu sedang mencari-cari nur (cahaya) di dalam keterasingan tersebut. Pada suatu malam, ketika saya berada di dalam bilik kecil yang tidak berbumbung, yang dibina di atas pohon pain yang tinggi di atas kemuncak tanah tinggi tersebut, tiba-tiba ketuaan saya menyebabkan saya merasa pelbagai jenis keterasingan yang saling mencelah – sebagaimana terdapat di dalam Maktub Keenam dengan jelas. Dikala keheningan malam itu, iaitu ketika tiada bunyi dan kesan yang kedengaran kecuali gemaan dukacita daripada siulan kesedihan pohon-pohon sahaja, saya merasa gemaan dukacita yang menyakitkan itu telah menembusi lubuk perasaan saya dan menyentuh lembah ketuaan dan keterasingan saya. Lalu ketuaan saya membisikkan ke telinga saya memberikan amaran:

Sesungguhnya waktu siang sudah bertukar menjadi kubur yang gelap. Dunia pula telah memakai kain kafannya yang berwarna hitam. Siang umur engkau juga akan bertukar menjadi malam. Siang dunia juga akan bertukar menjadi malam barzakh. Siang musim panas kehidupan juga akan bertukar menjadi malam musim sejuk kematian. Lalu dengan keberatan diri saya menjawab:

Ya, diri saya terasing di sini, terasing daripada kampung halaman saya dan jauh daripada tanah air saya, tetapi perpisahan saya dengan para kekasih saya yang ramai sepanjang umur saya yang melebihi 50 tahun yang ketika berpisah dengan mereka saya hanya dapat menghamburkan air mata, keterasingan saya kerana berpisah dengan mereka itu adalah keterasingan yang mengatasi keterasingan saya daripada tanah air saya. Sesungguhnya pada malam ini, saya merasa lebih dukacita dan lebih sedih daripada kesedihan saya kerana keterasingan saya berada di atas gunung ini yang sedang mengalami keterasingan dan kedukacitaan. Ini kerana ketuaan saya memberikan amaran kepada saya bahawa masa perpisahan terakhir saya dengan dunia dengan segala yang ada di dalamnya sudah hampir tiba. Melalui keterasingan yang diseliputi dengan kedukacitaan, dan melalui kedukacitaan yang digauli oleh pelbagai kedukacitaan, saya mula mencari-cari nur (cahaya), cebisan peluang dan pintu pengharapan. Tiba-tiba **'keimanan kepada Allah'** dengan segera datang bagi menyelamatkan saya dan memperteguh kedudukan saya. Ia memberikan kepada saya satu ketenangan yang amat hebat, yang jika kesakitan dan kesunyian saya berkali-kali ganda lagi lebih besar, nescaya ketenangan itu sudah mencukupi untuk menghilangkannya.

**Ya, wahai orang-orang tua yang lemah!**

Oleh kerana kita memiliki Tuhan Yang Maha Mengasihani, kita sekali-kali tidak akan ditimpa keterasingan. Oleh kerana Allah I adalah tuhan yang wujud, maka segala sesuatu adalah juga wujud bagi kita. Jika Allah I wujud, maka para malaikatNya juga wujud. Oleh itu, dunia ini tidaklah

kosong dan sunyi daripada teman yang boleh menghibur dan menemani kita. Gunung-ganang yang kosong dan padang pasir yang sunyi sebenarnya penuh dihuni oleh para hamba Allah I yang mulia dan para malaikat. Ya, sesungguhnya nur (cahaya) keimanan kepada Allah I dan pemerhatian kepada alam ini keranaNya, menjadikan semua pepohon bahkan batu-batan sebagai sahabat yang sentiasa menemani kita, apatah lagi jika ia adalah makhluk yang mempunyai perasaan seperti kita yang terdiri dari kalangan para hambaNya. Ini kerana makhluk-makhluk tersebut boleh berbicara dengan kita melalui *lisan hal* mereka sehingga berjaya menghibur dan menenangkan hati kita.

Ya, sesungguhnya dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan Allah I terlalu banyak bilangannya, sama bilangannya dengan bilangan para makhlukNya yang terdapat di dalam permukaan alam ini, sama banyak dengan bilangan huruf-huruf kitab alam yang luas ini. Terdapat juga bukti-bukti dan petunjuk-petunjuk yang mengisyaratkan kepada rahmatNya sebanyak bilangan peralatan yang ada pada makhluk yang bernyawa di samping nikmat dan makanan yang dikhususkan untuk mereka yang menjadi paksi kasihan belas, rahmat dan penjagaan rapi. Kesemuanya menunjukkan kepada pintu Tuhan kita yang maha mencipta, lagi maha pemurah dan lagi maha mengasihani. Menunjukkan kepada tuhan yang membuat dan mendampingi kita, yang menjaga dan mengasihi kita. Tidak syak lagi bahawa kelemahan dan kedaifan kita adalah pemberi syafaat paling diharapkan ketika berhadapan dengan pintuNya yang maha tinggi. Sesungguhnya zaman tua adalah masa kita lemah dan daif. Oleh itu, kita hendaklah mengasihi dan mencintai ketuanan kita, bukan kita bertindak menolak dan tidak boleh menerimanya, kerana ia



adalah pemberi syafaat yang diharapkan ketika berhadapan dengan pintu Allah I yang maha tinggi dan mulia.



## Harapan Ketujuh

Ketika kegembiraan dan senyuman *Sa'id Lama* bertukar menjadi tangisan dan esakan *Said Baru*<sup>6</sup> yang berlaku pada permulaan ketuaan saya, sebilangan masyarakat duniawi di Ankara mengundang saya agar datang ke sana kerana mereka menyangka saya masih lagi sebagai *Said Lama*, lalu saya menerima undangan mereka.

Pada suatu hari, iaitu pada hari-hari terakhir musim luruh, saya mendaki ke kemuncak kota Ankara yang lebih tua dan berumur daripada diri saya sendiri. Lalu saya menggambarkan kota yang tersergam di hadapan saya itu sebagai peristiwa-peristiwa sejarah yang membatu. Saya diselubungi oleh kedukacitaan dan kesedihan yang mendalam terhadap zaman yang sudah tua pada musim luruh ini, juga terhadap kota ini yang sudah terlalu berumur, terhadap kemanusiaan serta Daulah 'Uthmaniyyah yang sudah tua, terhadap kematian kerajaan khilafah, serta dunia ini yang sudah lanjut usia. Keadaan tersebut memaksa saya ketika berada di kemuncak kota Ankara yang tinggi itu untuk melihat kepada perlembahan masa silam dan kemuncak masa depan. Saya mencari-cari cahaya, pengharapan dan hiburan

---

<sup>6</sup> Ustaz Bediuzzaman Said Nursi menggelarkan dirinya sebagai *Sa'id Lama* sebelum beliau mula menulis *Risale-i Nur*, manakala selepas itu beliau menggelarkan dirinya sebagai *Sa'id Baru*.  
- (Penterjemah)

yang boleh menyinarkan kegelapan pekat yang saya rasakan telah menyelubungi roh saya di sana yang tenggelam di dalam kegelapan malam yang sudah tua dan berada di mana-mana.<sup>7</sup>

Ketika saya memandang ke sebelah kanan yang merupakan zaman yang telah berlalu, bagi mencari cahaya dan pengharapan, dari jauh kelihatan tanah perkuburan besar bagi ayah, datuk nenek dan manusia keseluruhannya. Pandangan ini tidak menghiburkan dan menggembirakan saya, sebaliknya menjadikan saya merasa takut.

Kemudian saya memandang ke sebelah kiri yang merupakan zaman masa depan bagi mencari ubat dan penawar. Lalu kelihatan juga sebuah tanah perkuburan besar yang gelap bagi saya, orang-orang yang seperti saya dan generasi-generasi akan datang. Pandangan ini tidak menggembirakan saya sebaliknya menjadikan saya bingung.

Kemudian saya melihat kepada zaman semasa saya setelah hati saya dipenuhi dengan kesunyian di sebelah kanan dan kiri. Lalu kelihatanlah hari tersebut pada pandangan saya yang kepenatan dan penuh sejarah seperti keranda jenazah yang membawa badan saya yang sedang bergoncang antara hidup dan mati dan seperti sedang disembelih.

Setelah kecewa terhadap sudut ini juga, saya mengangkat kepala melihat pokok umur saya. Lalu saya

---

<sup>7</sup> Keadaan rohani seperti ini telah berlaku dalam bentuk munajat kepada hati dalam bahasa Parsi, lalu saya menulisnya sebagaimana ia datang, kemudian ia dicetak bersama-sama dengan *Risalah 'Habab'* di Ankara. - Bediuzzaman Said Nursi

ternampak di atas pokok tersebut terdapat sebiji buah sahaja. Buah tersebut sedang melihat kepada saya. Ia adalah jenazah saya. Lalu saya menundukkan kepala melihat kepada akar pokok umur saya, lalu saya ternampak tanah yang berada di situ ialah tulang saya yang telah hancur dan tanah yang menjadi permulaan penciptaan saya yang telah bercampur baur di antara satu sama lain. Kedua-duanya hanya dipijak-pijak. Malah saya menjadi bertambah sakit, bukannya bertambah sihat walaupun setelah diberikan ubat penawar.

Kemudian dalam keadaan keberatan, saya memalingkan pandangan pula ke arah belakang. Lalu saya ternampak dunia yang fana' dan binasa ini sedang bergulung-gulung di dalam lembah kesia-siaan dan sedang menjunam ke dalam kegelapan kebinasaan. Lalu pandangan ini mencurahkan racun ke atas luka-luka yang saya alami, bukan memberikannya ubat dan penawar yang menyembuhkan.

Saya tidak menjumpai pada semua arah tersebut sebarang kebaikan dan pengharapan. Lalu saya memalingkan pandangan saya ke arah hadapan dan merenung jauh ke sana. Lalu saya ternampak kubur sedang menunggu saya di persimpangan jalan, sedang mengangakan mulutnya dengan luas dan merenung tajam ke arah saya. Di belakangnya terdapat jalan yang amat panjang. Ketika berhadapan dengan musibah-musibah dahsyat yang datang dari keenam-enam penjuru ini, saya tidak mempunyai sebarang tempat sandaran dan tidak mempunyai sebarang senjata yang boleh mempertahankan diri saya kecuali sebahagian daripada kehendak saya yang kecil itu. Ketika berhadapan dengan para musuh yang tidak terkira dan segala benda memudaratkan yang tidak terbatas itu, saya tidak mempunyai apa-apa melainkan satu-satunya senjata kemanusiaan iaitu senjata usaha dan ikhtiar

yang sangat kecil. Tetapi oleh kerana senjata ini hanyalah senjata yang tidak sempurna dan lemah, tidak mempunyai kekuatan untuk mewujudkan sesuatu, yang ada hanyalah usaha, kerana ia tidak mampu untuk pergi ke zaman lampau lalu menghilangkan kedukacitaan, dan ia juga tidak mampu untuk pergi ke zaman hadapan lalu menghalang segala kebimbangan dan ketakutan yang akan berlaku, maka saya yakin bahawa ia juga tidak memberikan faedah terhadap kesakitan dan pengharapan masa lalu dan masa hadapan yang menyelubungi saya.

Sedang saya merasa serba salah berhadapan dengan keenam-enam penjuru itu, saya didatangi oleh pelbagai rasa kesunyian, keseorangan, kedahsyatan, kekecewaan dan kegelapan. *Sekonyong-konyong datang cahaya keimanan yang bergemerlapan di hadapan al-Quran yang penuh mukjizat.* Ia menghulurkan kepada saya cahaya-cahaya yang terang dan bersinar yang walaupun pelbagai jenis kesunyian dan kegelapan yang saya hadapi itu berlipat ganda seratus kali pun, maka cahaya tersebut sudah mencukupi bagi menghilangkannya.

Lalu cahaya tersebut menukar segala kesunyian yang panjang itu kepada kegembiraan dan pengharapan. Ia menukarkan satu demi satu ketakutan dan kebimbangan kepada kejinakan hati dan pengharapan roh.

— **Iman** telah mencarikkan segala gambaran menakutkan bagi masa lalu yang seperti tanah perkuburan besar lalu menukarnya kepada satu majlis bercahaya yang menyenangkan dan menjadi seperti pertemuan para sahabat. Keadaan tersebut kelihatan

secara *'ain al-yaqin* dan *haqq al-yaqin* ...

- Kemudian **iman** juga turut memperlihatkan dengan *'ilm al-yaqin* bahawa masa hadapan yang kelihatan melalui pandangan kelalaian seperti sebuah tanah perkuburan yang besar dan luas, tidak lain dan tidak bukan hanyalah merupakan majlis sambutan Rahmani yang diadakan di istana kebahagiaan yang kekal abadi.
- **Iman** juga telah menghancurkan gambaran keranda dan jenazah bagi masa sekarang pada pandangan kelalaian. Ia memperlihatkan kepada saya bahawa zaman sekarang hanyalah tempat perdagangan akhirat dan tempat sambutan Ilahi yang amat menarik.
- **Iman** juga memperlihatkan dengan *'ilm al-yaqin* bahawa satu-satunya buah yang kelihatan melalui pandangan kelalaian di atas pokok umur dalam bentuk keranda dan jenazah, ia tidak lagi wujud dalam gambaran sedemikian. Tetapi ia adalah langkah permulaan bagi roh saya yang layak untuk hidup abadi dan mendapat kebahagiaan yang berkekalan daripada sarangnya menuju kepada ufuk bintang bagi bersiar-siar dan melancong.
- **Iman** juga menerangkan dengan rahsia-rahsiannya, bahawa tulang belulang saya yang telah hancur itu dan tanah permulaan penciptaan saya bukanlah tulang yang hina dan binasa serta dipijak-pijak dengan kaki sahaja, tetapi ia adalah tanah yang menjadi pintu kerahmatan dan langsir kepada khemah besar syurga.

- Dengan rahsia al-Quran, **iman** juga memperlihatkan kepada saya bahawa hal ehwal dan keadaan dunia yang sedang runtuh di dalam kegelapan ketiadaan pada pandangan kelalaian sebenarnya tidak jatuh ke dalam lembah ketiadaan, sebagaimana disangkakan pada permulaannya, bahkan ia adalah sejenis risalah Rabbani dan tulisan kudus Ilahi yang telah menyempurnakan segala tugasnya, merealisasikan segala pengertiannya dan meninggalkan hasil di alam nyata ini. Dengan demikian keimanan memberitahu saya tentang hakikat dunia dengan *'ilm al-yaqin*.
- Dengan cahaya al-Quran, **iman** menjelaskan kepada saya bahawa perkuburan yang sedang merenung tajam kepada saya bukanlah sebuah perigi yang sedang mengangakan mulutnya, tetapi ia adalah pintu bagi sebuah alam cahaya. Ia juga menjelaskan bahawa jalan yang membawa kepada keabadian bukanlah jalan yang terbentang dan berakhir dengan kegelapan dan ketiadaan, tetapi ia adalah jalan yang lurus ke arah alam cahaya, alam kewujudan dan alam kebahagiaan yang kekal abadi ... Dengan demikian, keadaan tersebut dengan jelasnya dan yakin menjadi ubat dan penawar kepada penyakit saya.
- **Iman** yang mengurniakan secebis ikhtiar melalui usaha yang amat sedikit itu memberikan satu dokumen yang bersandar kepada kekuatan mutlak. Ia juga bersandar kepada kerahmatan Ilahi yang maha luas bagi menentang pihak musuh dan kegelapan yang menyelubungi, bahkan keimanan itu sendiri

menjadi dokumen di tangan sudut ikhtiar pada diri manusia. *Kemudian, dengan rahsia iman, dari sudut ikhtiar yang merupakan senjata manusia, meskipun ia adalah lemah dan tidak berkuasa, tetapi jika ia digunakan dengan nama Allah, dan jika ia dikorbankan keranaNya semata-mata, maka ia mungkin menjadikan seseorang boleh mencapai syurga yang abadi selama 500 tahun.* Perumpamaan seorang mukmin dalam hal ini samalah seperti seorang tentera yang menggunakan sedikit kekuatannya dengan nama negara, yang memudahkannya untuk melakukan banyak tugas yang memerlukan kekuatan ribuan kali ganda lebih tinggi daripada kekuatan peribadinya.

— **Iman** juga mengurniakan sedikit ikhtiar kita itu satu dokumen yang merampas pengemudiannya daripada genggaman jasad yang tidak mampu untuk menembusi zaman lampau dan tidak juga zaman akan datang, lalu menyerahkannya kepada hati dan roh. Oleh kerana lingkungan kehidupan roh dan hati yang tidak terbatas hanya pada zaman sekarang sahaja sebagaimana halnya jasad, juga kerana masuknya beberapa tahun daripada zaman dahulu dan beberapa tahun umpamanya daripada zaman akan datang dalam lingkungan kehidupan roh dan hati, maka sedikit bahagian ikhtiar yang dimiliki manusia itu bertukar sehingga mempunyai sifat menyeluruh. Dengan kekuatan iman, sedikit bahagian ikhtiar itu dapat memasuki hingga ke bahagian lembah masa lampau yang paling dalam bagi menghancurkan kegelapan kedukacitaan. Begitu juga ia dapat



menerawang dengan cahaya iman hingga ke puncak masa depan yang paling tinggi bagi menghilangkan segala kebimbangan dan ketakutan.

**Wahai saudara-saudaraku yang sudah tua, lelaki dan perempuan! Wahai kalian yang merasa sakit dan kepenatan kerana umur yang lanjut sepertiku!**

Selagimana kita tergolong daripada ahli iman, *alhamdulillah*, sedangkan di dalam iman terdapat khazanah manis, bercahaya, lazat dan amat disukai, dan selagimana umur kita yang lanjut masih mendorong kita untuk menimba daripada khazanah ini, maka tidak sepatutnya kita mengadu dan merasa tidak senang dengan umur yang lanjut. ***Bahkan kita perlu sentiasa mengucapkan ribuan kesyukuran kepada Allah I dan memujiNya di atas umur lanjut kita yang disinari dengan keimanan.***



## Harapan Kelapan

Ketika umur saya semakin meningkat serta peristiwa-peristiwa Perang Dunia Pertama yang memberi kesan mendalam yang ditinggalkan oleh penawanan oleh pihak Rusia terhadap hidup saya, mendalamkan lagi kelalaian zaman muda saya. Ini diikuti dengan sambutan besar-besaran yang diberikan sama ada oleh khalifah atau Shaykh al-Islam, atau pemerintah tertinggi atau oleh para penuntut madrasah ketika saya pulang dari tawanan ke Istanbul. Sambutan besar-besaran yang diberikan itu adalah lebih daripada kelayakan saya untuk menerimanya ... Semua situasi tersebut melahirkan satu keadaan roh seperti kemabukan dan kelalaian zaman remaja. Ia menyebabkan saya lebih lalai sehingga saya menyangka bahawa dunia ini adalah kekal abadi. Saya melihat diri saya amat terikat dan bergelumang dengan dunia dalam keadaan yang amat menakjubkan, seolah-olah saya tidak akan mati.

Pada waktu itu, saya pergi ke Masjid Bayazid di Istanbul pada bulan Ramadan untuk mendengar bacaan al-Quran daripada para penghafaz al-Quran yang ikhlas. Saya mendengar mukjizat yang diisytiharkan oleh al-Quran dengan penuh kekuatan daripada lidah para penghafaz tersebut. Saya terdengar ayat-ayat *samawi* (langit) yang maha tinggi berkenaan kematian dan kemusnahan manusia serta kewafatan setiap yang bernyawa. Ayat tersebut ialah:

كل نفس ذائقة الموت

*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati”.*

Ali ‘Imran: 185

Perisytiharan yang bergema itu menembusi gegandang telinga saya lalu mencarik dan mengoyakkan lapisan-lapisan ketiduran, kelalaian dan kemabukan yang tebal sehingga bertapak kukuh di dalam sudut penjuru hati saya yang paling dalam.

Kemudian saya keluar dari masjid tersebut. Dalam tempoh beberapa hari, saya dapati kepala saya seperti ditimpa angin puting beliung lantaran kesan daripada kelalaian mendalam yang telah menyelubungi diri saya sejak sekian lama. Saya melihat diri saya seperti sebuah kapal besar yang sesat di tengah-tengah lautan yang bergelora dan tidak tahu ke mana hendak dituju kerana kehilangan arah. Diri saya umpama terumbang ambing dengan api yang mempunyai asap yang tebal ... Setiap kali saya melihat ke arah cermin, beberapa helai rambut saya yang telah memutih itu berkata kepada saya: “Awaslah!!!”

Ya, segalanya menjadi jelas kepada saya setelah beberapa helai rambut putih pula kelihatan di atas kepala saya dan sekaligus mengingatkan saya. Saya melihat bahawa zaman muda yang selalu menakjubkan saya itu, bahkan saya selalu tertipu dengannya berkata kepada saya: “*Selamat tinggal!*” Kehidupan dunia yang amat saya kasihkan itu juga mula terpadam sedikit demi sedikit. Dunia yang dulunya menjadi tempat pergantungan saya, bahkan yang amat saya rindui itu berkata kepada saya: “*Selamat tinggal! Selamat*

*tinggal!*” Ini semua menyebabkan saya merasa bahawa saya akan meninggalkan dunia ini dalam sedikit masa lagi. Saya melihat dunia juga berkata kepada saya: “Selamat tinggal! Bersedialah untuk berangkat.” Hati saya juga terbuka dan terdedah kepada pengertian menyeluruh firman Allah I:

كل نفس ذائقة الموت

*“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati”.*

Al-i ‘Imran: 185

Pengertian menyeluruh ayat ini ialah:

*Seluruh manusia adalah seperti jiwa yang satu. Ia pasti akan mati untuk diutuskan semula nanti. Muka bumi ini juga adalah ibarat satu jiwa yang akan mati dan akan ditimpa kemusnahan agar ia akhirnya boleh mengambil sifat kekal dan abadi. Oleh itu dunia ini adalah satu lagi jiwa dan ia akan mati untuk ia mengambil bentuk yang lain pula selepas itu, iaitu bentuk akhirat.*

Kemudian saya terfikir tentang keadaan saya ketika ini, saya melihat bahawa zaman muda yang menjadi paksi kepada segala kelazatan dan kenikmatan, pasti akan hilang dan meninggalkan tempatnya. Lalu digantikan oleh zaman tua yang menjadi punca kedukacitaan. Begitu juga dengan kehidupan yang bersinar dan indah ini sedang bersiap sedia untuk berangkat, manakala kematian yang gelap dan menakutkan pula sedang bersiap sedia untuk mengambil tempatnya.

Saya juga melihat dunia yang disukai, disayangi, manis dan disangkakan kekal oleh mereka yang alpa sedang berlari kencang ke arah kemusnahan agar saya terus tenggelam di

dalam kelalaian dan untuk terus menipu diri sendiri. Ianya juga agar saya memalingkan pandangan ke arah kedudukan sosial saya yang tinggi, yang saya perolehi di Istanbul melalui sambutan, penghormatan, penerimaan dan kekaguman. Kedudukan itu telah memperdayakan saya, walaupun pada hakikatnya, kedudukan itu adalah lebih tinggi daripada kelayakan sebenar saya. Saya melihat kesemuanya tidak menemani saya kecuali hanyalah sampai ke pintu kubur sahaja. Sampai di situ, semuanya terpadam tiada lagi.

Saya melihat perasaan riya' yang berat, ego yang melampau dan kelalaian sementara tersembunyi di bawah tirai yang menjadi hiasan kemasyhuran dan ianya merupakan satu perkara yang ideal bagi penggemarnya. Saya sedar bahawa semua perkara tersebut yang terus menipu saya hingga kini tidak akan memberi apa-apa kegembiraan kepada saya dan tidak mungkin saya akan menemui secebis cahaya pun darinya.

Sekali lagi, agar saya sedar daripada kelalaian dan terus meninggalkannya, saya mendengar sekali lagi bacaan para penghafaz al-Quran di Masjid Bayazid agar saya dapat menerima pengajaran al-Quran lagi ... Pada saat itu, saya mendengar beberapa berita gembira daripada petunjuk langit tersebut melalui arahan dan perintah ketuhanan yang qudus yang terdapat di dalam firman Allah:

وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا

*“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman...”*

Melalui limpahan yang saya ambil daripada al-Quran al-Karim, saya mencari kegembiraan dan pengharapan serta cahaya dalam perkara-perkara yang membingungkan dan menyebabkan saya berada di dalam kekecewaan dan kesunyian. Saya tidak mencari lagi pada tempat yang lain. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Allah I Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia terhadap taufiq yang diberikannya sehingga saya berjaya memperoleh penawar penyakit dan berjaya mendapat cahaya dalam kegelapan. Saya juga dapat merasai kegembiraan dalam setiap kesakitan dan kegerunan itu.

Lalu saya melihat ke arah wajah yang menggerunkan semua orang dan yang disangkakan amat menakutkan ... iaitu wajah kematian. Melalui cahaya al-Quran, saya dapati wajah sebenar kematian bagi seseorang yang beriman amat manis dan bercahaya, meskipun tirai yang melindunginya kelihatan gelap, kelam dan menggerunkan. Kami telah buktikan dan jelaskan hakikat ini dengan bukti yang utuh dalam banyak risalah, khususnya pada '*Kalimah Kelapan*' dan '*Maktub Kedua Puluh*'. Kami telah jelaskan bahawa kematian bukanlah 'peniadaan abadi' dan bukan juga 'perpisahan abadi'. Tetapi ia adalah mukadimah dan permulaan bagi kehidupan yang kekal abadi. Ia adalah pengakhiran kepada bebanan tugas kehidupan. Ia adalah pelepasan, keredahan dan pengecualian daripadanya. Ia adalah penggantian satu tempat dengan satu tempat yang lain. Ia adalah penyambungan dan pertemuan dengan sekumpulan para kekasih yang telah berangkat ke alam barzakh ... Demikianlah kematian. Dengan hakikat inilah, saya melihat wajah kematian manis dan bercahaya. Oleh itu, tidak peliklah jika saya melihat ke arahnya dalam keadaan tidak takut dan

tidak gerun. Bahkan saya melihat ke arahnya dengan sedikit perasaan rindu dari satu sudut dan melaluinya saya dapat mengenali satu rahsia daripada ‘ikatan kematian’ yang diamalkan oleh ahli tariqat dan tasauf.

Kemudian saya memerhatikan zaman muda, lalu saya melihat ia menjadikan semua orang sedih dan berdukacita ketika kehilangannya. Ia juga menjadikan semua orang rindu dan tertarik kepadanya. Ia adalah zaman yang dipenuhi dengan kelalaian dan dosa! Begitulah zaman muda saya! Dari sana, saya melihat suatu wajah yang amat hodoh, bahkan wajah yang mabuk dan membingungkan. Ia dipakaikan dengan pakaian yang bersih dan berhias indah. Jika saya tidak mengerti tentang hakikat zaman muda yang sebenar, nescaya saya akan menangisnya sepanjang hidup saya di atas muka bumi ini, sehingga meskipun saya dilanjutkan usia sehingga seratus tahun. Saya pasti akan menangisi zaman muda yang hanya berlangsung selama beberapa tahun itu dan dipenuhi dengan segala macam kegilaan dan senyuman, sebagaimana dinyatakan oleh seorang penyair yang menangisi zaman mudanya dengan penuh kedukacitaan:

*“Alangkah baiknya jika zaman muda dapat kembali semula, lalu aku memberitahunya apa yang zaman tua telah membuat kepadaku”.*

Ya, orang-orang tua yang tidak mengetahui tentang rahsia zaman muda akan menghabiskan zaman tua mereka dalam keadaan penyesalan dan tersedu sedan terhadap zaman muda mereka sebagaimana berlaku kepada penyair di atas. Sedangkan jika kesegaran dan kecergasan zaman muda yang berada pada diri seorang mukmin yang tenang, bijaksana dan

mempunyai hati yang tenang dan hebat, dan jika kekuatan kemudaan diarahkan kepada ibadat kepada Allah I, amalan yang soleh dan perniagaan akhirat, maka ia akan menjadi kekuatan kebaikan yang paling besar, wasilah perniagaan yang paling utama dan perantara kebaikan yang paling indah dan lazat.

Ya, memang zaman muda adalah zaman yang amat bernilai dan berharga. Ia adalah nikmat Ilahi yang terbesar dan kelazatan yang amat besar bagi sesiapa yang menyedari kewajipan Islamnya dan bagi sesiapa yang tidak menyalahgunakannya. Tetapi jika para pemuda tidak beristiqamah, tidak memelihara kehormatan dan taqwa, maka mereka akan lebih hampir kepada kemusnahan, kerana sifat kenakalan dan hawa nafsu yang ada pada diri mereka akan menjejaskan kebahagiaannya yang abadi dan kehidupan akhiratnya, malah mungkin kehidupan dunianya juga turut musnah. Jika ini berlaku, dia akan merasa menyesal berpanjangan semasa zaman tuanya terhadap sedikit keenakan dan kelazatan yang diperolehinya dalam tempoh beberapa tahun sahaja pada zaman mudanya.

Oleh kerana zaman muda tidak sunyi daripada kemudaratan pada sisi ramai manusia, maka kita sebagai orang tua berkewajipan untuk bersyukur kepada Allah I sebanyak-banyaknya kerana Dia telah menyelamatkan kita daripada kemusnahan dan kemudaratan zaman muda. Tambahan pula, kelazatan dan kenikmatan zaman muda pasti akan hilang sebagaimana hilang segala perkara lain. Jika zaman muda dihabiskan untuk beribadat, kebaikan dan amal soleh, maka pasti ia akan membuahkan hasilnya yang kekal abadi. Ia juga pasti akan menjadi wasilah bagi memperoleh kemudaan yang berkekalan di dalam kehidupan yang abadi



nanti.

Kemudian saya melihat kepada ‘dunia’ yang amat dikasihi oleh kebanyakan manusia. Lalu dengan cahaya al-Quran saya melihat sebenarnya terdapat tiga buah dunia besar yang saling bertindih di antara satu sama lain:

**Pertama:** Dunia yang menghala ke arah *al-Asma’ al-Husna*. Dunia ini merupakan cermin kepada *al-Asma’ al-Husna*.

**Kedua:** Dunia yang menghala ke arah akhirat. Dunia ini adalah ladang akhirat.

**Ketiga:** Dunia yang menghala ke arah ahli-ahli dunia dan ahli kesesatan. Ia adalah mainan ahli kelalaian.

Saya melihat juga bahawa bagi setiap orang di dalam dunia ini mempunyai dunia yang khusus baginya. Jadi terdapat dunia yang saling bertindih di antara satu sama lain sebanyak bilangan manusia yang wujud, cuma dunia setiap manusia itu hanya terbatas kepada kehidupan peribadinya sahaja. Ketika jasad seseorang manusia itu musnah, maka dunianya turut musnah dan qiamat akan berlaku. Tetapi orang-orang yang lalai tidak mengetahui bahawa dunia mereka akan musnah dengan begitu cepat sekali. Mereka tertipu dengan dunia dan menyangka dunia mereka sama seperti dunia sebenar yang stabil di sekitar mereka.

Lalu saya terus memerhati dengan berkata: “Tidak syak lagi bahawa saya juga mempunyai sebuah dunia tersendiri seperti orang lain. Ia akan musnah dengan cepat. Jadi apakah faedah dunia saya ini dalam umur saya yang amat pendek?!”

- Lalu dengan *cahaya al-Quran* saya melihat dunia ini bagi saya dan orang lain hanyalah tempat berdagang sementara, atau rumah persinggahan yang didatangi dan ditinggalkan setiap hari ...
- Ia adalah pasar yang dibina di tepi jalan bagi orang-orang yang datang dan pergi untuk berjual beli ...
- Ia adalah kitab yang terbuka yang sentiasa diperbaharui oleh *al-Naqqasy al-Azali*, Tuhan yang Maha Membentuk lagi Azali. (Dia memadam dan menulis apa sahaja di dalam kitab itu sekehendakNya dengan penuh bijaksana) ...
- Pada setiap musim bunga, terdapat di dalam dunia satu risalah yang bertatahkan emas ...
- Pada setiap musim panas pula, terdapat qasidah yang indah tersusun...
- Dunia ini adalah penampil kepada penjelmaan *al-Asma' al-Husna* daripada *al-Sani' Zul-Jalal*, Allah I yang Maha Pembuat lagi Maha Mulia ...
- Dunia juga adalah ladang dan taman akhirat ...
- Ia juga adalah taman bunga rahmat Ilahi ...
- Ia juga adalah kilang sementara bagi menyediakan kertas-kertas Rabbani yang kekal abadi yang akan ditampilkan di dalam dunia yang kekal abadi ...

Lalu saya bersyukur kepada *al-Khaliq Zul-Jalal*, Allah yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia sebanyak-banyaknya kerana telah Menciptakan dunia ini dalam bentuk tersebut. Ada di kalangan manusia yang dikurniakan kasih sayang yang sepatutnya dihadapkan kepada wajah dunia yang hakiki

lagi manis dan menuju ke arah *al-Asma' al-Husna* serta alam akhirat, tetapi sebaliknya mereka menggunakannya pada jalan yang salah dan menyeleweng daripada kebenaran, serta menggunakan kasih sayang itu bukan pada tempat yang sepatutnya, dengan mengarahkannya kepada wajah yang fana' dan hodoh, lalai dan mempunyai kemudahan, maka berhaklah dia mendapat apa yang dinyatakan oleh sebuah hadis yang berbunyi:

حب الدنيا رأس كل خطيئة.

*“Mencintai dunia adalah kepala segala kesalahan.”*<sup>8</sup>

### **Wahai warga tua, lelaki dan perempuan!**

Sesungguhnya saya melihat hakikat ini dengan Risale-i Nur al-Quran al-Karim. Juga melalui peringatan yang diberikan oleh ‘ketuaan’ saya. Juga melalui cahaya Risale-i Nur yang diberikan oleh keimanan kepada pandangan mata hati saya. Saya telah membuktikannya pada banyak risalah beserta dengan bukti-bukti yang kukuh ... Saya melihat hakikat ini sebagai hiburan yang hakiki kepada saya. Ia adalah harapan yang kuat dan cahaya yang bersinar ... Lalu saya merasa redha dengan ‘ketuaan’ saya dan gembira dengan pemergian zaman muda.

***Oleh itu, janganlah anda berdukacita. Janganlah anda semua menangisi bahkan hendaklah anda memuji dan***

---

<sup>8</sup> al-Hafiz al-Suyuti menisbahkan hadis ini di dalam *al-Jami' al-Saghir* kepada al-Bayhaqi di dalam cabang-cabang iman daripada al-Hasan secara mursal.

*bersyukur kepada Allah I, selagimana kamu memiliki keimanan. Demikianlah sebagaimana dinyatakan oleh hakikat kebenaran. Sebaliknya hendaklah mereka yang lalai itu menangis, dan hendaklah mereka yang sesat merasa berdukacita dan menangis tersedu sedan.*



## Harapan Kesembilan

Suatu ketika saya ditawan ketika Perang Dunia Pertama di Kosturma sebuah bandar yang jauh, terletak di timur laut Rusia. Di situ terdapat sebuah masjid kecil bagi orang-orang Tartar yang terletak di tebing Sungai Volga yang masyhur itu. Saya merasa tidak selesa berada bersama-sama dengan rakan-rakan tentera yang turut ditawan bersama. Saya lebih suka menyendiri. Tetapi saya tidak boleh bersiar-siar di luar tanpa kebenaran dan keizinan. Kemudian akhirnya saya dibenarkan untuk terus berada di dalam masjid tersebut dengan jaminan yang diberikan oleh penduduk-penduduk sebuah perkampungan berbangsa Tartar. Saya pun tidur di situ sendirian. Waktu itu menghampiri musim bunga. Waktu malam di penjuru bumi yang jauh itu amat panjang tempohnya.

Pada malam-malam yang hitam pekat dan diselubungi dengan kesedihan keterasingan itu saya selalunya tidak dapat melelepkan mata. Hanya desiran sedih air Sungai Volga, suara lembut titisan hujan dan dengus kesedihan perpisahan pada hembusan angin sahaja yang kedengaran. Kesemuanya mengejutkan saya daripada tidur dalam tempoh yang sementara, iaitu daripada tidur kealpaan yang mendalam.

Meskipun saya tidaklah menganggap diri saya sudah tua ketika itu, tetapi sesiapa yang berpengalaman melihat peperangan sudah boleh dianggap tua, kerana hari-hari yang berlalu dalam peperangan boleh menyebabkan kanak-kanak

pun menjadi tua beruban lantaran peristiwa-peristiwa gerun dan menakutkan yang berlaku. Seolah-olah salah satu rahsia daripada rahsia-rahsia ayat 17 surah al-Muzzammil terdedah di dalam peperangan. Firman Allah I:

يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ شِيبًا

*“...hari yang huru-haranya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban”.*

al-Muzzammil: 17

Meskipun ketika itu usia saya baru menghampiri 40 tahun, tetapi saya merasakan bahawa saya sudah pun berumur 80 tahun.

Pada malam yang gelap, panjang dan menyedihkan ... dalam cuaca yang diselubungi dengan kedukacitaan keterasingan ... ketika mengalami suasana yang menyedihkan ... rasa kecewa yang amat mendalam terhadap kehidupan dan tanah air saya terlekat pada hati saya, setiap kali saya berpaling kepada kelemahan dan kesunyian, harapan dan cita-cita saya terputus. Tetapi pertolongan daripada al-Quran al-Karim datang kepada saya.

Lidah saya sentiasa mengulang-ulangi perkataan:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

*“Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadaNya segala urusan kami)”.*

Al-i ‘Imran: 173

Hati saya juga berkata dalam keadaan menangis:

*“Saya terasing ... Saya keseorangan ... Saya daif ...  
Saya lemah ... Saya mengharapkan keamanan ...  
Saya meminta keampunan ... Saya menuntut  
pertolongan ... pada pintuMu wahai tuhanku!”*

Roh saya pula mengingati para kekasih saya dahulu di kampung halaman. Saya mengkhayalkan bahawa kematian saya berlaku dalam keadaan saya sedang keseorangan dan terasing ini. Terlintas dalam benak saya bait-bait syair yang diungkapkan oleh Niyazi al-Misri, iaitu bait-bait syair yang berbicara tentang kawan:

*“Saya melalui kesedihan-kesedihan dunia. Saya  
mengembangkan sayap saya ... untuk tidak  
memperoleh apa-apa. Saya terbang dalam  
kerinduan, menjerit setiap ketika: Wahai kawan!  
Wahai kawan!”*

Walau bagaimanapun, sesungguhnya kelemahan dan kedaifan saya pada malam-malam yang mendukacitakan, panjang dan hitam pekat itu, sedih terhadap perpisahan, kerana kelembutan hati dan kerana kesunyian, maka perasaan tersebut menjadi penghubung dan pemberi syafaat kepada saya untuk mendekati pintu rahmat Ilahi dan berada di sampingNya, sehingga saya merasa hairan bagaimana saya dapat melarikan diri beberapa hari sahaja selepas itu, dan bagaimana saya berjaya berjalan dalam jarak yang jauh yang jika dalam keadaan biasa jarak tersebut tidak dapat dicapai dengan berjalan kaki walaupun memakan masa setahun. Saya juga tidak menguasai bahasa Rusia dengan baik. Saya telah terlepas daripada tawanan tersebut dengan cara yang amat menakjubkan dan menghairankan. Ini adalah kerana

kelebihan penjagaan Ilahi yang saya peroleh berdasarkan kelemahan dan kedaifan saya. Saya sampai ke Istanbul melalui Warsaw dan Vienna. Demikianlah bagaimana saya terselamat daripada tawanan tersebut dengan begitu mudah sehingga ia amat menghairankan. Saya menghabiskan masa untuk melarikan diri yang panjang itu dengan amat mudah dan senang, suatu yang tidak dapat dilakukan oleh orang yang paling berani, paling pintar dan paling mengetahui selok belok taktik dan strategi, serta oleh orang yang mengetahui bahasa Rusia dengan baik.

Tetapi keadaan saya ketika bermalam di dalam masjid yang terdapat berdekatan dengan Sungai Volga itu telah memberikan ilham kepada saya supaya membuat keputusan berikut:

“Saya akan menghabiskan sisa-sisa umur saya di dalam gua dengan memencilkan diri daripada manusia. Sudah cukup rasanya saya masuk campur dalam urusan mereka. Oleh kerana, penghabisan hidup ialah masuk ke dalam kubur dalam keadaan keseorangan dan bersendirian, maka saya mesti memilih untuk bersendirian dan memencilkan diri bermula dari sekarang, agar saya dapat membiasakan diri dengan keadaan tersebut!”.

Ya, demikianlah keputusan yang saya ambil. Tetapi – alangkah dukacitanya – ramai dari kalangan para kekasih saya yang ikhlas di Istanbul serta kehidupan bermasyarakat yang membahagiakan, lebih-lebih lagi sambutan orang ramai, kemasyhuran dan kemuliaan yang diperoleh ... semuanya melupakan saya – dalam tempoh waktu yang pendek – terhadap keputusan yang telah saya ambil itu. Seolah-olah malam ketika saya terpencil itu adalah kegelapan bercahaya yang memberikan cahaya penglihatan kepada mata kehidupan



saya. Dan seolah-olah waktu siang yang membahagiakan bagi kehidupan di Istanbul adalah keputihan yang menjadikan mata kehidupan saya tidak dapat melihat. Mata kehidupan tersebut tidak dapat melihat benda yang jauh, bahkan ia tenggelam sekali lagi di dalam tidur yang nyenyak, sehingga mata tersebut berjaya dibuka semula oleh Syeikh al-Kaylani melalui kitabnya Futuh al-Ghayb dua tahun selepas itu.

### **Demikianlah wahai orang-orang tua, lelaki dan perempuan!**

Ketahuiilah bahawa kelemahan dan kedaifan yang terdapat pada zaman tua sebenarnya adalah jalan untuk memetik rahmat Ilahi dan memungut inayah Rabbani. Saya sesungguhnya menyaksikan hakikat tersebut dengan sebenarnya.

Pada kebanyakan kejadian-kejadian yang berlaku dalam kehidupan saya, rahmat Allah I jelas terjelma padanya dalam bentuk yang paling terang dan jelas. Haiwan yang paling lemah dan daif ialah anak-anak kecil haiwan tersebut. Oleh itu, rahmat yang paling lembut, lazat dan indah jelas kelihatan pada anak-anak kecil haiwan itu. Kelemahan anak burung yang tinggal di dalam sarangnya di atas pohon yang tinggi, menggunakan ibunya – berdasarkan jelmaan rahmat Allah I – seolah-olah ibunya itu adalah tentera yang sentiasa menunggu-nunggu arahan untuk dilaksanakan. Lalu si ibu itu mengelilingi sekitar tanah ladang yang hijau bagi membawa rezeki yang secukupnya bagi anaknya yang masih kecil. Tetapi sebaik sahaja si anak kecil itu melupakan kelemahan dan kedaifannya ketika sayapnya semakin kuat dan sempurna, ibunya berkata kepadanya: “Engkau hendaklah

mencari rezeki sendiri sekarang.” Si ibu tidak lagi menyahut panggilannya selepas itu.

Sebagaimana rahsia rahmat Allah I berlaku dalam bentuk yang dinyatakan di atas terhadap anak-anak haiwan yang kecil, ia juga turut berlaku dari sudut kelemahan dan kedaifan orang-orang tua yang sudah menjadi sama seperti keadaan anak-anak haiwan yang kecil tersebut.

Pengalaman-pengalaman saya sendiri telah memberikan keyakinan penuh kepada saya bahawa rezeki kanak-kanak kecil dianugerahkan kepada mereka kerana kelemahan diri mereka. Rezeki tersebut dihantar oleh rahmat Ilahi kepada mereka dalam bentuk yang amat menakjubkan. Puting susu ibu mereka memancar dan mengalirkan susu bagi mereka. Manakala rezeki golongan tua dari kalangan orang-orang beriman diperoleh daripada keadaan mereka yang terpelihara daripada melakukan kesalahan juga dihantar kepada mereka melalui rahmat Allah I dalam bentuk barakah. Tiang atau paksi barakah atau keberkatan yang terdapat di dalam mana-mana rumah ialah orang-orang tua yang mendiami rumah berkenaan. Pihak yang menjaga rumah tersebut daripada segala macam bala dan musibah ialah golongan tua yang banyak rukuk kepada Allah I dan memakmurkan rumah tersebut. Hakikat ini dibuktikan dengan pembuktian sepenuhnya oleh sebahagian daripada hadis Rasulullah ﷺ:

لَوْ لَا شَيْوُخٌ رُّكَّعٌ، لَصَبَّ عَلَيْكُمْ الْبَلَاءُ صَبًّا.<sup>9</sup>

*“Jika bukan kerana orang-orang tua yang banyak rukuk (kepada Allah I), nescaya akan ditimpakan bala kepada kamu”.*

Demikianlah bagaimana kelemahan dan kedaifan yang terdapat pada zaman tua itu menjadi paksi dan sandaran bagi mendapatkan rahmat Allah I yang maha luas. al-Quran al-Karim sentiasa menyeru para anak agar menghormati dan bersikap lemah lembut kepada kedua ibu bapa pada lima martabat, menggunakan gaya bahasa yang paling menonjolkan kemukjizatan al-Quran. Firman Allah I:

إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا  
أَفٍ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا وَأَخْفِضْ لَهُمَا

9

(لو لا عباد الله ركع، وصبيبة رضع، وبهائم رتع، لصب  
عليكم وفي رواية العذاب صبا)

*“Jika bukan kerana para hamba Allah I yang banyak melakukan rukuk (sembahyang), kanak-kanak yang menyusu dan binatang yang meragut, nescaya akan dikenakan terhadap kamu azab yang besar.”*

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tayalisi, al-Tabarani, Ibn Mandah, Ibn ‘Adi dan lain-lain daripada Abu Hurayrah secara marfu‘. Hadis yang sama juga diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam al-Jami‘ al-Saghir kemudian disebutkan perkataan ثم رص رصا maksudnya: “Kemudian azab itu ditambahkan lagi bertimpa-timpa.” al-Manawi berkata dengan menukilkan daripada al-Haythami bahawa hadis ini adalah da‘if. (Dengan ringkasan daripada *Kashf al-Khafa*, 2/163) - Penterjemah

جَنَاحِ الدَّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي  
صَغِيرًا

*“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayang memelihara dan mendidikku semasa kecil”.*

al-Isra': 23-24

Islam sentiasa memerintahkan agar orang-orang tua dihormati dan dikasihi. Fitrah semula jadi manusia juga menuntut agar penghormatan dan kasihan belas hendaklah dicurahkan kepada orang-orang tua. Oleh itu, sebagai orang-orang tua, kita janganlah menggantikan ketuaan kita ini sekalipun dengan mendapat 100 kali zaman kanak-kanak. Kerana pada zaman tua ini, kita memperoleh rasa maknawi berkekalan dan selayaknya bagi kita, menggantikan rasa material yang lahir daripada kegilaan zaman muda. Pada zaman tua ini, kita memperoleh banyak rasa rohani yang terbit daripada rahmat Allah I yang berpunca daripada

penjagaan Ilahi juga daripada penghormatan yang terpancar daripada fitrah kemanusiaan.

Ya, saya memberikan jaminan kepada kamu semua, jika saya diberikan 10 tahun zaman muda Said Lama, saya tidak akan menggantikannya dengan satu tahun daripada zaman tua Said Baru. Saya rela dan reda dengan ketuaan saya ini. Maka hendaklah kamu juga demikian.

|||

## Harapan Kesepuluh

Setelah saya pulang daripada tawanan, sekali lagi kealpaan telah menguasai diri saya sepanjang dua tahun kehidupan saya ketika di Istanbul. Iklim politik dan aliran-alirannya memalingkan saya daripada memerhatikan diri saya sendiri dan menyebabkan pemikiran dan pemerhatian saya menjadi tidak terarah.

Pada suatu hari ketika saya duduk berdekatan dengan kubur Abu Ayyub al-Ansari r.a., juga di atas tanah tinggi yang mengunjur ke arah lembah yang dalam, tenggelam dalam pemerhatian kepada kaki langit yang mengelilingi kota Istanbul, tiba-tiba saya melihat dunia saya hampir menemui kematiannya. Seinggakan saya merasakan – dalam khayalan tersebut – seolah-olah ruh saya disentak keluar daripada sebahagian tubuh saya. Lalu saya berkata: “Adakah tulisan-tulisan yang terdapat pada batu-batu nisan kubur itu mendorong saya kepada khayalan tersebut?”

Saya memalingkan pandangan saya dari luar dan merenung kepada kubur-kubur tersebut, bukan kepada tempat-tempat yang jauh, lalu dicampakkan ke dalam diri saya kata-kata berikut:

“Sesungguhnya kubur yang mengelilingi engkau mengandungi 100 buah kota Istanbul! Kerana kota Istanbul sebenarnya telah dikosongkan sebanyak seratus kali. Maka engkau sama sekali tidak akan terkecuali daripada hukuman

yang telah diputuskan oleh seorang hakim yang maha bijaksana lagi maha berkuasa yang telah mengosongkan kesemua penduduk Istanbul di sini. Engkau pasti akan pergi sama seperti mereka..!?”.

Saya meninggalkan tanah perkuburan tersebut dalam keadaan saya memikul khayalan yang menakutkan itu. Lalu saya memasuki sebuah bilik kecil yang terdapat di dalam Masjid Abu Ayyub al-Ansari r.a. yang saya pernah memasukinya sebelum ini beberapa kali. Saya tenggelam dalam berfikir mengenai diri saya: Saya hanyalah seorang tetamu! Tetamu dari tiga sudut; sebagaimana saya adalah tetamu di dalam bilik kecil ini, saya juga adalah tetamu bagi kota Istanbul dan saya juga adalah tetamu bagi dunia ini. Sudah pasti saya akan meninggalkannya nanti. Oleh itu, seseorang yang bermusafir hendaklah sentiasa memikirkan tentang jalan yang akan ditempuhinya nanti.

Ya, sebagaimana saya akan keluar dan meninggalkan bilik kecil ini, saya juga akan keluar daripada kota Istanbul pada suatu hari nanti dan meninggalkannya. Begitu juga, saya akan keluar daripada dunia ini.

Demikianlah bagaimana saya duduk memikirkan perkara tersebut dalam keadaan demikian. Dalam keadaan yang menyakitkan, sedih dan berkeluh kesah. Ini tidaklah pelik, kerana saya akan meninggalkan para kekasih yang ramai bersendirian, bahkan saya juga akan berpisah dengan ribuan para kekasih saya di Istanbul, bahkan saya juga akan meninggalkan Istanbul yang amat saya kasihi dan saya akan bercerai daripada ratusan ribu para kekasih, sebagaimana saya akan bercerai daripada dunia indah yang menjadi tempat

kita dicuba dengan pelbagai bala bencana.

Saya pergi ke tempat tinggi yang terdapat perkuburan sekali lagi. Lalu saya diperlihatkan penduduk-penduduk Istanbul dalam keadaan jenazah yang sedang berjalan dan berdiri, sebagaimana orang-orang yang telah mati kelihatan bergerak pada layar panggung wayang, yang kadang-kadang saya pergi ke sana untuk mendapatkan pengajaran dan iktibar. Lalu khayalan saya berkata kepada diri saya: “Oleh kerana sesetengah mayat yang tidur di sini boleh kelihatan bergerak pada layar panggung wayang, maka fikirkanlah tentang manusia bahawa mereka juga sudah pasti akan memasuki kubur ini, bahkan anggapkanlah bahawa mereka sedang memasukinya sekarang.”

Sedang saya berbalik-balik berada dalam keadaan yang mendukacitakan dan menyakitkan itu, tiba-tiba terdapat satu cahaya daripada al-Quran al-Karim dan dengan panduan daripada Syeikh al-Geylani (semoga Allah I merahmatinya). Cahaya dan panduan tersebut telah menukar keadaan yang mendukacitakan itu kepada keadaan yang menggembirakan dan membahagiakan, yang mempunyai kenikmatan dan kelazatan. Cahaya daripada al-Quran al-Karim itu telah mengingat dan menyedarkan saya kepada:

Engkau mempunyai seorang atau dua orang kawan dari kalangan anggota tentera semasa engkau berada dalam tawanan di Kosturma, sebuah bandar di timur laut Rusia. Engkau secara pasti mengetahui bahawa kedua-duanya akan balik ke Istanbul. Jika salah seorang daripada mereka memberikan pilihan kepada engkau dengan berkata: “Adakah engkau akan pergi ke Istanbul atau mahu terus tinggal di sini?” Sudah pasti engkau akan memilih dalam keadaan gembira untuk pergi ke Istanbul jika engkau memiliki secebis



kewarasan akal, kerana 999 daripada seribu orang kekasih engkau sekarang sedang berada di Istanbul. Sedangkan di sini, engkau hanya mempunyai seorang atau dua orang sahaja yang engkau kenali, yang juga akan pergi ke sana (Istanbul) pada bila-bila masa. Oleh itu, berangkat ke Istanbul bagi engkau bukanlah suatu perpisahan yang menyedihkan dan bukan juga sebagai perceraian yang menyakitkan. Dan sekarang engkau sudah berada di Istanbul. Tidakkah engkau merasa reda dan bersyukur? Engkau telah terselamat daripada terus berada di negeri musuh, daripada kegelapan pekat malamnya dan daripada kesejukannya yang berangin kencang lagi menggigilkan. Engkau sekarang sudah berada di Istanbul yang indah dan permai, seperti syurga di dunia! Begitulah keadaannya kerana 99 peratus orang-orang yang engkau kasihi semenjak kecil hingga sekarang telah pergi ke kubur yang kelihatan sunyi dan menakutkan. Hanya tinggal seorang atau dua orang sahaja yang masih berada di atas dunia ini. Mereka juga sedang menuju ke sana. Oleh itu, kematian engkau di dunia ini bukanlah bererti perpisahan. Tetapi ia adalah perjumpaan dan pertemuan dengan para kekasih yang dirindukan.

Ya, sesungguhnya ruh yang kekal itu telah meninggalkan tempat-tempat tinggal mereka dan persemadian mereka yang luput ditelan tanah. Sesetengah daripada mereka sekarang sedang bersiar-siar di antara bintang-bintang di langit. Manakala sesetengah daripada mereka pula sedang bersiar-siar di lapisan-lapisan alam barzakh.

Demikianlah bagaimana cahaya al-Quran itu mengingat dan menyedarkan saya. Hakikat ini telah dibuktikan dengan

amat pasti oleh al-Quran al-Karim dan keimanan. Sesiapa yang masih memiliki hati dan ruhnya, atau sesiapa yang masih belum ditenggelamkan oleh kesesatan, sudah pasti dia akan mempercayainya, seolah-olah dia sedang melihatnya. Allah I menghiasi dunia ini dengan pelbagai kemurahanNya yang tidak terhitung dan dengan pelbagai bentuk pemberianNya yang tidak terhingga. Dia juga memperlihatkan rububiyahNya yang mulia lagi mengasihani. Dia juga memelihara sekecil-kecil benda seperti biji-biji benih. Dia juga adalah tuhan yang maha membuat, mulia dan mengasihani. Sudah pasti tuhan yang demikian sifatnya tidak akan memusnahkan manusia yang merupakan makhlukNya yang paling sempurna, paling mulia, paling lengkap, paling penting dan paling dikasihinya. Allah I pasti tidak akan menyudahkan manusia itu dengan kemusnahan dan ketiadaan abadi, tanpa ada rahmat dan tanpa ada pembalasan setimpal, sebagaimana yang kelihatan pada zahir, dan pasti Allah I juga tidak akan mensia-siakannya sama sekali. Bahkan Allah I yang Maha Mencipta Lagi Maha Mengasihani akan meletakkan makhluk yang dikasihinya itu di bawah tanah yang merupakan pintu rahmatNya untuk sementara sahaja, untuk diberikan pembalasannya pada kehidupan yang lain. Sebagaimana seorang petani yang menabur biji benih di atas tanah agar ia mengeluarkan tangkai dalam kehidupan yang lain.<sup>10</sup>

Selepas menerima peringatan al-Quran itu, bagi saya kubur menjadi lebih saya sukai daripada kota Istanbul.

---

<sup>10</sup> Hakikat ini telah dibuktikan dalam bentuk yang pasti sebagaimana pastinya dua darab dua menyamai empat di dalam seluruh Risale-i Nur, terutamanya pada Kalimah Kesepuluh dan Kalimah Kedua Puluh Sembilan. - Pengarang

Berkhalwat dan beruzlah menjadi lebih saya sukai daripada bergaul dan hidup bercampur. Ini menyebabkan saya berusaha mendapatkan satu tempat untuk saya beruzlah dan berkhalwat. Akhirnya saya menemui satu tempat di Sari Yer yang menghadap ke arah Selat Bosfour. Syeikh al-Geylani telah menjadi guru, doktor dan penunjuk arah saya melalui kitabnya Futuh al-Ghayb. al-Imam al-Rabbani<sup>11</sup> juga menjadi seorang guru yang akrab, penyayang dan berperikemanusiaan kepada saya melalui kitabnya Maktubat. Dengan itu saya menjadi seorang yang amat reda dan menghargai keadaan saya yang sudah memasuki zaman tua dan keadaan saya yang jauh daripada fenomena tamadun yang menarik dan kenikmatannya yang palsu. Saya juga reda dengan keadaan

---

<sup>11</sup> Beliau ialah Ahmad bin ‘Abdul Ahad al-Sirhindi (981-1034H) yang diberikan gelaran selayaknya dengan beliau iaitu mujaddid (reformis) alaf kedua. Amat mahir dalam segala ilmu pada zamannya. Di samping itu mahir dalam pentarbiahan roh dan pendidikan jiwa, ikhlas kepada Allah I dan sentiasa menghadirkan hati keranaNya. Enggan menerima segala jawatan yang ditawarkan kepadanya. Menentang fitnah Raja Akbar yang hampir-hampir memusnahkan Islam. Beliau diberikan taufik oleh Allah I untuk memalingkan kerajaan Moghul yang kuat itu daripada kekufuran dan brahma kepada memeluk dan merangkul Islam, melalui sistem bai’ah, ukhuwwah dan nasihat yang disembarkannya di kalangan manusia. Beliau menyucikan tasawuf daripada kekeruhan. Dakwahnya bertambah subur di Benua India sehingga melahirkan seorang raja yang salih iaitu Urnak Zeb. Pada zamannya, Islam mendapat kemenangan, orang Islam dihormati dan orang kafir merasa terhina. Beliau mempunyai beberapa tulisan, yang paling masyhur ialah ‘Maktubat’ yang diterjemahkan oleh Muhammad Murad ke dalam bahasa Arab sebanyak dua jilid. - Penterjemah

saya yang disentak daripada kehidupan bermasyarakat dan penarikan diri saya daripadanya. Lalu saya amat bersyukur kepada Allah I terhadap hal yang demikian.

Maka wahai orang yang sedang melangkah ke zaman tua sepertiku..! Wahai orang yang mengingati saat kematian melalui amaran yang diberikan oleh uban di kepala..! Sesungguhnya kita mestilah reda terhadap zaman tua kita, reda dengan kematian dan reda dengan penyakit-penyakit yang menimpa. Kita hendaklah melihatnya sebagai suatu kemurahan cahaya iman yang dibawa oleh al-Quran al-Karim. Bahkan dari satu sudut, kita hendaklah mengasihinya selagi mana kita memiliki keimanan yang merupakan nikmat yang paling besar. Oleh itu, zaman tua sebenarnya adalah suatu kebaikan. Penyakit yang menimpa juga adalah kebaikan. **Hakikatnya tiada suatu pun yang hanya mengandungi keburukan semata-mata, melainkan perkara-perkara dosa, kemungkaran, bidaah dan kesesatan.**



## Harapan Kesebelas

Setelah saya pulang dan terlepas daripada tawanan tersebut, saya tinggal dengan anak saudara saya yang bernama ‘Abdul Rahman<sup>12</sup> di dalam sebuah istana yang terletak di atas puncak Camlica di Istanbul. Boleh dikatakan kehidupan yang saya tempuhi ketika itu adalah sebuah kehidupan yang amat ideal dari sudut keduniaan bagi orang-orang seperti kita. Kerana sebelum itu saya baru sahaja terselamat daripada tawanan. Peralatan untuk menulis dan menerbitkan buku juga boleh saya dapati dengan mudah di Dar al-Hikmah al-Islamiyyah<sup>13</sup> yang bersesuaian dengan profesion akademik saya. Ketika itu, saya mendapat kemasyhuran, nama saya menjadi sebutan ramai dan orang sentiasa menyambut saya, meskipun saya tidak berhak memperolehnya. Saya pula tinggal di satu kawasan yang paling indah di Istanbul iaitu di Camlica. Segala perkara bagi saya ketika itu amat indah dan baik. Anak saudara saya juga iaitu ‘Abdul Rahman – semoga Allah

---

<sup>12</sup> Nama penuhnya ‘Abdul Rahman bin ‘Abdullah. Anak saudara lelaki Ustaz Bediuzzaman Said Nursi. Dilahirkan pada tahun 1903 di Nurs dan meninggal dunia pada tahun 1928, lalu dikebumikan di Kampung Zul Fadl di Ankara. Beliau menulis sejarah kehidupan Ustaz Bediuzzaman sehingga tahun 1917 yang diterbitkannya di dalam sebuah buku yang dicetak di Istanbul.

<sup>13</sup> Satu institusi akademik tertinggi yang bernaung di bawah Jabatan Mufti Kerajaan ‘Uthmaniyyah. - Penterjemah

I merahmatinya – sentiasa bersama-sama saya. Beliau adalah seorang yang amat pintar dan bijak. Beliau adalah seorang murid yang kuat berkorban, seorang khadam dan juga seorang penulis (penyalin) dalam masa yang sama, sehingga saya menganggapnya sebagai seorang anak maknawi bagi saya.

Ketika saya merasa bahawa saya adalah seorang yang paling bahagia di dunia pada ketika itu, saya memandang kepada sebuah cermin, lalu saya ternampak beberapa helai uban pada rambut dan janggut saya. Tiba-tiba kebangkitan dan kesedaran ruh yang saya alami ketika berada di dalam sebuah masjid di Kosturma, mula mendatangi saya semula. Lalu saya mula memusatkan pandangan dan memikirkan dengan teliti tentang suasana dan hal ehwal yang dialami oleh hati saya ketika itu. Ketika itu, saya menyangka bahawa ia adalah paksi kebahagiaan duniawi. Tetapi setiap keadaan dan sebab kebahagiaan tersebut, apabila saya perhatikan dengan teliti rupa-rupanya ia hanyalah sebab yang remeh dan palsu, tidak berhak untuk kita berpegang dan terikat dengannya. Lebih-lebih lagi apabila saya mendapati wujud ketidaksetiaan dan kehilangan persahabatan pada ketika itu walaupun daripada seorang teman yang amat rapat sebelumnya dengan saya, sehingga dia boleh dianggap sebagai antara teman saya yang paling akrab. Perubahan itu berlaku sama sekali tidak saya jangkakan dan tidak langsung terlintas dalam benak pemikiran saya. Semuanya menyebabkan saya merasa terasing dan kecewa dengan kehidupan. Lalu saya berkata kepada hati saya sendiri:

Adakah saya tertipu sepenuhnya? Saya melihat ramai orang memandang kepada kehidupan kami yang pada hakikatnya adalah kehidupan yang diratapi tetapi mereka

memandang kepadanya dengan pandangan kedengkian dan hasad. Adakah semua orang telah gila? Atau adakah saya sendiri sedang menuju ke arah kegilaan, kerana saya melihat orang-orang yang terfitnah dengan dunia sebagai orang-orang yang gila dan bangang? Walau apa pun, kesedaran rohani yang tinggi yang saya alami setelah melihat beberapa helai uban menjadikan saya pertamanya melihat dan sedar bahawa segala benda yang berhubungan dengan saya terdedah kepada kemusnahan dan kehilangan!!

Kemudian saya berpaling kepada diri saya sendiri. Saya dapati ia amat lemah! Ketika itu, ruh saya menjerit, ruh yang sentiasa mengharapkan keberkekalan, bukan kemusnahan, tetapi ia berpegang dan bergantung dengan benda-benda yang akan binasa dengan menyangka bahawa terdapat keberkekalan di dalamnya. Ruh saya menjerit sekuat-kuatnya dengan berkata: “Oleh kerana jasad saya akan musnah, apakah faedah yang saya boleh harapkan daripada benda-benda yang akan musnah ini? Oleh kerana saya adalah lemah, apakah yang saya tunggu daripada orang-orang yang lemah? Penyakit saya ini tidak mempunyai penawar, kecuali di sisi Allah I yang Maha Kekal Abadi, lagi Maha Berkuasa dan Bersifat Azali.” Lalu saya mula mencari dan mencari. Perkara pertama yang saya rujuk ialah ilmu-ilmu yang pernah saya menimbanya dahulu. Saya mencari hiburan dan pengharapan padanya. Tetapi malangnya, sehingga ke waktu tersebut, ketika saya mencedok daripada ilmu-ilmu Islam saya juga mengambil daripada ilmu-ilmu falsafah dengan sangkaan bahawa ilmu-ilmu falsafah itu merupakan sumber ketinggian, kesempurnaan, paksi kebudayaan dan sinaran pemikiran. Tetapi permasalahan-permasalahan falsafah tersebut sebenar-

nya telah banyak mencemarkan roh saya, bahkan ia menjadi penghalang kepada peningkatkan maknawi bagi ruh saya.

Ya, ketika saya berada dalam keadaan tersebut, tiba-tiba hikmah suci al-Quran datang menyelamatkan saya, sebagai rahmat, kelebihan dan kemuliaan daripada Allah I. Lalu segala kotoran masalah-masalah falsafah yang melekat pada saya telah dapat dibersihkan. Roh saya disucikan daripadanya sebagaimana dijelaskan pada beberapa tempat daripada Risale-i Nur. Ini kerana kegelapan ruh yang berpunca daripada ilmu-ilmu falsafah menenggelam dan mengaramkan ruh saya di kalangan para makhluk. Ke mana sahaja saya halakan pandangan saya kepada masalah-masalah falsafah itu, saya tidak melihat sebarang cahaya mahupun kerlipannya. Saya tidak mampu bernafas dengan baik dan lapang. Sehingga datang cahaya tauhid yang bersinar dan berpunca daripada al-Quran yang mengajarkan kalimah '***La ilaha illa huwa***' (tiada tuhan melainkan Dia). Lalu selaput kegelapan tersebut dikoyakkan dan dimusnahkan. Dada saya merasa lapang dan saya dapat bernafas dengan lega dan tenang.. Tetapi nafsu dan syaitan pula melancarkan serangan bertubi-tubi terhadap akal dan hati, berdasarkan taklimat dan panduan yang diberi dan disampaikan oleh ahli kesesatan dan falsafah. Bermulalah perdebatan berlaku di dalam jiwa selepas serangan tersebut, sehingga ia berakhir – segala pujian bagi Allah atas pemberian dan kurniaanNya – dengan kemenangan dan kejayaan hati terhadap nafsu dan syaitan.

Oleh kerana sebahagian daripada perdebatan itu telah disebutkan di dalam kebanyakan Risale-i Nur, maka kami berpada dengannya. Tetapi di sini saya ingin menerangkan satu bukti sahaja daripada ribuan bukti yang ada, tentang kemenangan dan kejayaan hati terhadap nafsu dan syaitan.



Bukti ini akan menyucikan ruh orang-orang tua yang telah tercemar, hati mereka yang telah sakit, lalu diri mereka telah melampaui batasan yang ditetapkan, kadang-kadang dengan kesesatan dan kadang-kadang dengan beberapa perkara yang tidak ada kena mengena dengan mereka seperti ilmu-ilmu asing dan seni-seni tamadun kononnya. Saya mengemukakan bukti ini agar orang-orang tua itu mendapat keselamatan – dengan izin Allah I – dari sudut tauhid daripada kejahatan nafsu dan syaitan. Perdebatan tersebut adalah seperti berikut:

Atas nama ilmu falsafah kebendaan, diri saya bertanya untuk mendapatkan penjelasan: Segala benda yang wujud di alam ini saling bergabung dan bergantung kepada yang lain. Setiap benda berpunca daripada sesuatu sebab dan bersumberkan daripadanya. Buah diambil daripada pokok. Biji benih keluar daripada tanah. Jadi apakah erti kita bertadarru' kepada Allah I dan meminta sesuatu daripada sekecil-kecil perkara dan sebanyak-banyaknya daripadaNya?!

Seketika itu juga, rahsia tauhid terbongkar dengan cahaya al-Quran al-Karim dalam bentuk berikut:

Hati saya memberikan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh diri saya yang berfalsafah itu: Sesungguhnya sekecil-kecil benda dan sebanyak-banyaknya adalah sama sahaja dengan sebesar-besar sesuatu. Ia berpunca daripada kekuasaan pencipta seluruh alam ini secara langsung. Semuanya datang daripada khazanah Allah I... Tidak ada langsung cara yang lain. Sebab-sebab hanyalah pelindung dan langsir yang melindungi. MakhluK paling kecil dan kerdil pada sangkaan kita mungkin ia adalah makhluK paling besar dan hebat dari sudut penciptaan, pembuatan dan

ketelitian. Lalat sebagai contoh. Jika pembuatan dan penciptaannya tidak sampai sehalus, seseni dan seteliti pembuatan seekor ayam, tetapi pembuatannya tidaklah lebih rendah daripada pembuatan seekor ayam itu. Oleh itu, kita tidak boleh membezakan di antara makhluk yang kecil dengan makhluk yang besar dari sudut penciptaan dan pembuatan. Sama ada kita menisbahkan penciptaan keseluruhan makhluk – baik yang besar mahupun yang kecil – kepada sebab-sebab yang berbentuk material, atau kita menisbahkannya kepada Tuhan Yang Maha Esa. Sebagaimana penisbahan penciptaan kepada sebab-sebab yang material itu adalah seribu kali mustahil, maka begitu juga dengan penisbahan penciptaan kepada Allah I yang maha esa adalah seribu kali wajib untuk dipegang dan ia adalah satu perkara yang mesti dan perlu, kerana:

Ilmu Allah I adalah meliputi segala sesuatu. Ini dibuktikan dengan pasti oleh ketersusunan dan ketertiban keseluruhan benda-benda yang wujud serta hikmah di sebalik kewujudannya. Semua benda ditentukan kadarnya berdasarkan ilmu Allah I ... Semua benda yang terjadi dan diciptakan itu yang berada dalam keadaan yang amat indah dan teliti pembuatannya adalah datang dengan cara yang amat mudah daripada ketiadaan kepada kewujudan pada setiap ketika sebagaimana sentiasa disaksikan. Allah I yang maha berkuasa lagi maha mengetahui memiliki kekuasaan mutlak untuk mewujudkan segala sesuatu hanya dengan '*kun fayakun*' dalam sekelip mata sahaja. Semua ini sebagaimana kami jelaskan pada banyak tempat daripada Risale-i Nur berserta dengan bukti-bukti yang pasti, terutama pada Maktub Kedua Puluh dan penghujung Lam'ah (Kilatan) Kedua Puluh Tiga. Oleh itu, sudah pastilah bahawa kemudahan mutlak

sebagaimana disaksikan itu, serta suatu yang luar biasa, tidak lain dan tidak bukan adalah datang daripada liputan ilmuNya dan daripada kebesaran kudratNya (kekuasaan) yang mutlak.

**Sebagai contoh:** Jika anda mencurahkan sejenis bahan kimia tertentu kepada sehelai kertas yang mengandungi tulisan yang ditulis menggunakan dakwat tertentu yang tidak boleh dilihat, akhirnya tulisan itu akan jelas kelihatan sehingga menarik setiap orang yang memandangnya untuk membacanya. Begitu juga kadar segala sesuatu dan bentuk khususnya sudah ditentukan di dalam ilmu Allah I yang amat meliputi lagi maha berkuasa secara azali. Lalu Allah I yang maha berkuasa melalukan kekuatanNya yang mutlak yang merupakan salah satu jelmaan kudratNya, dengan mudah dan senang, sebagaimana anda mencurahkan bahan kimia sebagaimana dalam perumpamaan di atas ke atas tulisan yang tidak kelihatan itu. Dia melalukannya dengan '*kun fayakun*', dengan kudratNya yang mutlak dan dengan iradahNya (kehendakNya) yang pasti berlaku.. Lalu Allah I memberikan kepada benda itu kewujudan luaran dan memperlihatkannya kepada makhluk-makhluk lain yang dapat menyaksikannya sehingga mereka dapat membaca segala ukiran-ukiran hikmah yang terdapat padanya.

Tetapi jika penciptaan segala sesuatu itu tidak dinisbahkan sekali gus kepada Allah I yang maha mengetahui lagi maha berkuasa yang azali, maka penciptaan benda yang paling kecil sekalipun – seperti lalat – menuntut pengumpulan segala yang ada hubungan dengan lalat daripada kebanyakan benda-benda yang ada di dalam alam ini. Ia hendaklah dikumpulkan berdasarkan neraca tertentu

dan dengan cara yang amat teliti sekali. Semua itu hendaklah dikumpulkan pada badan lalat tersebut. Bahkan seharusnya setiap atom yang berfungsi pada tubuh lalat itu hendaklah mempunyai pengetahuan yang sempurna tentang rahsia penciptaan lalat dan hikmah kewujudannya. Bahkan seharusnya setiap atom tersebut mengetahui secara teliti tentang keindahan penciptaan lalat dengan segala kehalusan dan huraiannya.

Tetapi sebab-sebab yang material atau tabi'i tidak mungkin sama sekali dapat mencipta sesuatu daripada tiada, sebagaimana diketahui secara mudah dan disepakati di kalangan semua orang yang berakal. Oleh itu, jika sebab-sebab tersebut mampu sekalipun untuk mewujudkan sesuatu daripada tiada, tetapi ia hanya dapat melakukannya dengan mengumpulkan daripada benda-benda yang sudah sedia wujud. Oleh itu, ia mestilah melakukan pengumpulan tersebut. Mana-mana hidupan mengandungi pelbagai unsur dan jenis yang terdapat di atas muka bumi ini, seolah-olah ia adalah inti pati keseluruhan benda-benda yang wujud atau ia adalah biji benihnya. Oleh itu, segala atom biji benih hendaklah dihimpunkan daripada sephohon pokok yang sempurna dan segala unsur makhluk yang hidup dan atom-atomnya hendaklah dihimpunkan daripada seluruh pelosok dunia. Itu pun selepas ia dibersihkan, disusun dan disukat dengan amat teliti menurut neraca-neraca tertentu dan menggunakan penapis yang amat halus dan sensitif. Oleh kerana sebab-sebab yang material dan tabi'i itu adalah jahil dan tidak dapat bergerak, maka ia sama sekali tidak mempunyai apa-apa ilmu untuk merangka sebarang perancangan, menyusun suatu sukatan, menyelaras suatu kandungan dan berinteraksi dengan segala atom yang ada

berdasarkan acuan-acuan maknawi dengan menyebatkannya ke dalam acuan-acuan tersebut agar ia tidak tercerai dan terpisah atau terlerai daripada susunan, jika tidak demikian, pasti setiap benda akan terjadi dalam keadaan dan bentuk yang pelbagai dan tidak terkira banyaknya. Memberikan hanya satu bentuk tertentu sahaja di antara bentuk-bentuk yang tidak terkira banyaknya kepada sesuatu benda, dan menyusun benda tersebut dengan kadar dan sukatan tertentu sahaja, sedangkan terdapat bermacam kadar yang tidak terkira banyaknya, sehingga menjadikan atom-atom benda yang sedang bergerak seperti banjir tidak terpisah dan tercerai, bahkan ia berada dalam keadaan amat tersusun ... kemudian membina dan membangunkan sebahagian daripadanya di atas sebahagian yang lain tanpa acuan tertentu dan tanpa kadar tertentu ... kemudian memberikan semua makhluk suatu hidupan yang tersusun dan keselarasan ... kesemua perkara ini secara jelas adalah terkeluar daripada batasan kemampuan, bahkan terkeluar daripada batasan akal dan kebarangkalian! Sesiapa yang masih belum kehilangan mata hatinya dapat melihat perkara ini dengan begitu jelas sekali! Ya, sebagai menjelaskan hakikat ini, Allah I berfirman di dalam al-Quran :

إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ  
اجْتَمَعُوا لَهُ

*“Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya”.*

al-Hajj: 73

Maksudnya: Jika segala sebab material keseluruhannya berhimpun sekalipun, ia tetap tidak mampu untuk menghimpun dan menyelaraskan badan serta segala anggota seekor lalat menurut neraca tertentu yang halus, sekalipun sebab-sebab itu diberikan kehendak dan pilihan. Bahkan jika sebab-sebab itu mampu membentuk dan menghimpunkan badan seekor lalat, namun ia tidak akan mampu untuk mengekalkan lalat tersebut dengan kadar tertentu, dan bahkan jika ia mampu untuk mengekalkan lalat tersebut dengan kadar tertentu itu, maka ia tidak akan mampu untuk menggerakkan lalat tersebut dengan cara atom-atom badan lalat itu bergerak sentiasa melalui kehidupan yang ditiupkan ke dalamnya. Oleh itu, tidak perlu difikirkan lagi bahawa sebab-sebab material tersebut tidak mungkin boleh menjadi raja kepada benda-benda yang wujud, begitu juga untuk menjadi rakan dan sahabatnya. Sahabatnya yang hakiki ialah bukan sebab-sebab tersebut. Ya, sesungguhnya sebab-sebab itu mempunyai raja dan sahabat hakiki yang sekira-kira amat mudah baginya untuk menghidupkan segala hidupan yang ada di atas muka bumi ini, semudah mewujudkan seekor lalat sahaja. Mewujudkan musim bunga baginya adalah amat mudah dan senang umpama mewujudkan sekuntum bunga sahaja.. Hakikat ini sebagaimana dijelaskan oleh firman Allah I:

مَا خَلَقْنَاكُمْ وَلَا نَبْعَثُكُمْ إِلَّا كُنُفُسًا وَاجِدَةً

*“(Bagi Allah Yang Maha Kuasa) soal menciptakan kamu semua (dari tiada kepada ada), dan soal membangkitkan kamu hidup semula sesudah mati, tidak ada apa-apa sukarnya, hanyalah seperti (mencipta dan menghidupkan semula) seorang manusia sahaja”.*

Ini adalah kerana Ia tidak memerlukan kepada pengumpulan sesuatu, kerana Ia adalah pemilik kepada '*kun fayakun*'. Juga kerana Ia mencipta dan mewujudkan daripada ketiadaan pada setiap musim bunga segala keadaan hidupan yang wujud pada musim tersebut berserta dengan sifat dan bentuknya yang tertentu, sehingga terjadi unsur-unsurnya dalam keadaan yang sempurna. Juga kerana segala perancangan, model, katalog dan perencanaan telah tertanam kukuh di dalam ilmuNya. Juga kerana kesemua atom tidak dapat bergerak melainkan di bawah lingkungan ilmu dan kekuasaanNya. Oleh itu, Ia berkuasa mencipta dan mewujudkan segala sesuatu sekelip mata sahaja dengan amat mudah. Dan segala ciptaanNya tidak akan terbabas daripada pergerakan yang diamanahkan kepadanya walau pun sebesar atom. Maka segala planet menjadi tentera yang amat tersusun dan memberikan ketaatan kepadaNya. Semua atom juga turut menjadi askar yang mematuhiNya. Semua benda berjalan berdasarkan kudrat Ilahi yang azali dan bergerak berlandaskan perlembagaan ilmu yang azali. Maka segala kesan yang berlaku di alam ini adalah berdasarkan kudrat tersebut. Oleh itu, anda janganlah memandang kecil kesan-kesan tersebut sama sekali, sehingga anda tidak mempedulikannya. Kerana lalat yang dinisbahkan kepada kudrat tersebut pernah memusnahkan Namrud. Manakala semut memusnahkan istana Fir'aun. Pohon pain yang amat kecil itu pula menanggung di atas bahunya pohon pain besar sebesar gunung. Sebagaimana kami telah buktikan hakikat ini di dalam banyak risalah, namun di sini kami berkata sekali lagi: Sesungguhnya tentera yang menisbahkan dirinya kepada seorang sultan yang berkuasa dapat melaksanakan tugas yang

mengatasi kemampuannya seribu kali ganda, seperti dia mampu untuk menawan seorang jeneral besar musuh kerana dia menisbahkan dirinya kepada sultan yang amat berkuasa. Demikian juga dengan segala sesuatu yang menisbahkan dirinya kepada kudrat azali boleh menjadi sumber kepada segala pembuatan yang menakjubkan dan halus, mengatasi sebab-sebab material ribuan kali ganda.

**Kesimpulan:** Sesungguhnya pembuatan yang amat teliti dan indah yang terdapat pada setiap benda yang amat mudah diwujudkan itu, memperlihatkan bahawa ia adalah hasil perbuatan yang dilakukan oleh Tuhan yang maha berkuasa, lagi maha azali, lagi memiliki ilmu yang meliputi segala sesuatu. Jika tidak demikian, maka adalah mustahil 100 kali mustahil bagi segala makhluk itu untuk wujud dan menghirup udara kehidupan. Bahkan jika ini terjadi, maka ia adalah terkeluar daripada lingkungan kemungkinan dan kebarangkalian, lalu termasuk ke dalam lingkungan kemustahilan dan ketidak mungkinan ... Terkeluar daripada bentuk kebarangkalian kepada bentuk kemustahilan dan hakikat kemustahilan. Bahkan tidak mungkin wujud suatu benda pun di alam ini tanpanya.

Bukti yang dikemukakan ini berada pada tahap yang paling kuat, teliti, teguh dan jelas. Ia berjaya mendiamkan diri saya yang telah menjadi murid sementara kepada syaitan dan wakil kepada ahli kesesatan dan falsafah. Saya akhirnya kembali beriman dengan keimanan yang mendalam al-hamdulillah dan ia berkata:

Ya. Sepatutnya saya mempunyai Tuhan yang Mencipta, Mengetahui dan Mendengar lintasan hati saya yang paling halus serta harapan dan doa saya yang paling tersembunyi. Dia juga mempunyai kekuasaan mutlak sehingga berupaya



memenuhi segala keperluan roh saya yang paling tidak kelihatan. Dia juga berkuasa menggantikan dunia yang hebat ini dengan dunia lain untuk memberikan kebahagiaan abadi kepada saya. Dia mewujudkan akhirat selepas Dia menghilangkan dunia ini. Sebagaimana Dia mencipta lalat, Dia juga mewujudkan segala langit ini dengan amat mudah. Sebagaimana Dia menjadikan permukaan langit ini bertatahkan matahari, Dia juga menjadikan mata saya bertatahkan anak mata (mata hitam). Jika tidak sedemikian sifatNya, maka Dia tidak akan mampu mencipta lalat. Dia juga tidak berkuasa untuk campur tangan di dalam lintasan-lintasan hati saya. Dia juga tidak dapat mendengar rintihan jiwa saya. Seseorang yang tidak mampu mencipta langit, pasti tidak dapat menganugerahkan kebahagiaan abadi kepada saya. Oleh itu, Tuhan saya adalah Tuhan yang Tendengar dan Memperbaiki lintasan-lintasan hati saya. Sebagaimana tuhan saya berdaya memenuhi udara langit dengan awan mendung yang tebal kemudian mengosongkannya daripada awan tersebut dalam masa sejam sahaja, Dialah juga yang akan menggantikan dunia ini dengan alam akhirat dan memakmurkan syurga serta membuka pintu-pintunya bagi saya seraya berkata: “Ayuh, marilah masuk!”

**Wahai saudara-saudaraku yang telah berusia!  
Wahai orang-orang yang telah menggunakan sebahagian daripada umurnya pada kesalahan-kesalahan ilmu asing dan falsafah yang kelim!**

Ketahuiilah bahawa perkataan yang selalu diulang-ulang oleh al-Quran iaitu perkataan ‘*la ilaha illallah*’ adalah suatu yang kudus. Ia adalah rukun iman yang tidak bergoncang,

tidak merekah dan tidak akan berubah sama sekali!! Alangkah kuat dan benarnya ia! Sehingga mampu menghancurkan segala kegelapan dan membaluti segala luka maknawi.

Meskipun boleh dikatakan kejadian yang panjang ini berlaku hasil daripada pintu-pintu harapan dan cita-cita daripada keadaan saya yang sudah berumur lanjut, tetapi ia berlaku bukan dengan pilihan saya sendiri. Bahkan saya sendiri tidak suka untuk melampirkannya di sini kerana saya bimbang ia akan menyebabkannya jemu. Tetapi boleh saya katakan bahawa sebenarnya seolah-olah kejadian ini ditulis dan direncanakan kepada saya. Apa pun, marilah kita kembali semula kepada perbincangan kita sebelum ini:

Ya. Demikianlah saya merasa mahu menjauhkan diri daripada kehidupan dunia yang menggiurkan di Istanbul yang pada zahirnya kelihatan dipenuhi dengan pelbagai kelazatan hasil daripada pemerhatian terhadap beberapa helai rambut dan janggut saya yang sudah memutih, juga daripada pemerhatian terhadap ketidak setiaan seorang kawan yang dahulunya amat setia dan ikhlas. Jiwa saya mula mencari perasaan-perasaan maknawi bagi menggantikan perasaan-perasaan yang telah memfitnah saya dulunya. Saya mencari nur (cahaya) dan hiburan dalam ketuaan ini yang kelihatan amat berat, membingungkan dan tidak disukai pada pandangan orang-orang yang alpa. Bagi Allah I segala puji-pujian dan ribuan kesyukuran kepadaNya kerana memberikan saya taufik untuk merasai perasaan-perasaan keimanan hakiki secara berkekalan pada perkataan '*la ilaha illallah*' dan pada nur tauhid sebagai ganti daripada perasaan-perasaan keduniaan yang tidak mempunyai sebarang hakikat dan kelazatan, bahkan langsung tidak mempunyai kebaikan

kesudahannya. Baginya juga segala puji-pujian kerana memberikan taufik kepada saya untuk melalui zaman tua saya dengan penuh kemesraan sehingga saya dapat menikmati kehangatan dan cahayanya, bukan belunggu dan kedinginan sebagaimana dialami oleh golongan yang alpa dan lalai.

Ya, wahai saudara-saudaraku! Selagi mana kamu memiliki iman ... selagi mana kamu boleh bersembahyang dan berdoa yang kedua-duanya boleh menyinari keimanan kamu, bahkan menyubur dan menggilapnya ... maka kamu pasti akan mendapati bahawa ketuaan kamu sebenarnya adalah zaman muda yang berterusan berdasarkan amalan kamu yang menjadikannya sentiasa berada dalam keadaan muda. Kerana ketuaan yang membeku sebenarnya, yang berat, yang hodoh, yang gelap dan menyakitkan hanyalah pada ketuaan ahli kesesatan, bahkan mungkin zaman muda mereka juga demikian halnya ... Oleh itu, mereka hendaklah menangis, merintih dan berkata: “Alangkah sedihnya ... Alangkah ruginya ...!”

Manakala kamu pula wahai orang-orang tua yang beriman lagi hebat, maka kamu berkewajipan untuk mensyukuri tuhan kamu dengan penuh kegembiraan dan kebahagiaan dengan mengucapkan: “Segala puji-pujian bagi Allah I atas setiap keadaan.”



## Harapan Kedua Belas

Ketika saya keseorangan tanpa pembantu di Barla, suatu tempat yang berada di daerah Isparta, saya berada dalam tawanan atau tahanan yang mengazabkan, yang dinamakan 'buang daerah'. Saya dilarang bercampur dengan orang ramai bahkan dilarang berutus surat dengan sesiapa. Di samping itu saya turut mengalami penyakit, memasuki zaman tua dan di perantauan ... Ketika saya mengalami keadaan yang tidak menentu itu dan berada dalam keadaan dukacita yang pahit, tiba-tiba terdapat satu cahaya yang menghiburkan saya terpancar daripada rahsia-rahsia seni dan titik-titik halus al-Quran al-Karim. Allah I berkenan untuk melimpahkan rahmatNya yang maha sempurna dan luas kepada saya. Lalu saya berusaha bersungguh-sungguh dengan cahaya tersebut bagi melupakan keadaan dukacita dan menyakitkan yang sedang saya hadapi itu, sehinggakan saya mampu melupakan negeri, para kekasih dan kaum kerabat saya sendiri. Tetapi malangnya, saya tidak mampu melupakan salah seorang daripada mereka selama-lamanya, iaitu anak saudara saya, bahkan dia adalah anak saya secara maknawi. Dia juga adalah murid saya yang ikhlas dan rakan saya yang berani. Namanya 'Abdul Rahman. Semoga Allah I melimpahkan rahmatNya ke atas beliau. Dia telah berpisah dengan saya lebih kurang 7 tahun lalu. Saya tidak mengetahui tentang keadaannya sehingga membolehkan saya mengutus surat kepadanya, berbual dengannya dan berkongsi penderitaan yang

dialaminya. Dia juga tidak mengetahui di mana saya berada untuk memberikan perkhidmatannya kepada saya dan menghiburkan hati saya. Sesungguhnya pada ketika itu terutamanya ketika sedang berada pada usia yang lanjut, saya amat-amat memerlukan kepada seseorang seperti ‘Abdul Rahman, seorang agung yang sanggup berkorban. Tiba-tiba pada suatu hari, salah seorang daripada mereka menyerahkan sepucuk surat kepada saya. Sebaik sahaja membukanya, saya mendapati ia adalah sepucuk surat yang menyerlahkan keperibadian ‘Abdul Rahman sepenuhnya. Sebahagian daripada kandungan surat tersebut telah dimasukkan ke dalam beberapa perenggan Maktub Kedua Puluh Tujuh yang menerangkan tiga keramat yang nyata.

Surat tersebut telah menyebabkan saya banyak menangis sehingga kini. Melalui surat tersebut, ‘Abdul Rahman menjelaskan dengan benar dan tegas bahawa dia telah berpaling sepenuhnya daripada kenikmatan dan kelazatan keduniaan. Cita-citanya yang paling tinggi ialah agar dia dapat sampai kepada saya untuk menjaga saya pada zaman tua ini sebagaimana saya pernah menjaganya pada masa kecilnya. Cita-citanya juga ialah membantu saya dengan penanya yang petah menjalankan tugas dan kerja saya yang hakiki di dunia, iaitu menyebarkan rahsia-rahsia al-Quran al-Karim. Sehingga di dalam surat tersebut, dia berkata: “Utuslah kepada saya lebih daripada 30 risalah sekalipun, saya akan menulis dan merencanakannya menjadi 30 salinan.”

Surat tersebut benar-benar menjadikan saya tertarik dan bercita-cita kuat kepada dunia. Lalu saya berkata kepada diri

saya sendiri: “Oh sekarang saya sudah berjumpa seorang murid yang ikhlas lagi berani. Murid yang mempunyai kepintaran luar biasa dan kesetiaan yang tinggi. Murid yang mempunyai ikatan hubungan yang teguh mengatasi kesetiaan anak sendiri dan mengatasi hubungan anak dengan orang tuanya. Dengan izin Allah I, dia akan menjaga saya dan berkhidmat untuk saya. Dengan cita-cita tersebut, saya lupa tentang tahanan menyakitkan yang sedang saya hadapi dan bahawa saya sebenarnya ketika itu tidak mempunyai seorang pembantu pun. Bahkan saya juga lupa tentang keterasingan dan ketuaan saya. Seolah-olah ‘Abdul Rahman telah menulis surat tersebut sepenuh kekuatannya dan sepenuh sinaran cahayanya ketika dia sedang menunggu kedatangan ajalnya, kerana dia mampu menghasilkan sebuah naskhah bercetak daripada Kalimah Kesepuluh yang saya telah pun mencetaknya sebelum itu. Risalah tersebut berbicara tentang keimanan kepada akhirat. Surat itu menjadi balsam yang menyembuhkan bagi ‘Abdul Rahman kerana ia berjaya membaluti kesemua luka maknawi yang dialaminya sepanjang 7 tahun lalu.

Dua bulan selepas itu, ketika saya masih lagi menghayati cita-cita saya itu, agar kami dapat hidup bersama dalam keadaan bahagia di atas dunia ini, tiba-tiba saya dikejutkan dengan berita kematiannya. Alangkah sedih dan alangkah dukacitanya saya! Berita tersebut amat mengejutkan saya sehingga saya masih merasai kesannya sehingga kini, meskipun telah berlalu 5 tahun. Kematiannya juga menjadikan saya amat sedih dan berdukacita yang amat mendalam, sehingga mengatasi kesakitan tahanan yang mengazabkan, kesakitan kerana tinggal bersendirian, berasingan dan kesunyian, serta kesakitan ketuaan dan

penyakit yang dihadapi.

Saya berkata: “Separuh dunia saya telah runtuh dengan kematian ibu saya, dan meskipun saya berpendapat bahawa separuh lagi dunia saya juga turut runtuh dengan kematian ‘Abdul Rahman, maka tiada lagi sebarang hubungan saya dengan dunia. Ya, jika ‘Abdul Rahman terus bersama saya di dunia ini, nescaya dia akan menjadi paksi terpenting kepada tugas akhirat saya di dunia ini, dan dia akan menjadi sebaik-baik pengganti saya, serta dia akan dapat menggantikan saya selepas ketiadaan saya. Dia juga akan menjadi sahabat yang setia bahkan dia akan menjadi penghibur sejati dan teman setia saya. Dia juga akan menjadi murid Risale-i Nur yang paling pintar. Dia juga akan menjadi seorang yang amat amanah, ikhlas dan sentiasa memeliharanya.. Maka kehilangannya merupakan kehilangan yang amat menyedihkan dan menyakitkan pada perkiraan kemanusiaan kepada orang-orang yang seperti saya. Meskipun saya berusaha bersungguh-sungguh untuk sabar dan menanggung kesedihan perpisahan tersebut, tetapi angin ribut kesedihan tetap melanda sehingga hampir-hampir meruntuhkan ikatan ruh saya. Jika tidak kerana pujukan dan hiburan yang lahir daripada nur al-Quran al-Karim yang kadang-kadang dilimpahkan kepada saya, nescaya orang yang seumpama saya tidak akan mampu untuk bertahan dan bersabar.

Saya selalu pergi dan berjalan-jalan di sekitar lembah Barla. Saya juga bersiar-siar di atas gunung-ganangnya secara bersendirian dan keseorangan. Saya duduk di tempat-tempat yang terpencil membawa bersama-sama saya kenangan-kenangan dan perasaan dukacita kerana perpisahan tersebut.

Paparan kehidupan yang bahagia dan pemandangannya yang indah ketika saya bersama-sama dengan murid-murid saya seperti ‘Abdul Rahman mendatangi benak pemikiran saya seumpama filem yang ditayangkan. Setiap kali paparan-paparan tersebut datang ke dalam khayalan saya, kekuatan pertahanan saya menjadi lemah, kerana saya cepat terkesan dengan ingatan tersebut hasil daripada keadaan saya yang sudah berusia lanjut dan keterasingan yang saya alami.

Tetapi tiba-tiba terbongkar kepada saya rahsia ayat berikut:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

*“Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. BagiNya lah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan)”.*

al-Qasas: 88

Rahsia tersebut terbongkar kepada saya dalam keadaan yang amat jelas sehingga saya mengulangi-ulangi perkataan: “Wahai Tuhan Yang Maha Kekal, Engkau sesungguhnya adalah Tuhan Yang Maha Kekal.” Dari sinilah saya mengambil hiburan saya yang hakiki.”

Ya! Saya dapat melihat diri saya berdasarkan rahsia ayat yang mulia ini, juga melalui lembah yang kosong itu, ketika berada dalam keadaan sedih dan dukacita. Saya melihat berada di bahagian atas tiga jenazah besar sebagaimana yang saya isyaratkan di dalam Risalah Mirqah al-Sunnah (Tangga al-Sunnah):



**Pertama:** Saya melihat diri saya sebagai seorang yang sedang menyaksikan satu kubur yang mengandungi lima puluh lima orang Sa'id yang telah mati dan dikebumikan semasa hayat saya, berdasarkan usia saya yang sudah mencecah 55 tahun.

**Kedua:** Saya melihat diri saya umpama makhluk yang amat kecil seperti semut yang sedang merayap di atas permukaan zaman ini yang seumpama seseorang yang sedang menyaksikan kubur jenazah besar bagi manusia yang sebangsa dengan saya, yang telah dikebumikan di perkuburan masa lalu semenjak zaman Nabi Allah Adam a.s.

**Ketiga:** Terpampang dalam khayalan saya berdasarkan rahsia ayat al-Quran tersebut juga bahawa dunia yang besar tersergam ini mati, sebagaimana matinya sebuah planet lain setiap tahun, sebagaimana matinya manusia.. Demikianlah bagaimana pentafsiran secara *ishari* (isyarat) terhadap ayat al-Quran berikut telah membantu saya. Firman Allah I:

فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ  
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

*“Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): “Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dia lah yang*

*mempunyai Arasy yang besar”.*

al-Tawbah: 129

Ayat di atas telah memberikan cahaya yang tidak kunjung padam kepada saya, lalu menghapuskan segala perasaan dukacita yang saya alami hasil daripada kematian Abdul Rahman. Ayat tersebut juga menganugerahkan kegembiraan dan hiburan yang hakiki.

Ya, ayat tersebut telah mengajar saya bahawa selagi mana Allah I wujud, maka Ia menjadi ganti kepada segala perkara. Selagi mana Allah I kekal, maka cukuplah Ia bagi para hambaNya. Kerana hanya satu jelmaan daripada jelmaan inayahNya sudah menyamai seluruh alam ini. Satu jelmaan sahaja daripada jelmaan nurNya yang meliputi telah memberikan kehidupan maknawi yang sempurna kepada ketiga-tiga jenazah tersebut, seolah-olah ia bukan jenazah lagi, bahkan ia menjadi seperti orang-orang yang telah menyelesaikan segala tugas mereka di atas muka bumi ini lalu berpindah ke negeri lain.

Memandangkan kami telah menjelaskan rahsia ini dan hikmahnya pada Lam'ah (Kilatan) Ketiga, saya berpendapat bahawa tidak perlu saya membuat penjelasan lanjut itu di sini, tetapi saya katakan:

Sesungguhnya yang menyelamatkan saya daripada keadaan yang mendukacitakan itu ialah pengulangan sebanyak dua kali yang saya lakukan terhadap perkataan “Wahai Tuhan Yang Maha Kekal! Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Kekal ...” Perkataan ini sebenarnya adalah makna kepada ayat:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ

*“Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah”.*

al-Qasas: 88

Penjelasannya adalah sebagaimana berikut:

Sesungguhnya ketika saya berkata pada kali pertama “Wahai Tuhan Yang Maha Kekal! Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Kekal ...”, penyembuhan dan proses perbaikan seperti operasi pembedahan mula berlaku terhadap luka-luka maknawi yang tidak terhingga yang lahir daripada kehilangan dunia dan perpisahan dengan orang-orang yang saya kasihi seperti ‘Abdul Rahman. Perasaan kehilangan ini berlaku hasil daripada terputusnya ikatan yang menghubungkan saya dengan mereka.

Pada kali kedua pula saya mengucapkannya, ayat “Wahai Tuhan Yang Maha Kekal! Sesungguhnya Engkau adalah Tuhan Yang Maha Kekal ...” menjadi ubat sapan dan balsam yang mujarab bagi semua luka maknawi tersebut. Ini berlaku hasil daripada pemerhatian terhadap makna berikut:

Berpindahlah sesiapa yang mahu berpindah wahai tuhanku! Engkau adalah tuhan yang maha kekal dan Engkau adalah tuhan yang mencukupkan! Oleh kerana Engkau adalah tuhan yang maha kekal, maka penjelmaan salah satu daripada jelmaan rahmat Engkau telah mencukupi bagi setiap sesuatu yang telah hilang. Oleh kerana Engkau adalah tuhan yang wujud, maka semua benda adalah wujud iaitu bagi benda yang memahami makna hubungannya dengan Engkau dengan dia beriman dengan kewujudan Engkau dan bergerak

berdasarkan hubungan tersebut dengan rahsia Islam. Segala kemusnahan, kehilangan, kematian dan ketiadaan yang berlaku tidak lain dan tidak bukan hanyalah langsir untuk melakukan pembaharuan. Ia juga adalah cara untuk bersiar-siar di pelbagai tempat persinggahan yang disediakan.. Dengan pemikiran ini, segala keadaan rohani yang menyedihkan dan mendukacitakan, serta segala keadaan gelap dan menakutkan, telah bertukar menjadi satu keadaan yang menggembirakan, membahagiakan dan melazatkan, serta keadaan yang bercahaya, disukai dan menyenangkan. Lalu lidah dan hati saya bahkan setiap zarah (atom) daripada zarah jasad saya sentiasa mengulang-ulangi dengan *lisan halnya* berkata: **“Segala puji-pujian adalah bagi Allah I”**.

Sesungguhnya terjelma satu bahagian daripada jelmaan rahmat Allah I dalam bentuk berikut:

Ketika saya pulang daripada tanah air kedukacitaan saya ... daripada lembah tersebut, menuju ke Barla dengan membawa bersama saya kesedihan-kesedihan tersebut, saya melihat seorang pemuda yang bernama Mustafa Qulah Unli. Dia datang menemui saya meminta penjelasan tentang beberapa permasalahan fiqh, wuduk dan sembahyang yang bersarang di dalam kepalanya. Meskipun pada ketika itu saya tidak mahu menerima kedatangan tetamu, namun ruh saya seolah-olah dapat membaca keikhlasan yang terdapat pada ruh pemuda tersebut. Seolah-olah ruh saya dapat merasakan sebelum ia berlaku, khidmat yang akan dilaksanakan oleh pemuda tersebut terhadap Risale-i Nur pada masa akan datang.<sup>14</sup> Oleh itu, saya tidak menolak untuk menerima

---

<sup>14</sup> Adik Mustafa yang dipanggil sebagai Ali Si Kecil telah menyatakan bahawa memang benar Mustafa adalah Abdul Rahman kerana dia telah menulis lebih daripada tujuh ratus naskhah Risale-i

kedatangannya sebagai tetamu.<sup>15</sup> Kemudian ternyata kepada

---

Nur dengan penanya yang suci, bahkan dia telah mendidik beberapa orang hamba Allah I yang mulia. - Pengarang.

<sup>15</sup> Memang benar, pemuda ini telah memperlihatkan bahawa dia bukan sahaja layak untuk diterima, bahkan amat layak untuk diberikan sambutan juga. - Pengarang.

Peristiwa ini saya ceritakan sebagai membuktikan kebenaran ramalan Ustaz Bediuzzaman Said Nursi bahawa Mustafa murid Risale-i Nur pertama yang berhak untuk diberikan sambutan. Sehari sebelum tiba hari ‘Arafah, Ustaz Bediuzzaman mahu bersiar-siar. Lalu beliau mengutus seseorang kepada saya agar saya menyediakan seekor kuda baginya. Saya berkata kepada beliau: “Wahai guruku! Janganlah ustaz turun untuk mengunci pintu, kerana saya sendiri akan menguncinya dan keluar daripada pintu belakang.” Tetapi Ustaz Bediuzzaman berkata: “Keluarlah dari pintu hadapan.” Beliau turun dan mengunci pintu menggunakan mangga sebaik saya keluar. Kemudian beliau naik semula ke bilik beliau untuk berbaring.

Selepas itu Mustafa Unli datang bersama dengan Haji ‘Uthman. Pada masa itu, Ustaz Nursi biasanya tidak akan menerima kedatangan sesiapapun, apatah lagi jika yang datang itu adalah dua orang. Maka sudah pasti beliau akan menolak kedatangan keduanya. Tetapi Mustafa yang disebutkan di dalam tulisan ini, sebaik sahaja dia datang menuju ke pintu bilik Ustaz Nursi bersama-sama dengan Haji ‘Uthman, seolah-olah pintu bilik itu mengucapkan selamat datang dengan berkata: “Ustazku tidak akan menerima kedatanganmu, tetapi saya akan terbuka dengan sendiri, lalu membuka pintu yang tertutup ini untuk engkau. “Ya. Sesungguhnya apa yang diperkatakan oleh Ustaz Nursi mengenai Mustafa bahawa dia layak untuk menerima sambutan dan penerimaan sebagaimana jelas kelihatan pada diri orang yang menyambutnya jelas kelihatan kerana pintu rumahnya sendiri menyaksikan yang demikian.” Khasru.

saya bahawa Allah I telah menggantikan ‘Abdul Rahman dengan pemuda tersebut yang merupakan sebaik-baik pengganti dan menjalankan tugas waris hakiki dalam memberikan khidmat kepada Risale-i Nur. Allah I telah mengutus Mustafa kepada saya, seolah-olah Dia berkata: “Aku mengambil seorang sahaja ‘Abdul Rahman daripadamu, tetapi Aku akan menggantikannya dengan 30 orang ‘Abdul Rahman lain seperti pemuda ini (Mustafa) yang akan berusaha untuk melaksanakan tugas keagamaan ini. Mereka akan menjadi penuntut yang setia, anak-anak saudara yang mulia, anak-anak yang sebenar, rakan-rakan yang baik dan sahabat-sahabat yang sanggup berkorban kepada engkau.”

Ya, segala puji bagi Allah I! Allah I telah mengurniakan kepada saya 30 orang umpama ‘Abdul Rahman. Saya berkata kepada diri saya sendiri: “Wahai hatiku yang terluka dan sedang menangis! Oleh kerana engkau telah melihat perumpamaan ini dan luka maknawi engkau yang paling penting telah dapat dirawat dan dibalut, maka engkau hendaklah bertenang dan bersenang hati bahawa Allah I akan merawat dan membaluti luka-luka engkau yang lain yang menggelisahkan engkau dan menjadikan engkau berada dalam kesakitan.”

Wahai saudara-saudaraku yang telah berusia, lelaki dan perempuan! Wahai sesiapa yang telah kehilangan anak kesayangannya sepertiku pada zaman tuanya atau berpisah

---

“Ya sesungguhnya apa yang ditulis oleh Khasru adalah benar. Saya sendiri mengakuinya. Pintu rumah yang saya tinggal di dalamnya telah menerima kedatangan Mustafa dan menyambutnya bagi pihak diri saya.” - Said Nursi

dengan salah seorang daripada kaum keluarganya! Wahai sesiapa yang merasa kesulitan kerana dihimpit pijakan zaman tuanya sedang dia menanggung kedukacitaan yang besar hasil daripada perpisahan tersebut! Kamu semua telah mengetahui tentang kedudukan dan keadaan saya. Meskipun kedudukan dan keadaan saya adalah lebih hebat berkali ganda daripada kedudukan dan keadaan yang kamu sendiri alami, tetapi ayat yang mulia itu telah membalutinya, merawatnya dan menyembuhkannya dengan izin Allah I. Tidak syak lagi bahawa farmasi al-Quran yang suci dipenuhi dengan pelbagai ubat bagi setiap penyakit kamu dan mempunyai penawar bagi setiap keperitan kamu. Jika kamu mampu menanganinya dengan keimanan dan kamu merawatnya dengan ibadah, maka sudah pasti segala bebanan ketuaan dan penderitaan yang ditanggung oleh bahu dan kepala kamu dapat diringankan.

Faktor yang menyebabkan saya menulis agak panjang lebar di sini ialah agar doa untuk ‘Abdul Rahman dapat dilakukan dengan banyak. Maka janganlah kamu merasa jemu dan bosan. Saya telah menampilkan luka saya yang menakutkan dalam bentuk yang menyakitkan dan penuh sengsara yang mungkin menyebabkan kamu merasa lebih sakit dan berdukacita sehingga menambah kesakitan dan dukacita yang sudah sedia ada pada diri kamu, maka kamu mungkin akan melarikan diri daripada apa yang saya tulis di sini. Tetapi saya hanya bermaksud untuk menjelaskan tentang kuasa menyembuh yang menakjubkan dan cahaya sinaran yang bergemerlapan yang terdapat pada balsam al-Quran yang suci.





## Harapan Ketiga Belas<sup>16</sup>

Saya akan membincangkan dalam harapan ini tentang salah satu paparan penting daripada paparan realiti kehidupan saya. Oleh itu, harapan saya agar anda tidak jemu dan bosan mengikutinya meskipun ia agak panjang.

Setelah saya terselamat daripada tawanan pihak Rusia pada Perang Dunia Pertama, saya menetap di Istanbul untuk memberikan khidmat agama di Dar al-Hikmah al-Islamiyyah selama lebih kurang 3 tahun. Tetapi dengan petunjuk al-Quran al-Karim, dengan ketinggian kesungguhan Shaykh al-Geylani dan dengan kesedaran saya terhadap usia saya yang telah lanjut, terbit perasaan jemu dan bosan terhadap kehidupan bertamadun di Istanbul. Saya sentiasa cuba melarikan diri daripada kehidupan sosialnya yang menarik. Saya merasa amat rindu dan selalu teringat kampung halaman saya. Saya berkata: “Oleh kerana saya pasti akan mati, maka saya mahu mati di kampung halaman saya sendiri.” Lalu saya menuju ke bandar Van.”

Perkara pertama yang saya lakukan ialah menziarahi madrasah lama saya yang bernama ‘Horhor’. Saya mendapati

---

<sup>16</sup> Kejadian yang menimpa sekolah tersebut sebagaimana dinyatakan di dalam Harapan Ketiga Belas ini telah berlaku 13 tahun lalu ... Ia adalah satu perkara yang menarik!! - Bediuzzaman Said Nursi

pihak Armenia telah membakarnya sebagaimana mereka telah membakar rumah-rumah lain yang terdapat di Van semasa penaklukan pihak Rusia. Saya mendaki ke sebuah kota yang masyhur di Van. Ia terbentuk daripada ketulan batu keras yang di bawahnya betul-betul terletak sekolah lama saya itu. Pada masa itu, bayangan kawan-kawan saya yang hakiki dan saudara-saudara saya yang mesra yang terdiri daripada murid-murid saya di sekolah saya itu, yang telah berpisah dengan saya lebih 7 tahun lalu kelihatan berjalan di hadapan saya. Hasil daripada trajedi yang berlaku, sebahagian daripada kawan-kawan saya yang sanggup berkorban telah benar-benar menjadi syuhada' secara hakiki dan ada di kalangan mereka yang menjadi syuhada' secara maknawi. Saya tidak dapat menahan sebak lalu menangis. Saya mendaki ke puncak paling tinggi kota tersebut yang ketinggiannya mencapai ketinggian dua buah menara. Sekolah saya terdapat di bawahnya. Saya duduk di situ sambil memerhati. Khayalan saya meninjau kepada hampir 8 tahun yang lalu. Khayalan saya kepada masa tersebut menjadi amat jelas kerana saya mempunyai daya imaginasi yang kuat, di samping tidak ada halangan yang menyekat saya daripada khayalan tersebut kerana saya ketika itu keseorangan dan terasing.

Saya menyaksikan perubahan yang sangat hebat telah berlaku sejak 8 tahun lalu. Setiap kali saya membuka mata, saya dapati seolah-olah sesuatu zaman telah berlalu pergi dengan segala peristiwanya. Saya melihat pusat bandar yang mengelilingi sekolah saya yang berada di tepi kota tersebut telah dibakar dari hujung sebelah sana hingga ke hujung sebelah sini dan telah dimusnahkan keseluruhannya. Saya melihat dengan sedih dan dukacita. Kerana saya melihat

perbezaan yang amat besar di antara apa yang saya pernah lihat dan alami dahulu dengan keadaannya yang saya lihat sekarang. Seolah-olah telah berlalu 100 tahun bagi bandar ini. Kebanyakan penduduk yang menghuni rumah-rumah yang runtuh di bandar ini adalah sahabat-sahabat dan rakan-rakan yang saya kasihi dan muliakan. Sebahagian daripada mereka telah meninggalkan bandar ini kerana berhijrah ke tempat lain yang mereka rasai kesulitan dan kesukarannya. Semoga Allah I merahmati mereka semua. Semua rumah orang Islam di bandar tersebut telah dimusnahkan. Hanya kedai-kedai milik puak Armenia sahaja yang dibiarkan. Saya merasa amat dukacita dan sedih, sehinggakan jika saya mempunyai seribu biji mata sekalipun, nescaya mata saya itu akan mengalirkan air mata yang banyak.

Saya menyangka bahawa saya telah terselamat daripada kesunyian dan keterasingan, kerana saya kembali ke bandar saya sendiri. Tetapi malangnya saya melihat kesunyian dan keterasingan yang lebih dahsyat di bandar saya sendiri; kerana saya melihat ratusan murid dan kekasih saya yang mempunyai hubungan ruh dengan saya, seperti ‘Abdul Rahman yang pernah disebutkan sebelum ini dalam Harapan Kedua Belas, telah dikebumikan ke dalam tanah. Saya juga mendapati rumah-rumah mereka telah runtuh dan musnah. Berhadapan dengan kepingan kesedihan ini, terjelma kepada saya makna satu bait syair yang telah berada dalam ingatan saya sejak lama dahulu tetapi saya tidak berapa memahami makna sebenarnya:

*“Jika bukan kerana perpisahan dengan para kekasih, nescaya kematian pasti tidak akan*

*menemui jalan untuk sampai kepada ruh kita”.*

Maksudnya bahawa kebanyakan perkara yang menyebabkan kesedihan dan memusnahkan seseorang ialah perpisahan dengan para kekasih.

Ya, sesungguhnya tiada perkara yang menjadikan saya menangis dan sedih lebih daripada kejadian tersebut. Jika pertolongan dan bantuan al-Quran dan iman tidak datang kepada saya, nescaya kesedihan, kedukacitaan dan kepiluan itu akan memberikan kesan mendalam kepada saya sehingga boleh mencabut nyawa saya. Para penyair semenjak dahulu menangi rumah-rumah para kekasih mereka ketika mereka melalui runtuh-runtuhannya. Saya pula melihat dengan mata kepala saya sendiri gambaran perpisahan yang menyedihkan itu. Lalu ruh dan hati saya bersama-sama dengan mata saya menangis dan merasa amat dukacita sama seperti orang yang melalui rumah-rumah para kekasihnya yang telah runtuh selepas 2 ratus tahun.

Selepas itu, beberapa lembaran kehidupan saya yang baik dan indah terbentang di hadapan saya dan di dalam khayalan saya satu persatu dengan jelas, sebagaimana menyaksikan filem. Kehidupan menggembirakan yang saya lalui dengan mengajar dan mendidik pelajar-pelajar saya yang cemerlang selama lebih kurang 20 tahun dan di sinilah tempatnya, yang dahulunya amat makmur dan menggembirakan, tetapi sekarang ia telah bertukar menjadi runtuh dan robohan. Saya menghabiskan masa yang lama di hadapan paparan lembaran kehidupan saya itu. Ketika itu saya merasa pelik terhadap keadaan penghuni dunia. Bagaimana mereka boleh menipu dan memperdaya diri mereka sendiri? Keadaan di sini menjelaskan secara terang bahawa dunia pasti akan binasa. Manusia pula hanyalah musafir dan tetamu yang pasti

akan pergi. Saya melihat dengan mata kepala saya sendiri betapa benarnya apa yang diperkatakan oleh ahli hakikat:

*“Janganlah kamu terpedaya dengan dunia kerana ia amat memperdayakan.. amat berbohong.. akan binasa”.*

Saya juga melihat bahawa manusia mempunyai hubungan dengan bandar dan kampung halamannya, bahkan dengan dunianya sebagaimana dia mempunyai hubungan dengan jasad dan rumahnya sendiri. Ketika saya mahu menangis dengan biji mata saya mengenangkan ketuaan saya memandangkan umur saya yang telah lanjut, saya juga mahu menangis teresak-esak dengan sepuluh biji mata bukan semata-mata kerana ketuaan sekolah saya, tetapi kerana kematiannya. Bahkan saya merasakan saya perlu menangis dengan seratus biji mata terhadap bandar dan kampung halaman saya yang dahulunya amat indah tetapi sekarang hampir-hampir mati.

Disebutkan di dalam sebuah hadis bahawa malaikat sentiasa menyeru pada setiap pagi dengan berkata:<sup>17</sup>

لُدُّوا لِلْمَوْتِ وَابْنُوا لِلْخَرَابِ.

*“Beranak pinaklah kamu untuk kematian, dan binalah (rumah) untuk diruntuhkan”.*

---

<sup>17</sup> Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi di dalam al-Shu‘ab daripada hadis Abu Hurayrah, oleh al-Tarmizi secara marfu‘, oleh Abu Nu‘aym di dalam al-Hilyah daripada Abu Zarr secara marfu‘, oleh Ahmad di dalam al-Zuhd daripada ‘Abdul Wahid, katanya: ‘Isa a.s. berkata, lalu disebutkan hadis tersebut (al-Durar al-Muntathirah) Lihat Kashf al-Khafa’ (2/41) - Penterjemah

Saya telah mendengar hakikat ini dengan mata saya, bukan dengan telinga. Sebagaimana keadaan saya ketika itu menyebabkan saya menangis, sesungguhnya khayalan saya semenjak 20 tahun lalu turut menjadikan saya menitikkan air mata setiap kali keadaan tersebut datang dalam benak pemikiran saya. Sesungguhnya kemusnahan rumah-rumah yang berada di kemuncak kota yang dahulunya dihuni semenjak ribuan tahun lalu, ketuaan bandar yang berada di bawahnya dalam masa 8 tahun sahaja sehingga seolah-olah ia kelihatan menjangkau umur 800 tahun, dan kematian sekolah saya yang berada di bawah kota tersebut yang dahulunya dipenuhi dengan degupan kehidupan dan menjadi tempat perhimpunan para kekasih ... semuanya menunjukkan kematian kesemua sekolah agama di dalam Kerajaan 'Uthmaniyyah. Ia juga menjelaskan keagungan maknawi jenazahnya yang besar, sehinggakan batu-batu yang keras dan pejal itu sedang menyaksikan kuburnya sendiri. Saya juga melihat murid-murid saya (semoga Allah I merahmati mereka semua) yang mereka pernah bersama-sama dengan saya di sekolah tersebut 8 tahun lalu, namun sekarang mereka sedang berbaring di dalam kubur masing-masing. Saya melihat seolah-olah mereka sedang menangis bersama-sama saya, bahkan rumah-rumah yang terdapat di dalam bandar yang sudah hancur serta dindingnya yang roboh dan batu-batunya yang bertaburan turut menyertai saya menangis dan berdukacita.

Sesungguhnya saya melihat segala benda seolah-olah sedang menangis. Ketika itu, saya tahu bahawa saya tidak mampu untuk menanggung kesunyian dan keterasingan di bandar dan kampung halaman saya sendiri. Lalu saya berfikir sama ada saya menyertai mereka di dalam kubur mereka atau

saya menyepi di dalam mana-mana gua yang terdapat di celah bukit bagi menunggu kedatangan ajal menjemput saya. Saya berkata oleh kerana di dunia ini pasti akan berlaku pemisahan dan perpisahan yang tidak dapat dihadapi dengan kesabaran, tidak mungkin dihalang, dan ia juga amat menyakit dan menyedihkan hingga ke tahap ini, maka tidak syak lagi bahawa kematian adalah lebih baik daripada kehidupan ini yang tidak mampu ditanggung. Oleh itu saya memalingkan wajah saya menerawang pemandangan saya ke enam-enam penjuru. Saya hanya dapat melihat kegelapan yang pekat. Kealpaan yang lahir daripada kesakitan yang kuat dan kesan yang mendalam telah memperlihatkan dunia kepada saya sebagai suatu yang takut dan menggerunkan. Dunia kelihatan kosong dan kering kontang. Seolah-olah ia akan menerkam saya pada bila-bila masa sahaja. Ruh saya mencari-cari noktah sandaran dan tiang yang kuat berhadapan dengan pelbagai bala bencana dan musibah yang tidak terhingga banyaknya dalam bentuk para musuh yang ketat. Ia juga turut mencari-cari noktah yang boleh memberikannya bantuan dan pertolongan dalam berhadapan dengan kehendak dan keinginannya yang tidak terkira banyaknya dan bersifat kekal. Ketika ruh saya mencari-cari noktah sandaran dan noktah bantuan serta mencari-cari hiburan dan melepaskan diri daripada keluh kesah dan dukacita yang lahir daripada pemisahan, perpisahan yang tidak terhitung banyaknya, keruntuhan dan kematian yang tidak terjumlah, tiba-tiba hakikat salah satu ayat al-Quran yang mengandungi mukjizat terjelma di hadapan saya dengan jelas. Ayat tersebut ialah:

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَ الْأَرْضِ يُحْيِي وَ يُمِيتُ وَ هُوَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*“Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucapkan tasbih kepada Allah; dan Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dia lah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; Ia menghidupkan dan mematikan; dan Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.*

al-Hadid: 1-2

Ayat di atas telah menyelamatkan saya daripada khayalan yang menyakit dan menggerunkan itu. Ia juga menyelamatkan saya daripada kesakitan perpisahan. Ia membuka mata hati saya. Lalu saya berpaling kepada buah-buahan yang tergantung di atas pohon yang sedang berbuah. Pohon itu tersenyum melihat saya dengan senyuman yang amat manis. Ia berkata kepada saya: “Janganlah engkau membatasi pandangan engkau kepada keruntuhan semata-mata. Alangkah baiknya jika engkau melihat dan merenung kepadaku juga ...!”

Ya, sesungguhnya hakikat ayat al-Quran yang mulia ini telah memberikan peringatan dengan kuat dan berkata: “Kenapakah engkau berdukacita hingga ke tahap ini terhadap kejatuhan sebuah misi yang dahulunya makmur dengan tangan manusia yang menjadi tetamu kepada lembaran padang pasir Van, yang akhirnya menjadi sebuah bandar yang ditinggalkan penghuninya? Kenapakah engkau bersedih terhadap kejatuhannya ke dalam kelajuan banjir yang menggerunkan yang dinamakan sebagai ‘penjajahan Rusia’ yang telah menghapuskan segala kesannya dan menghilangkan segala tulisannya? Angkatlah pandangan



engkau kepada Allah I, tuhan yang maha mencipta dan membentuk makhlukNya. Dia adalah tuhan dan pemilik hakiki kepada segala sesuatu. Semua benda berada di dalam genggamannya. Sesungguhnya segala penulisan Allah I terhadap lembaran bandar Van akan sentiasa ditulis secara berterusan dengan penuh semangat dan gembira. Situasi-situasi yang engkau saksikan pada masa lalu, tangisan dan ratapan kerana kerobohan, keruntuhan dan perubahan keadaan tempat-tempat yang engkau lihat, tidak lain dan tidak bukan adalah kerana kealpaan daripada mengingati pemiliknya yang hakiki, tidak lain dan tidak bukan adalah terhasil daripada sangkaan meleset manusia itu sendiri bahawa dia adalah pemilik sebenar kepada segala sesuatu yang dimilikinya, dan tidak lain dan tidak bukan adalah kerana dia tidak merasakan dirinya hanyalah tetamu di atas muka bumi ini.

Daripada keadaan yang meluluh perasaan dan daripada kesilapan menanggapi keadaan sebenar itu, terbuka satu pintu yang menuju kepada satu hakikat yang agung. Jiwa bersedia untuk menerimanya, sama seperti besi yang dimasukkan ke dalam api untuk melembutkan besi tersebut dan boleh membentuknya dengan bentuk lain yang boleh memberikan manfaat. Kerana keadaan yang mendukacitakan dan menyakitkan itu bertukar menjadi api yang marak menyala yang melembutkan jiwa, al-Quran al-Karim memperlihatkan kepada jiwa limpahan hakikat-hakikat keimanan dengan jelas dan terang melalui hakikat ayat tersebut sehingga jiwa dapat menerima dan tunduk kepadanya.

Ya, sebagaimana kami telah buktikan di dalam Maktub Kedua Puluh dan tempat-tempat lain di dalam Risale-i Nur, maka hakikat ayat ini berdasarkan limpahan keimanan yang dimilikinya telah mengurniakan noktah sandaran dan pasakan yang amat teguh kepada jiwa. Hakikat ayat ini ialah mengurniakannya kepada jiwa dan hati setiap manusia berdasarkan sejauh mana kekuatan dan limpahan iman yang diperolehinya, sehingga jiwa dan hati mampu untuk menghadapi segala jenis musibah dan situasi yang menakutkan meskipun beratus kali ganda besarnya. Ini kerana ayat tersebut mengingatkan bahawa segala sesuatu dipermudahkan untuk menurut segala perintah tuhan yang menjadikan engkau, yang Dia adalah pemilik hakiki kerajaan yang ada. Urusan segala benda berada pada tanganNya. Cukuplah engkau mempunyai hubungan denganNya.

Setelah saya mengenali pencipta saya, saya bertawakal hanya kepadaNya. Saya tidak menghiraukan segala perasaan permusuhan yang disimpan oleh musuh terhadap saya. Ini menyebabkan segala situasi yang menjadikan saya berduka-cita dan bersedih dulunya, kini bertukar menjadi meng-gembira dan membahagiakan saya.

Kami juga telah membuktikan dengan bukti yang kukuh pada banyak tempat di dalam Risale-i Nur bahawa nur yang datang daripada keimanan kepada hari akhirat akan memberikan 'noktah bantuan' yang amat hebat terhadap segala harapan dan keinginan yang tidak terbatas. Sehingga bantuan yang diberikan itu bukan sahaja mencukupi untuk memenuhi kecenderungan dan keinginan yang kecil, sementara dan pendek sahaja, dan bukan sahaja mencukupi untuk menghadapi hubungan-hubungan saya dengan para kekasih saya di dunia sahaja, bahkan turut mencukupi bagi

memenuhi keinginan-keinginan saya yang tidak terhingga di alam yang kekal abadi dan di dalam kebahagiaan yang hakiki. Dengan satu jelmaan sahaja daripada jelmaan-jelmaan rahmat Allah I yang maha pemurah lagi maha mengasihani, maka nikmat-nikmat lazat yang tidak terkira banyaknya dihidangkan di atas hidangan musim bunga di atas permukaan bumi; iaitu bumi yang merupakan salah satu tempat persinggahan sementara. Pada setiap musim bunga itu, Allah I mengurniakan nikmat kepada para tetamu itu, agar hati mereka merasa gembira selama beberapa jam, seolah-olah Dia memberikan sarapan pagi kepada mereka. Kemudian Allah I menjemput mereka ke tempat-tempat tinggal mereka yang abadi di dalam 8 buah syurga abadi yang dipenuhi dengan pelbagai nikmat yang tidak terkira banyaknya dalam tempoh masa yang tidak terbatas yang disediakan untuk para hambaNya. Tidak diragukan lagi bahawa sesiapa yang beriman dengan rahmat Allah I yang maha pemurah lagi maha mengasihani, merasa tenang terhadapnya dan mengetahui hubungannya dengan Allah I, sudah pasti dia akan memperoleh 'noktah bantuan' yang amat besar. Sekira-kira darjat bantuan yang paling kecil pun sudah dapat memenuhi dan mengekalkan segala harapan yang tidak terbilang banyaknya.

Sesungguhnya nur (cahaya) yang lahir daripada sinaran keimanan terhadap hakikat ayat tersebut, telah menjelma dengan jelas dan terang sehingga ia menyinarakan keenam-enam penjuru yang gelap dan menjadikannya seperti waktu siang. Ia memberikan cahaya kepada keadaan saya yang bersedih dan berdukacita terhadap sekolah saya, para pelajar saya dan para kekasih saya yang telah pergi. Ia memberikan

cahaya sehingga mencukupi untuk menyedarkan saya bahawa dunia yang dituju oleh para kekasih saya bukanlah dunia yang gelap. Tidak ada apa yang berlaku sebenarnya, cuma tempat tinggal mereka yang lama digantikan dengan tempat tinggal yang baru. Kamu pasti akan bertemu semula dan berhimpun bersama-sama. Oleh itu, langsung tiada alasan untuk menangi dan meratapi pemergian mereka. Ayat tersebut juga memberi fahaman kepada saya bahawa saya akan menemui orang-orang seumpama mereka di dunia bagi menggantikan tempat mereka.

Segala pujian dan pemberian adalah bagi Allah I yang telah menghidupkan Sekolah Isparta sebagai ganti kepada sekolah Van yang telah mati dan bertukar menjadi runtuh batu. Dia juga telah menghidupkan lebih ramai para kekasih maknawi saya dan lebih baik daripada para pelajar cemerlang dan kekasih saya yang mulia dahulu. Allah I juga mengajar saya bahawa dunia bukanlah suatu tempat kosong tidak berpenghuni. Ia juga bukanlah suatu tempat yang musnah dan hancur, sebagaimana gambaran salah saya terhadapnya. Bahkan pemiliknya yang hakiki sebagaimana dituntut oleh hikmah kebijaksanaanNya sentiasa menukar paparan sementara yang diperbuat oleh manusia dengan paparan lain dan sentiasa memperbaharui risalahNya. Sebagaimana buah yang baru berputik menggantikan buah yang sudah dipetik, maka begitu juga dengan kehilangan dan perpisahan manusia. Ia sebenarnya adalah proses membaharui dan pembaharuan. Oleh itu, ia tidak sepatutnya membangkitkan perasaan dukacita yang menyakitkan dengan kehilangan para kekasih, bahkan ia sepatutnya membangkitkan dukacita yang lazat dari sudut keimanan, kerana ia adalah perpisahan demi pertemuan di dunia lain yang membahagiakan.

Cahaya itu juga telah menerangi keadaan membingungkan yang saya hadapi. Ia juga menerangi segala wajah seluruh kewujudan di alam ini yang kelihatan gelap kepada saya. Dalam keadaan saya mahu menghulurkan puji-pujian dan syukur saya terhadap keadaan bercahaya pada waktu tersebut, tiba-tiba perenggan berikut datang kepada saya dalam bahasa Arab menggambarkan hakikat tersebut secara sempurna:

الحمد لله على نور الإيمان المصور ما يتوهم أجنب  
أعداء أمواتاً موحشين أيتاماً باكين، أوداء إخواناً أحياءً  
مؤنسين مرخصين مسرورين ذاكرين مسبحين.

*“Segala pujian bagi Allah terhadap nur (cahaya) keimanan. Allah yang menggambarkan sesuatu yang disangka sebagai asing, musuh, yang mati, menakutkan, dan yatim yang sedang menangis sebagai suatu yang mesra, sahabat, yang hidup, yang menghiburkan, mudah, gembira, berzikir dan bertasbih”.*

Maknanya sesungguhnya saya mempersembahkan kepada Allah I yang maha mencipta lagi maha mulia pujian yang tidak berpenghujung, terhadap cahaya keimanan yang dianugerahkannya kepada saya yang menjadi punca segala nikmat Ilahi yang tidak terhingga. Cahaya tersebut menukar paparan menakut dan menggerunkan yang dipaparkan kepada jiwa saya yang alpa, lalu kealpaan yang lahir daripada terpengaruh dengan keadaan yang menyakitkan itu membuatkan saya menyangka bahawa sebahagian daripada makhluk yang wujud adalah musuh atau orang asing bagi

saya.<sup>18</sup> Sementara sebahagian yang lain pula adalah jenazah yang amat menakut dan menggerunkan. Manakala sebahagian yang lain pula adalah anak-anak yatim yang sedang menangis kerana tiada siapa yang sudi membantu dan menolong mereka. Cahaya yang saya perolehi tadi menukarkan segala sesuatu yang saya saksikan dengan yakin bahawa orang-orang yang kelihatan asing atau musuh kepada saya sebenarnya adalah para sahabat yang baik ... bahawa apa yang kelihatan seperti jenazah yang menggerunkan itu sebenarnya sebahagian daripada mereka adalah orang-orang yang masih hidup lagi mesra, atau mereka terdiri dari kalangan orang-orang yang sudah menamatkan tugas dan kerja mereka ... bahawa apa yang disangka sebagai ratapan anak-anak yatim yang menangis sebenarnya adalah dengungan yang kedengaran hasil daripada zikir, bacaan al-Quran dan tasbih yang dilakukan. Maknanya lagi ialah bahawa saya mempersembahkan pujian bagi Allah I bersama-sama dengan seluruh makhluk yang wujud yang memenuhi dunia khusus saya yang memenuhi seluruh dunia ini. Saya menyertakan mereka bersama-sama saya dalam pujian dan tasbih kepada Allah I, sama ada dalam niat dan gambaran hati saya. Saya berhak berbuat demikian. Lalu kami berkata bersama-sama melalui lisan perbuatan setiap orang dari kami dan melalui lisan keadaan kami keseluruhannya: **“Segala pujian bagi Allah I di atas nur (cahaya) keimanan yang dikurniakan”**.

Sesungguhnya segala kelazatan dan keenakan dunia menjadi hilang akibat keadaan dahsyat yang membawa kepada kealpaan. Segala cita-cita juga berundur, mengecut

---

<sup>18</sup> Seperti gempa bumi, ribut, taufan, penyakit taun dan kebakaran.  
- Pengarang

dan kekeringan mata airnya. Kenikmatan dan kelazatan saya hanya terbatas dalam lingkaran sempit dan kemungkinan ia terus hilang ... Semuanya itu bertukar dengan nur (cahaya) keimanan sebagaimana kami buktikan di dalam risalah-risalah yang lain. Cahaya tersebut meluaskan lingkaran sempit yang hanya melingkungi sekitar kawasan hati hingga mencakupi lingkaran yang amat luas sehingga dapat meliputi dunia keseluruhannya. Ia menjadikan negeri dunia dan negeri akhirat sebagai dua hidangan makanan yang dipenuhi dengan segala macam jenis nikmat. Cahaya itu juga menukarkan kedua-dua hidangan makanan itu kepada dua hidangan yang mengandung rahmat ganti daripada hidangan makanan yang pasti akan kering dan kehilangan kelazatan di taman 'Horhor'. Bukan setakat itu sahaja, bahkan cahaya tersebut menjadikan mata, telinga, hati dan pancaindera lainnya bahkan ratusan lagi anggota badan manusia sebagai satu tangan yang menghulur ke arah kedua-dua hidangan yang dipenuhi dengan pelbagai jenis nikmat itu berdasarkan darjat kedudukan setiap orang beriman. Tangan tersebut mampu dan boleh mencapai nikmat-nikmat yang terdapat pada kedua-dua hidangan tersebut dari segenap penjurunya. Oleh itu, ketika berhadapan dengan hakikat agung ini dan sebagai tanda bersyukur kepada Allah I terhadap nikmat-nikmat yang tidak terhitung ini, saya berkata:

الحمد لله على نور الإيمان المصوّر للدارين  
مملوءتين من النعمة والرحمة، لكل مؤمن حق أن  
يستفيد منهما بحواسه الكثيرة المنكشفة بإذن خالقه.

*“Segala pujian bagi Allah terhadap nur (cahaya) keimanan yang menggambarkan dua negeri (iaitu*

*negeri dunia dan negeri akhirat) dipenuhi dengan nikmat dan rahmat. Setiap orang beriman berhak untuk mengambil faedah daripadanya dengan pancainderanya yang banyak dan yang terbuka dengan izin penciptanya”.*

Ia juga bermaksud:

*“Segala pujian bagi Allah I yang mengurniakan kepada saya keimanan tersebut yang memperlihatkan dengan nikmat cahayaNya bahawa dunia dan akhirat dipenuhi dengan segala macam nikmat dan rahmat. Allah I juga memberikan jaminan bahawa saya boleh mengambil faedah daripada kedua-dua hidangan agung tersebut menggunakan tangan segala pancaindera yang terbuka berdasarkan cahaya keimanan dan terdedah dengan cahaya Islam bagi orang-orang yang benar-benar beriman. Jika saya mampu mempersembahkan pujian dan kesyukuran kepada Allah I, tuhan yang mencipta saya dengan segala zarah tubuh saya dan dengan sepenuh isi dunia dan akhirat sebagai membalas nikmat keimanan tersebut, nescaya saya akan melakukannya”.*

Oleh kerana keimanan telah memberikan kesannya yang sedemikian rupa di dunia ini lagi, maka sudah pasti ia juga akan mempunyai buahan yang lebih agung dan limpahan yang lebih luas di negeri akhirat nanti, sehingga ia tidak dapat difahami oleh akal kita yang duniawi ini.

**Maka wahai saudara-saudaraku yang sudah tua! Lelaki dan perempuan! Wahai orang-orang yang merasakan keperitan dan kepahitan kerana berpisah**



## **dengan ramai daripada kalangan para kekasih lantaran berusia tua sepertiku!**

Sesungguhnya saya merasakan bahawa saya lebih tua daripada kamu dari sudut maknawi, meskipun nampak pada zahirnya bahawa ada di kalangan kamu orang yang lebih tua daripada saya. Ini kerana saya merasai kesakitan yang dirasai oleh ribuan orang yang saya kasihi di samping kesakitan saya sendiri. Saya merasai kesakitan mereka kerana perasaan lembut dan kasihan belas berlebihan yang terdapat pada fitrah diri saya terhadap kaum saya. Maka saya merasai kesakitan seolah-olah saya adalah seorang tua yang sudah berusia melebihi ratusan tahun. Manakala kamu pula, meskipun telah merasai kesakitan perpisahan, tetapi kamu tidak pernah menghadapi bala dan musibah sebagaimana yang saya hadapi! Sesungguhnya saya tidak mempunyai anak untuk saya memikirkan tentangnya, tetapi saya tetap merasa lembut hati dan kesakitan lantaran rahsia kasihan belas yang terkandung di dalam fitrah saya yang tertuju kepada kesakitan dan musibah ribuan penganut Islam, bahkan saya turut merasai kesakitan-kesakitan yang dialami oleh haiwan sekalipun. Lebih dari itu, saya melihat diri saya berhubungan erat dengan negeri ini dari sudut keghairahan saya terhadap Islam, bahkan dengan dunia Islam seluruhnya. Diri saya berkait rapat dengan kedua-duanya seolah-olah kedua-duanya adalah negeri saya, meskipun saya tidak mempunyai sebuah rumah pun di sana sehingga membolehkan saya menghalakan pemikiran saya kepadanya. Oleh itu, saya merasai kesakitan yang dirasai oleh orang-orang yang beriman yang berada di dalam kedua-dua negeri tersebut dan saya merasa amat dukacita ketika berpisah dengan mereka.

Nur (cahaya) keimanan telah memberikan kepada saya kecukupan sempurna sehingga saya berjaya mengatasi semua kesakitan yang saya rasai akibat zaman tua saya dan segala bala bencana akibat perpisahan. Cahaya itu juga memberikan kepada saya harapan yang tidak dikecewakan, cita-cita yang tidak terburai, sinaran yang tidak terpadam dan hiburan yang tidak kekeringan. Maka sudah pasti juga keimanan adalah sudah cukup bagi kamu ketika berhadapan dengan kegelapan-kegelapan yang lahir daripada zaman tua dan kealpaan-kealpaan yang diakibatkannya, serta kesan-kesan kesakitan yang terbit daripadanya. Memang benar bahawa jika ada zaman tua yang kelihatan gelap gelita, maka ia hanyalah zaman tua yang dilalui oleh ahli kesesatan dan kealpaan. Manakala perpisahan paling pedih dan paling menyakitkan ialah kesakitan dan perpisahan mereka!

Ya, sesungguhnya mengecap keimanan yang membangkitkan harapan, yang menyebarkan cahaya kegembiraan, merasa bahagia dan lazat hanyalah terdapat pada mencernakan perasaan ubudiyah (perhambaan) yang layak dengan zaman tua dan bersesuaian dengan hukum hakam Islam, bukanlah dengan melupakan usia yang sudah lanjut serta berbondong-bondong menyerupai orang-orang muda dan menerjah ke dalam lubang kealpaan yang menyeronokkan. Berfikirlah sentiasa. Perhatikanlah hadis Rasulullah p:

خيرُ شبابِكُم من تشبَّه بكمهولِكُم وشرُّ كهولِكُم من تشبَّه  
بشبابِكُم<sup>19</sup>

*“Sebaik-baik pemuda di kalangan kamu ialah sesiapa yang menyerupai orang-orang tua di*

---

<sup>19</sup> Dikeluarkan oleh al-Bayhaqi di dalam Shu‘ab al-Iman daripada hadis Anas dan daripada hadis Ibn ‘Abbas.

*kalangan kamu. Manakala seburuk-buruk orang tua di kalangan kamu ialah orang yang menyerupai orang-orang muda di kalangan kamu”.*

Iaitu sebaik-baik para pemuda di kalangan kamu ialah sesiapa yang menyerupai orang-orang tua dari sudut berhati-hati dan kematangan sehingga menjauhkan mereka daripada tindakan-tindakan maksiat. Manakala seburuk-buruk orang tua di kalangan kamu ialah sesiapa menyerupai orang muda dari sudut melakukan tindakan-tindakan maksiat dan tenggelam di dalam lembah kealpaan.

### **Maka, wahai saudara-saudaraku yang telah tua!**

Disebutkan di dalam sebuah hadis bahawa rahmat Ilahi amat malu menolak tangan yang dihulurkan dengan penuh tunduk dan tawaduk oleh seorang tua yang beriman, lelaki atau perempuan.<sup>20</sup> Selagi mana rahmat Allah I memberikan penghormatan kepada kamu sedemikian rupa, maka agungkanlah penghormatan yang diberikan kepada kamu itu dengan menyempurnakan ubudiyah (perhambaan) kamu kepada Allah I.



---

<sup>20</sup> Diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam al-Jami‘ al-Kabir daripada Ibn al-Najjar.

## Harapan Keempat Belas

Pada permulaan Pancaran (al-Shu‘a‘) Keempat terdapat tafsiran ringkas mengenai ayat:

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

*“Cukuplah untuk (menolong) kami, dan Ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadaNya segala urusan kami)”.*

Ketika mereka yang berkuasa di dunia menanggalkan saya daripada semua benda, saya terjerumus ke dalam lima jenis keterasingan. Saya tidak menghiraukan cahaya hiburan terbentang yang terdapat di dalam Risale-i Nur hasil daripada kealpaan yang disebabkan oleh perasaan gelisah dan kesempitan. Tetapi saya hanya memandang secara langsung kepada hati dan memeriksa ruh saya. Saya melihat bahawa saya begitu kuat dikuasai, dipengaruhi dan ditakluki oleh perasaan rindu dan ingin hidup kekal selama-lamanya. Di samping itu saya juga mempunyai kelemahan dan kefakiran tersembunyi yang tidak terhingga dan tidak terbatas. Namun kemusnahan dahsyat dan menggerunkan, memadam dan menghilangkan perasaan ingin kekal abadi tersebut. Lalu saya berkata sebagaimana kata-kata seorang penyair yang terbakar hatinya:

*“Hikmah tuhan menjadikan jasad akan binasa.  
Sedangkan hati amat cintakan keabadian. Jiwaku*

*meratapi bala bencana dan kesakitan. Hatta Luqman pun kebingungan mencari penawar dan ubatan”.*

Lalu saya menundukkan pandangan saya dengan kecewa. Tiba-tiba ayat (حسبنا الله ونعم الوكيل) menyelamatkan saya seraya berkata: “Bacalah aku baik-baik dengan penuh pemerhatian.” Lalu saya membacanya sebanyak 5 ratus kali setiap hari. Setiap kali saya membacanya, terbongkar di hadapan saya sebahagian daripada nur (cahaya) dan limpahannya yang agung. Saya melihat dengan ‘pandangan keyakinan’ (*‘ainul yaqin*) bukan sahaja dengan ‘ilmu keyakinan’ (*‘ilmul yaqin*) bahawa terdapat tujuh ‘martabat kecukupan’:

### **Martabat Pertama Cahaya Kecukupan**

Kecintaan kepada hidup kekal yang ada pada diri saya bukanlah tertuju kepada kekalnya hidup saya, bahkan ia tertuju kepada kewujudan Tuhan yang mempunyai kesempurnaan mutlak, tertuju kepada kesempurnaanNya dan kepada keberkekalanNya. Ini adalah kerana di dalam diri saya terdapat jelmaan daripada jelmaan salah satu namaNya yang mempunyai kemuliaan, keindahan dan kesempurnaan mutlak. Dia juga dikasihi secara sendiri meskipun tanpa pendorong dan sebab untuk mengasihiNya. Tetapi kasih sayang yang fitrah ini telah tersesat jalan dan tersasar kerana kealpaan, lalu ia hanya bergantung kepada bayang-bayang dan hanya mengasihi kekalnya cermin.

Tetapi sebaik sahaja ayat (حسبنا الله ونعم الوكيل) datang kepada saya, ia telah berjaya mengangkat dan membuang

hijab yang melindungi. Lalu saya terus dapat merasai, menyaksi dan mengecapi dengan ‘kebenaran sebenar’ (*haqqul yaqin*):

Sesungguhnya kelazatan dan kebahagiaan untuk hidup kekal selama-lamanya memang wujud di dalam diri sesiapa pun dengan sendiri. Bahkan ia adalah lebih baik dan lebih sempurna menurut keimanan, ketundukan dan keyakinan saya terhadap keberkekalan tuhan yang maha kekal dan sempurna, iaitu tuhan dan sembahannya. Bukti-bukti terhadap perkara ini telah menjadi amat jelas dan tepat di dalam Risalah al-Hasabiyyah (Risalah Kecukupan) di dalam dua belas perkara sekian ... sekian ... Saya telah menjelaskan tentang perasaan keimanan dan bagaimana ia menjadikan setiap orang yang mempunyai perasaan akan menghargai dan memandang takjub terhadapnya!

### **Martabat Kedua Cahaya Kecukupan**

Meskipun saya mempunyai kelemahan tidak terbatas yang tersembunyi di dalam fitrah saya, sekalipun saya sudah amat tua, walaupun saya diselubungi keterasingan dan tiada orang yang membantu saya, saya telah ditanggalkan daripada semua benda. Seluruh ahli dunia pula menyerang saya dengan segala tipu daya dan mata-mata gelap mereka. Pada ketika itu, saya berdialog dengan diri saya sendiri:

“Sesungguhnya angkatan tentera yang besar dan lengkap menyerang individu yang lemah, sakit dan digari kedua-dua tangannya. Adakah tidak mungkin bagi dia (iaitu diri saya sendiri) untuk mempunyai noktah sandaran dan bantuan?”

Lalu saya merujuk kepada ayat (حسبنا الله ونعم الوكيل). Ayat tersebut mengajar saya:

Sesungguhnya dengan identiti keimanan, engkau mempunyai hubungan dengan seorang penguasa yang agung, yang mempunyai kekuasaan mutlak. Pada setiap musim bunga, penguasa itu membuat persiapan lengkap terhadap segala kelengkapan yang diperlukan oleh angkatan tentera tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan yang melata di atas permukaan bumi. Penguasa itu juga membekalkan segala keperluan kepada angkatan-angkatan tentera tersebut yang terbentuk daripada 4 ratus ribu jenis pelbagai bangsa. Penguasa itu juga membahagikan rezeki angkatan-angkatan tentera yang besar itu terutamanya manusia, bukan dalam bentuk ekstrak daging, gula dan lainnya yang hanya dapat diketahui oleh manusia baru-baru ini sahaja, tetapi dalam bentuk ekstrak-ekstrak yang mengandungi seluruh jenis makanan. Bahkan ia adalah ekstrak rahmani.. yang dinamakan sebagai biji benih. Ditambah lagi, si penguasa itu membalut biji benih tersebut dengan balutan qadar (ketentuan) yang sesuai dengan keadaan masak ranum, pertengahan dan perkembangan tumbesarnya. Ia juga menyimpan biji benih tersebut di dalam kotak-kotak dan peti-peti kecil, yang amat kecil. Peti-peti ini pula diperbuat dalam keadaan yang amat pantas, amat mudah dan dalam bilangan yang amat banyak. Semuanya dilakukan di dalam makmal huruf kaf dan nun yang terdapat pada perkataan kun (كن), sehingga al-Quran mengatakan:

*“...maka hanyalah Ia berfirman kepadanya:  
“Jadilah engkau”, lalu menjadilah ia”.*

Maryam: 35

Oleh kerana engkau telah memperoleh noktah sandaran

dan bantuan berdasarkan identiti keimanan yang engkau miliki, maka engkau boleh bersandar dan merasa tenang kepada suatu kekuatan agung dan kekuasaan mutlak. Ya, memang benar. Saya memang merasakan kekuatan maknawi yang agung setiap kali saya menerima pengajaran daripada ayat tersebut. Saya merasa bahawa saya memiliki kekuatan yang membolehkan saya untuk mencabar kesemua para musuh saya di dunia ini, bukan hanya yang terdapat di hadapan saya sahaja. Oleh itu, saya sentiasa mengulang-ulang di dalam lubuk sanubari saya: (حسبنا الله ونعم الوكيل).

### **Martabat Ketiga Cahaya Kecukupan**

Ketika pelbagai jenis penyakit, keadaan keterasingan dan berbagai-bagai jenis penyakit menguatkan jerutannya terhadap saya, saya dapati segala hubungan saya dengan dunia telah terputus. Keimanan pula memberitahu saya bahawa saya telah dicalonkan untuk pergi ke dunia lain yang abadi, ke sebuah kerajaan yang berkekalan dan kebahagiaan yang berpanjangan. Pada ketika itu, saya meninggalkan dan tidak mempedulikan semua perkara yang boleh menyebabkan saya kecewa dan menjadikan saya mengeluh. Saya menggantikannya dengan setiap perkara yang boleh memberikan kebaikan dan kegembiraan kepada saya dan menjadikan saya sentiasa berada dalam keadaan memuji dan bersyukur kepada Allah I. Tetapi matlamat dan tujuan ini tidak akan tercapai sedangkan ia adalah matlamat tertinggi yang mahu dicapai oleh cita-cita, angan-angan, khayalan dan ruh yang terbit daripada kesucian fitrah melainkan dengan kekuasaan yang maha berkuasa yang mempunyai kuasa yang mutlak, yang mengetahui segala gerakan dan diam para makhluknya sama ada dari sudut perkataan mahu pun perbuatan. Bahkan Dia mengetahui segala hal ehwal keadaan dan perbuatan mereka,



bahkan Dia merakamkan segala-galanya. Ia juga tidak akan tercapai melainkan dengan perhatian tidak terbatas yang diberikanNya kepada manusia ini, suatu makhluk kerdil, lemah dan selalu tenggelam ke lembah kelemahan mutlak sehingga Allah I memuliakannya, menjadikannya kekasih yang sentiasa ditujukan kepadanya percakapan dan memberikan kepadanya kedudukan tinggi di kalangan para makhlukNya yang lain.

Ya, ketika saya berfikir tentang dua noktah berikut: iaitu tentang kesan kekuasaan mutlak dan tentang kepentingan hakiki yang dikhususkan oleh Allah I kepada manusia yang pada zahirnya kelihatan hina itu, saya inginkan penjelasan berkenaan dengan dua noktah tersebut yang boleh memantapkan iman dan menenangkan hati saya. Lalu dengan segera saya merujuk kepada ayat al-Quran tadi. Ayat tersebut berkata kepada saya: “Perhalusi perhatian engkau kepada ‘kami’ pada perkataan ‘cukup bagi kami’ (حسبنا), dan lihat juga kepada siapakah yang turut bersama engkau mengucapkan perkataan itu bersama engkau, sama ada mereka mengucapkannya dengan lidah keadaan mereka dan juga lidah percakapan mereka. Dengarlah perkataan mereka.. Demikianlah bagaimana ayat al-Quran tersebut memerintahkan saya melakukannya! Lalu saya melihat dan memerhati. Tiba-tiba saya melihat burung-burung yang tidak terkira banyaknya sedang terbang di angkasa. Saya juga melihat burung-burung yang amat kecil yang juga tidak terkira banyaknya seperti lalat. Saya juga melihat haiwan-haiwan lain, tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok yang tidak terkira banyaknya juga.

Kesemuanya bersama-sama saya saling ulang-mengulangi dengan lidah keadaan mereka makna perkataan (حسبنا الله ونعم الوكيل). Bahkan mereka memperingatkan orang lain juga ... bahawa mereka mempunyai penjaga, bahkan sebaik-baik penjaga yang menjaga segala sebab penerusan kehidupan mereka. Ia menciptakan makhluk-makhluk yang berlainan daripada telur-telur yang kelihatan serupa dan terdiri daripada bahan yang sama. Ia juga mencipta daripada air mani yang kelihatan sama. Ia juga mencipta daripada biji benih yang kelihatan serupa. Daripada kesemuanya Ia mencipta seratus ribu bentuk haiwan, seratus ribu bentuk bebunting, seratus ribu bentuk tumbuh-tumbuhan dan seratus ribu jenis pepohon, tanpa berlaku kesilapan, kekurangan dan kekusutan. Ia menciptakan kesemuanya dengan dihiasi dengan pelbagai hiasan yang indah, dalam keadaan yang seimbang dan tersusun. Dalam masa yang sama, setiap ciptaan ini berbeza daripada ciptaan yang lain. Ia mencipta kesemuanya secara berterusan, terutamanya ketika musim bunga, di hadapan mata kita, dengan banyak sekali ... Penciptaan segala makhluk yang hampir serupa itu secara integrasi dan sekali gus dalam rangka keagungan kekuasaan mutlak dan kesopanannya menunjukkan bahawa Ia adalah tuhan yang bersifat esa dan tunggal.

Ayat tersebut memberikan fahaman kepada saya bahawa saya sama sekali tidak boleh campur tangan dan mengganggu dalam perbuatan tuhan yang mempunyai sifat rububiyah yang mutlak dan juga dalam melakukan penciptaan ini. Kedua-duanya memperlihatkan dan menyebarkan mukjizat yang tidak terbatas.

Maka kepada sesiapa yang ingin memahami identiti diri saya dan hakikat kemanusiaan yang saya miliki sebagaimana

dimiliki oleh setiap mukmin lain ... dan kepada sesiapa yang ingin menjadi seperti saya, mereka hendaklah melihat kepada pentafsiran perkataan 'saya' (ana) yang dijadikan dalam bentuk jamak (kami) di dalam ayat tersebut. Mereka hendaklah memerhatikan kedudukan perkataan 'saya' tersebut dalam kedudukan jamaknya itu. Mereka juga hendaklah memahami tentang kewujudan tubuh badan saya yang pada zahirnya kelihatan lemah dan fakir serta tidak mempunyai sebarang kepentingan, sama seperti kewujudan setiap mukmin lain?! Mereka juga hendaklah mengetahui apakah kehidupan itu sendiri bahkan apakah kemanusiaan itu?! Apakah Islam?! Apakah iman yang hakiki?! Apakah makrifat kepada Allah I?! Bagaimana memperoleh kasih sayang Allah I? Hendaklah mereka memahami ... dan hendaklah mereka menerima pelajaran terhadap perkara-perkara tersebut!

### **Martabat Keempat Cahaya Kecukupan**

Insiden-insiden yang menggegarkan peribadi saya seperti keadaan rambut yang sudah uban, kesunyian, keterasingan, penyakit yang saya alami dan kegelisahan, semuanya bertepatan dengan masa kealpaan saya. Seolah-olah kewujudan yang amat saya bergantung dengannya telah pergi menuju kepada ketiadaan. Bahkan kewujudan segala makhluk lain sedang menuju kebinasaan dan kehancuran. Kemusnahan semua itu melahirkan perasaan gelisah dan keluh kesah di sisi saya. Lalu saya merujuk kepada ayat (حسبنا الله ونعم الوكيل). Ayat tersebut berkata kepada saya: "Perhatikanlah kepada makna-makna yang terdapat pada diri saya. Lihatlah kepadanya dengan pandangan keimanan." Dengan segera

saya memandang kepada makna-makna ayat tersebut dengan pandangan keimanan, lalu saya nampak:

Bahawa kewujudan saya yang berada dalam keadaan yang amat kecil ini seperti kewujudan setiap mukmin lain adalah umpama cermin bagi kewujudan yang tidak terbatas. Ia juga adalah cara bagaimana untuk memperoleh pelbagai jenis kewujudan yang tidak terbatas dengan amat mudah.. Ia sama dengan satu perkataan bijaksana yang lahir daripada pelbagai jenis kewujudan yang kekal dan lebih bernilai daripada kewujudan saya sendiri, sehinggakan sedetik daripada kehidupannya amat tinggi nilainya daripada sudut hubungan keimanannya. Ia juga mempunyai nilai yang tinggi sama dengan nilai kewujudan kekal yang abadi. Saya mengetahui tentang hakikat tersebut dengan ‘ilmu keyakinan’ (*‘ilmul yaqin*). Pengetahuan saya melalui perasaan keimanan bahawa kewujudan saya adalah salah satu kesan daripada kesan tuhan yang wajib wujud, salah satu produk daripada produk-produk buatanNya, salah satu jelmaan daripada jelmaan-jelmaanNya menjadikan saya terselamat daripada kegelapan-kegelapan yang tidak terkira banyaknya yang dibawa oleh sangkaan-sangkaan yang menggerunkan ... menjadikan saya terselamat daripada kesakitan-kesakitan yang tidak terbatas bilangannya yang terbit daripada perpisahan dan pemisahan yang tidak berkesudahan ... mendorong saya untuk memanjangkan ikatan persaudaraan yang teguh kepada seluruh makhluk yang wujud terutamanya makhluk bernyawa. Ikatan-ikatan yang banyaknya adalah sebanyak bilangan perbuatan dan nama Allah I yang berkaitan dengan segala makhluk yang wujud. Saya juga mengetahui bahawa akan berlaku penyambungan terhadap hubungan yang terjalin dengan semua makhluk wujud yang

saya kasihi dan cintai melalui perpisahan sementara yang berlaku.

Maka kewujudan saya adalah sama seperti kewujudan mana-mana mukmin yang lain. Kewujudan saya yang memperoleh keimanan dan mempunyai hubungan dengannya melalui cahaya-cahaya pelbagai makhluk yang wujud tidak terkira banyaknya, sebenarnya tidak akan berlaku perpisahan antara sesamanya. Hinggakan jika kewujudan saya telah tamat tempohnya berada di dunia ini, maka keberkekalan kewujudan makhluk-makhluk lain selepas itu menjadikan kewujudan saya berada dalam ketenangan, seolah-olah ia tetap kekal berada dalam keadaan sempurna.

**Kesimpulan: Sesungguhnya kematian bukanlah perpisahan, tetapi ia adalah penyambungan, penggantian tempat dan pemuahan bagi buahan abadi ...**

### **Martabat Cahaya Kecukupan Kelima**

Kehidupan saya pada satu ketika telah retak kerana tekanan bebanan yang amat berat, sehingga memalingkan pandangan saya kepada usia saya dan kepada kehidupan. Lalu saya melihat bahawa umur saya berlari pantas ke arah akhirat ... dan bahawa kehidupan saya yang hampir kepada akhirat hampir padam akibat pelbagai tekanan. Tetapi tugas-tugas penting kehidupan, keistimewaan-keistimewaannya yang tinggi (sebagaimana disebutkan di dalam risalah yang membahaskan tentang nama *al-Hayy* – Yang Maha Hidup) dan faedah-faedah yang berharga tidak sepatutnya menerima pemadaman segera ini, bahkan selayaknya ia memperoleh kehidupan yang panjang dan lama. Lalu saya berfikir tentang

perkara ini dengan penuh dukacita dan kesedihan. Lalu saya merujuk kepada ustaz dan guru saya iaitu ayat (حسبنا الله ونعم الوكيل). Ayat tersebut berkata kepada saya: Lihatlah kepada kehidupan dari sudut *al-Hayy al-Qayyum* (Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Dengan Sendiri) yang mengurniakan kehidupan kepada engkau. Lalu saya melihat kepada kehidupan dengan pandangan tersebut dan saya menyaksikan jika kehidupan ini hanya mempunyai satu wajah sahaja yang memandang kepada saya, tetapi ia mempunyai seratus wajah yang tertuju kepada *al-Hayy al-Muhyi* (Yang Maha Hidup Lagi Maha Menghidupkan). Dan jika kehidupan ini hanya mempunyai satu natijah sahaja kepada saya, maka ia mempunyai seribu natijah yang kembali kepada pencipta saya. Oleh itu, hanya sedetik sahaja daripada kehidupan ini atau seketika sahaja daripada sudut ini sudah amat mencukupi sebenarnya, tidak perlu kepada masa yang lama.

Hakikat ini menjadi jelas melalui empat permasalahan: Maka orang-orang yang mendambakan kehidupan dan mereka yang tidak mati hendaklah memeriksa tentang kehidupan, hakikatnya dan hak-haknya yang sebenar melalui keempat-empat permasalahan tersebut. Dengan itu mereka akan mendapat kejayaan dan dapat hidup ...

Kesimpulannya ialah, jika kehidupan ini tertuju dan merindui Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri dengan sendiri dan jika iman menjadi nyawa dan ruh kehidupan, maka kehidupan itu akan memperoleh sifat kekal dan membekalkan hasil yang abadi juga. Bahkan kehidupan itu akan meningkat tinggi dan mencapai darjat penjelmaan keabadian. Ketika itu, panjang atau pendeknya umur tidak lagi menjadi ukuran.

## **Martabat Cahaya Kecukupan Keenam**

Melalui uban-uban yang mengingatkan saya kepada perpisahan, melalui kejadian-kejadian akhir zaman yang memaklumkan kemusnahan dunia disebabkan perpisahan-perpisahan besar yang berlaku, melalui penerokaan-penerokaan meluas di luar kebiasaan yang berlaku pada penghujung umur saya terhadap keindahan, kesukaan kepadanya dan terpengaruhnya saya dengan kemewahan sebagaimana tertanam di dalam fitrah semula jadi saya, melalui semua ini, saya melihat bahawa kehilangan dan kemusnahan yang sentiasa berlaku, bahawa kematian dan ketiadaan yang sentiasa memisah dan menceraikan-beraikan, saya melihat kedua-duanya melakukan kerosakan dan kehancuran terhadap keindahan dunia yang fana' ini dalam keadaan yang amat gerun dan menakutkan. Kedua-duanya juga memusnahkan kelembutan makhluk-makhluk tersebut. Lalu saya merasa amat sedih dengan perasaan dukacita yang mendalam terhadap situasi yang saya lihat. Lalu kecintaan kiasan yang terdapat di dalam fitrah semula jadi saya menggelegak dengan hebat sehingga terketar-ketar menolak dan membantah situasi yang sedih dan menyakitkan itu. Pada ketika itu, tidak ada apa yang boleh saya lakukan kecuali kembali kepada ayat al-Quran di atas bagi melegakan pernafasan saya dan agar saya mendapat ketenangan. Ayat tersebut seterusnya berkata kepada saya: “Bacalah saya baik-baik. Perhatikanlah makna-makna saya dengan mendalam.” Dengan segera saya memasuki pusat meteorologi bagi ayat 35 surah al-Nur:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

*“Allah yang menerangi langit dan bumi”.*

Dari sana, melalui teropong iman, saya melihat hingga menembusi lapisan ayat kecukupan ini yang paling jauh. Pada masa yang sama, dengan menggunakan mikroskop ‘perasaan keimanan’, saya melihat sehingga rahsia ayat tersebut yang paling seni dan halus. Saya mendapati bahawa sebagaimana cermin, kaca, bahan-bahan lut sinar dan sehinggakan percikan-percikan air laut memantul atau membalikkan pelbagai keindahan tersembunyi cahaya matahari. Setiap satunya mempamerkan pelbagai keindahan bagi ketujuh-tujuh cahaya tersebut. Keindahan dan kecantikan tersebut sentiasa diperbaharui dari masa ke semasa dengan pertukaran dan pergerakan benda-benda yang memantulkan itu, berdasarkan sebanyak mana kadar cahaya asal yang diterimanya dan sebanyak mana pula yang mampu dipantulkannya. Benda-benda tersebut menampilkan keindahan ketujuh-tujuh warna cahaya matahari yang tersembunyi itu dalam bentuk yang amat indah dan menarik. Demikian juga halnya dengan segala makhluk seni dan halus yang diciptakan Allah I dalam bentuk yang amat indah. Ia sebenarnya bertindak sebagai cermin-cermin yang memantulkan keindahan kudus Tuhan Yang Maha Indah Yang Mempunyai Kebesaran yang merupakan cahaya yang azali dan abadi. Makhluk-makhluk tersebut tidak henti-henti bertukar ganti pergi dan datang bagi menjelmakan keindahan nama-nama Allah I yang maha mulia. Keindahan zahir yang terdapat pada makhluk-makhluk tersebut sebenarnya bukanlah milik dirinya sendiri, tetapi ia adalah isyarat dan petunjuk kepada keindahan kudus yang abadi yang mahu menonjolkan dirinya. Ia juga adalah tanda, isyarat dan jelmaan keindahan mutlak dan kecantikan suci yang sentiasa menjelma dan mahu menyaksikan dan



memperlihatkan keindahan sebenar.

Sesungguhnya saya telah menjelaskan bukti-bukti tentang perkara ini secara terperinci di dalam Risale-i Nur terutamanya pada risalah yang bermula dengan: “Di sini, kami akan menyebutkan tiga bukti secara amat ringkas dan logik.”<sup>21</sup> Jika seseorang yang masih mempunyai perasaan yang sejahtera, melihat kepada risalah ini, dia pasti tidak dapat mengawal dirinya daripada merasa takjub terhadapnya dan menghargainya. Bahkan dia akan berpendapat bahawa dia berkewajipan untuk segera berusaha bagi memberikan faedah kepada orang lain setelah dia sendiri mengambil faedah bagi dirinya sendiri. Oleh itu, sesiapa yang akalunya belum rosak dan hatinya belum berkarat, sudah pasti akan memandang baik dan membenarkan risalah tersebut dengan berkata: “Semuanya bergantung dengan kehendak Allah I ... Semoga mendapat keberkatan Allah I ...” Dia juga menjadikan kewujudannya yang kelihatan miskin dan hina, menjadi mulia dan tinggi. Dia juga menyedari bahawa kewujudannya sendiri adalah suatu mukjizat yang amat menakjubkan!!”



---

<sup>21</sup> Maksudnya ialah Martabat Cahaya Keenam daripada al-Shu‘a‘ (Pancaran) Keempat. - Penterjemah

## Harapan Kelima Belas<sup>22</sup>

Ketika saya tinggal di dalam sebuah bilik di Emirdag<sup>23</sup> dalam buangan keseorangan dan kesunyian, segala pergerakan saya diperhatikan sehingga saya merasa sempit dada dan amat gelisah. Saya merasa jemu terhadap kehidupan itu sendiri dan saya merasa menyesal kerana keluar dari penjara. Bahkan saya lebih suka dan gembira jika saya dikembalikan semula ke penjara Denizli atau dimasukkan ke dalam kubur, kerana penjara atau kubur jauh lebih baik daripada kehidupan sebegini. Tiba-tiba saya didatangi oleh bantuan Ilahi, yang mengurniakan mesin penyalin yang baru dicipta kepada para penuntut Madrasah al-Zahra',<sup>24</sup> bahkan pena berlian mereka

---

<sup>22</sup> Harapan Kelima Belas ini ditulis agar menjadi sumber penyempurna bagi Risalah al-Shuyukh (Orang-orang Tua). Ia ditulis oleh salah seorang murid Risale-i Nur kerana penulisan Risale-i Nur telah berakhir semenjak tiga tahun lalu. - Pengarang

<sup>23</sup> Sebuah daerah terletak di kawasan tengah Anatolia. Ustaz Bediuzzaman Said Nursi dibuang daerah ke sana pada tahun 1944 sehingga tahun 1951. - Penterjemah

<sup>24</sup> Sepanjang hidupnya, Ustaz Nursi berusaha untuk menubuhkan sekolah ini yang menyepadukan antara pendidikan agama dan akademik. Beliau meletakkan batu asasnya pada tahun 1911 dekat dengan Tasik Van. Tetapi situasi selepas Perang Dunia Pertama menghalang penyempurnaan projek tersebut. Tetapi bantuan Ilahi menggantikan madrasah tersebut dengan madrasah maknawi yang dahannya yang rimbun memanjang dan menjelajah ke seluruh

juga adalah umpama alat tersebut. Setelah itu, Risale-i Nur dapat ditulis sebanyak lima ratus naskah hanya dengan satu pen sahaja. Kejayaan-kejayaan tersebut yang disediakan oleh bantuan Ilahi itu menjadikan saya menyukai kehidupan yang bosan, tidak selesa dan kucar kacir itu, bahkan menjadikan saya sentiasa mengulang-ulangi ribuan kesyukuran kepada Allah I.

Tetapi setelah berlalu satu tempoh yang pendek, para musuh Risale-i Nur yang tersembunyi itu tidak lagi mampu menanggung kemenangan-kemenangan yang dicapai oleh Risale-i Nur. Lalu mereka memberitahu pihak berkuasa kerajaan agar mengambil tindakan terhadap kami. Selepas itu, kehidupan sekali lagi bertukar menjadi berat dan menyusahkan. Tetapi sekali lagi pertolongan Ilahi datang dengan segera, kerana para pegawai yang bertanggungjawab itu sendiri mula membaca Risale-i Nur yang dirampas dengan penuh perhatian dan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka adalah orang yang paling perlu kepada Risale-i Nur. Mereka membaca dan mengkajinya kerana menjalankan tugas. Namun, Risale-i Nur itu berjaya melembutkan hati mereka dan menjadikan mereka mengambil sikap menyebelahi Risale-i Nur. Dengan itu, bilangan para penuntut Risale-i Nur menjadi bertambah besar. Mereka mula menghargai dan kagum dengan Risale-i Nur, tidak lagi memandang rendah dan melemparkan kritikan pedas terhadapnya. Keadaan ini menyebabkan kami mendapat

---

pelosok Turki, itulah Madrasah al-Nuriyyah yang maknawi. Oleh itu, Ustaz Nursi menganggap para penuntut Risale-i Nur sebagai penuntut Madrasah al-Zahra’.

manfaat yang banyak. Ia adalah seratus kali lebih baik daripada kemudaratan material yang kami sedang alami ketika itu dan ia juga menghilangkan segala kegelisahan dan keadaan huru-hara yang kami hadapi. Tetapi keadaan itu hanya berlangsung dalam tempoh yang sekejap sahaja, kerana golongan munafikin iaitu para musuh yang tersembunyi telah memalingkan pandangan pihak kerajaan kepada peribadi saya. Mereka memperingatkan kerajaan tentang kehidupan politik masa lampau saya. Mereka membangkitkan prejudis dan kekeliruan. Mereka menimbulkan perasaan takut dan bimbang terhadap saya di kalangan para pegawai di Kementerian Pendidikan, pihak keselamatan dan Kementerian Dalam Negeri. Pertelingkahan yang sentiasa berlaku di antara parti-parti politik dan ketakutan yang disuarakan oleh golongan penggugat keamanan dan pegganas yang menjadi wadah golongan komunis juga membesarkan kebimbangan tersebut. Pihak kerajaan akhirnya melancarkan kempen memberhenti dan menyekat aktiviti kami, serta merampas semua risalah yang mereka perolehi. Ini menyebabkan aktiviti para penuntut Risale-i Nur terhenti.

Meskipun beberapa orang pegawai tinggi menyebarkan fitnah yang prejudis dan menakjubkan bagi menjejaskan peribadi saya pada pandangan umum, namun segala usaha mereka itu menemui kegagalan, kerana fitnah tersebut adalah terlalu melampau sehingga tiada seorang pun yang boleh menerimanya. Mereka tidak berjaya meyakinkan sesiapa pun. Sekali pun demikian, saya tetap ditahan selama dua hari dengan hujah-hujah yang amat lemah dan remeh temah. Mereka meletakkan saya di dalam sebuah dewan yang amat luas bersendirian. Sedangkan ketika itu adalah musim sejuk dan cuaca pula amat dingin seolah-olah menggigit-gigit kulit

saya. Saya pula seorang yang tidak tahan menanggung kesejukan dan kedinginan di rumah sendiri apatah lagi di situ. Jika berada di rumah, saya berusaha melawan kesejukan dan kedinginan dengan sentiasa menyalakan dapur pemanas beberapa kali setiap hari, kerana sakit dan kelemahan yang saya alami.

Ketika sedang berada di dalam kehangatan demam akibat kedinginan yang saya hadapi, ketika saya merasa amat resah terhadap keadaan kejiwaan saya pada ketika itu, tiba-tiba terbongkar di dalam hati saya hakikat bantuan Ilahi, sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya engkau telah memberikan nama Madrasah Yusufiyyah (Madrasah Yusuf Nabi a.s.)<sup>25</sup> kepada penjara. Penjara Denizli telah memberikan kepada engkau banyak manfaat dan faedah yang ribuan kali ganda banyaknya jika dibandingkan dengan kesempitan dan kesukaran yang engkau hadapi. Ia juga menganugerahkan kepada engkau kegembiraan dan kebahagiaan agung serta keuntungan maknawi yang banyak: seperti faedah yang diperoleh oleh para banduan yang berada bersama engkau, pembacaan *Risale-i Nur* oleh pegawai-pegawai tinggi rasmi kerajaan dan faedah-faedah lain. Ini semua menjadikan engkau sentiasa bersyukur, tidak lagi mengadu dan gelisah. Setiap jam berada di dalam penjara dan kesempitan bertukar

---

<sup>25</sup> Ustaz Bediuzzaman menamakan penjara sebagai *Madrasah Yusufiyyah*, kerana Nabi Yusuf a.s. dihantar ke penjara dan mempelajari pelbagai perkara. Maka, sebagai mengikuti jejak Nabi Yusuf a.s., Ustaz Bediuzzaman mengumpamakan penjara itu seperti satu institusi pendidikan dan tarbiyah.

kepada 10 jam ibadat, maka jam-jam yang binasa itu menjadi kekal abadi. Maka begitu juga Madrasah Yusuf Ketiga<sup>26</sup> ini akan memberikan – dengan izin Allah – kehangatan yang mencukupi bagi memanaskan kedinginan yang membeku, dan ia akan memberikan kegembiraan serta kebahagiaan yang akan menghilangkan kesempitan yang amat berat, melalui faedah dan manfaat yang diperoleh oleh orang-orang yang sentiasa ditimpa musibah dan bala bencana bersama-sama kamu daripada Risale-i Nur dan bagaimana mereka memperoleh hiburan yang menggembirakan daripadanya. Manakala orang-orang yang engkau marah dan bersikap keras terhadap mereka, maka jika mereka terdiri daripada orang-orang yang diperdaya dan tertipu, maka mereka tidak berhak untuk memperoleh kemarahan dan kekerasan engkau, kerana kezaliman yang mereka lakukan terhadap engkau berlaku dalam keadaan tanpa mereka sengaja, tanpa mereka mengetahuinya dan tanpa mereka perasan terhadapnya. Manakala jika mereka menyiksa dan menyusahkan engkau dalam keadaan mereka tahu dan kerana kedengkian mereka terhadap engkau kerana mahu memberikan kepuasan kepada ahli-ahli kesesatan, maka mereka akan disiksa tidak lama lagi dengan kematian yang mereka sangkakan sebagai ‘ketiadaan yang abadi’. Mereka akan melihat kehidupan yang amat sempit yang kekal abadi di dalam penjara dikurung sendirian iaitu di dalam kubur. Dengan peranan yang engkau jalankan, engkau akan memperoleh pahala yang besar hasil daripada kezaliman mereka. Engkau juga akan mendapat kehidupan kekal abadi daripada jam-jam yang binasa di atas dunia. Engkau juga akan memperoleh kelazatan rohani dan maknawi, dan lebih dari itu engkau telah melaksanakan tugas

---

<sup>26</sup> Maksudnya ialah Penjara Afyon pada tahun 1948. - Penterjemah

ilmu dan keagamaan engkau dengan penuh keikhlasan”.

Demikianlah hakikat ini datang kepada ruh saya, lalu saya berkata dengan segala kekuatan yang diberikan kepada saya: “*Alhamdulillah.*” Lalu saya merasa kasihan terhadap orang-orang yang zalim itu dengan sifat kemanusiaan yang ada pada saya, dan saya berdoa: “Wahai Tuhanku! Perbaikkanlah keadaan mereka ...”

Dalam kenyataan yang saya tulis kepada Kementerian Dalam Negeri, saya mengatakan bahawa kejadian ini adalah tidak mengikut lunas undang-undang. Saya mengemukakan 10 alasan. Bahkan golongan zalimlah yang telah melanggar undang-undang atas nama undang-undang sedangkan mereka adalah penjenayah sebenar, kerana mereka mula mencari-cari pelbagai alasan yang amat lemah dan mengada-adakan pendustaan yang mereka cipta sendiri, sehingga orang yang mendengarnya merasa lucu dan ahli kebenaran menangisinya. Mereka membuktikan kepada orang-orang yang tidak memihak dan bersifat adil bahawa mereka tidak menemui sebarang alasan atas nama undang-undang dan kebenaran untuk mengganggu gugat Risale-i Nur dan para penuntutnya. Mereka sebenarnya tergelincir ke lembah kedunguan dan kegilaan serta meraba-raba di dalam kegelapan.

Antara kebodohan yang mereka lakukan:

Para perisik yang memerhatikan pergerakan kami selama sebulan tidak menemui apa-apa yang boleh digunakan bagi menentang kami. Lalu mereka mereka-reka laporan berikut: “Orang suruhan Said telah membeli arak untuknya dari sebuah kedai.” Tetapi mereka dapati tiada seorang pun yang

mahu menandatangani bagi mengesahkan laporan mereka itu, melainkan seorang individu yang ganjil dan dalam masa yang sama dia juga seorang yang pemabuk. Mereka memberikan tekanan dan ugutan kepada individu terbabit agar menandatangani laporan tersebut dan membenarkannya. Tetapi individu tersebut menjawab: “*Astaghfirullah!* Siapakah yang mampu mengesah dan membenarkan pendustaan yang ajaib ini?!” Lalu mereka memusnahkan laporan tersebut.

Contoh lain: Lantaran keinginan saya yang bersangatan untuk menghirup udara yang segar, juga kerana saya ketika itu sedang menghadapi kesakitan, seorang lelaki yang tidak saya kenali bahkan saya tidak berkenalan dengannya hinggalah sekarang, telah meminjamkan kepada saya sebuah kereta kuda berserta kudanya sekali, agar saya dapat bersiar-siar di luar kawasan kampung. Saya pun menaiki kereta kuda tersebut menghabiskan sejam atau dua jam untuk bersiar-siar. Saya juga telah berjanji dengan lelaki tuan punya kereta kuda tersebut bahawa saya akan membayar sewa penggunaan kereta kudanya itu dengan memberikan beberapa buah buku yang bernilai 50 lira. Kerana sudah menjadi ketetapan saya bahawa saya berjanji kepada diri saya sendiri untuk tidak mengambil atau terhutang budi dengan sesiapa pun agar saya sentiasa terselamat daripada ungkitan dan gangguan mereka.. Adakah dengan berbuat demikian (bersiar-siar dengan meminjam kereta kuda kepunyaan seseorang) akan menyebabkan sebarang kemudaratkan? Tetapi apa yang berlaku, Balai Polis dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri bahkan gabenor wilayah sendiri telah bertanya dan menyoal lebih daripada 50 kali: Kuda siapakah itu? Kereta kuda siapakah itu? Seolah-olah telah berlaku satu kejadian politik



yang amat merbahaya sehingga boleh menggugat keselamatan negara! Situasi itu memaksa seorang individu untuk secara sukarela mengaku bahawa kuda itu adalah miliknya bagi memberhentikan soalan-soalan bodoh yang diajukan secara bertalu-talu itu. Manakala seorang individu lain pula mengaku bahawa kereta kuda itu adalah miliknya. Lalu arahan dikeluarkan agar kedua-dua individu tersebut ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara bersama-sama dengan saya. Dengan contoh-contoh kejadian seumpama ini, kami menjadi antara orang-orang yang menyaksikan patung-patung dan barangan permainan kanak-kanak, lalu kami menangis dalam keadaan ketawa dan kami merasa sedih dalam keadaan menggelikan hati. Kami tahu bahawa setiap orang yang mengganggu Risale-i Nur dan para penuntutnya menjadi bahan ketawa dan tempat gurauan serta permainan.

Antara contohnya lagi ialah dialog berikut: Saya berkata kepada Pihak Pendakwaraya sebelum saya melihat tuduhan yang ditulis di dalam prosiding bahawa saya menggugat keamanan negara. Saya berkata kepadanya: “Semalam saya telah mengumpat tuan kerana saya berkata kepada salah seorang anggota polis yang menyoal siasat saya bagi pihak Pengarah Keselamatan: “Semoga saya dimusnahkan oleh Allah I (3 kali) jika saya tidak memberikan khidmat untuk keselamatan dan keamanan negara ini lebih daripada khidmat yang diberikan oleh seribu orang Pengarah Keselamatan dan seribu orang Pendakwaraya ...”.

Pada waktu itu saya amat perlu kepada kerehatan, amat perlu untuk tidak menghiraukan perkara-perkara keduniaan dan amat perlu untuk menjauhkan diri sama sekali daripada

keedinginan musim sejuk. Mereka pula membuang daerah saya pada musim dingin ini dari sebuah bandar ke sebuah bandar yang mengatasi kemampuan fizikal saya. Mereka juga sentiasa menyusahkan saya dengan pelbagai soal siasat yang dijalankan mengatasi kemampuan yang boleh saya tanggung sehingga saya merasakan bahawa mereka melakukannya kerana perasaan dengki yang tertanam di dalam diri mereka terhadap diri saya. Saya juga merasakan bahawa mereka melakukannya dengan sengaja. Kesemua keadaan di atas menyebabkan saya merasa amat marah dan amat geram yang luar biasa terhadap mereka. Tetapi bantuan Ilahi telah menyelamatkan saya lalu saya memperingatkan hati saya kepada hakikat ini:

Sesungguhnya ketetapan Ilahi yang merupakan keadilan mutlak mempunyai bahagian yang amat besar dalam kezaliman nyata yang dilakukan oleh mereka terhadap engkau. Rezeki engkau yang telah ditetapkan di dalam penjara itulah yang memanggil engkau agar menghuni di dalamnya. Oleh itu, engkau sepatutnya membalas peranan ini dengan keredaan dan penerimaan sepenuhnya.

Hikmah dan rahmat Rabbani juga mempunyai bahagian yang besar dalam segala kejadian yang berlaku seperti ia membuka jalan cahaya dan hidayah kepada hati para banduan serta menyebarkan hiburan dan pengharapan ke dalam jiwa mereka. Dengan demikian, engkau mendapat balasan pahala. Oleh itu, sepatutnya engkau mempersembahkan ribuan puji-pujian dan kesyukuran kepada Allah I melalui sifat sabar terhadap bahagian yang besar ini.

Diri engkau juga mempunyai bahagian daripada apa yang berlaku kerana diri engkau mempunyai banyak kekurangan yang engkau sendiri tidak mengetahuinya. Oleh

itu, sepatutnya engkau membalas bahagian ini dengan memperbanyakkan istighfar, bertaubat, kembali kepada Allah I dan mengajar jiwa bahawa ia layak untuk menerima tamparan tersebut.

Begitu juga dengan beberapa orang pegawai naif, pengecut dan terpedaya yang diheret ke dalam kezaliman tersebut hasil daripada tipu daya para musuh yang menyelinap di kalangan mereka. Mereka juga turut mempunyai bahagian. Maka Risale-i Nur telah membalas dendam dengan sempurna terhadap mereka yang munafik itu melalui tamparan-tamparan maknawi dahsyat yang diberikannya kepada mereka. Cukuplah mereka menerima pukulan-pukulan tersebut.

Manakala bahagian terakhir ialah bagi para pegawai yang hanya menjadi pengantara semata-mata. Mereka telah memperoleh manfaat yang pasti dari sudut keimanan – sama ada mereka menghendakinya atau tidak – ketika mereka melihat dan membaca Risale-i Nur dengan niat mengkritik dan merendah-rendahkannya. Oleh itu, memberi maaf kepada mereka dan tidak mengambil kira tindakan-tindakan mereka yang lampau adalah satu tindakan yang amat mulia dan bijaksana berdasarkan perlembagaan yang diletakkan oleh firman Allah I:

وَالْكَافِرِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ

“... dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang...”

Ali ‘Imran: 134

Setelah saya menerima peringatan dan amaran ini yang semuanya adalah benar, saya membuat keputusan untuk terus bersabar dan bersyukur sebanyak-banyaknya kerana berada di dalam Madrasah Yusuf (penjara) yang baru ini. Bahkan saya juga mengambil keputusan untuk menghukum diri saya kerana kecuaiannya dengan hukuman yang tidak memudaratkan, lalu saya sentiasa memberikan pertolongan dan bantuan meskipun kepada orang-orang yang menyakiti dan memusuhi saya.

Kemudian orang yang seumpama saya yang sudah mencapai umur 75 tahun, yang sudah terputus hubungan dengan dunia, yang tidak lagi mempunyai orang yang tersayang di dunia ini melainkan hanya 5 orang daripada setiap 70 orang, yang 70 ribu salinan Risale-i Nur menjalankan tugasnya dengan penuh kebebasan, yang mempunyai sahabat dan waris yang melaksanakan tugas keimanan melalui ribuan lidah bukan melalui satu lidah sahaja ... maka kubur bagi orang sepertiku ini adalah 100 kali lebih baik dan lebih afdal daripada penjara ini. Lebih-lebih lagi jika dilihat bahawa penjara ini 100 kali lebih banyak memberikan manfaat dan kerehatan berbanding dengan kebebasan mutlak di luar sana, juga lebih baik daripada hidup di bawah penguasaan dan pengawasan orang lain. Kerana seseorang bersama-sama dengan ratusan banduan boleh menerima dan menanggung penguasaan beberapa orang pegawai penjara yang dipaksakan kepadanya seperti pengarah dan ketua pengawas penjara kerana tugas dan jawatan mereka, lalu dia akan memperoleh hiburan dan penghormatan daripada para sahabatnya yang berada di sekitarnya, manakala jika berada di luar, dia akan keseorangan menanggung penguasaan dan pengawasan ratusan para

pegawai.

Begitu juga dengan kasih sayang dan kasihan belas Islam serta fitrah kemanusiaan akan sentiasa mencurahkan rahmat kepada orang-orang yang telah tua, terutamanya bagi mereka yang sedang berada dalam keadaan begini. Kesukaran dan azab berada di dalam penjara juga bertukar menjadi rahmat. Demi kerana sebab-sebab tersebut, saya reda berada di dalam penjara.

Ketika saya dihadapkan ke mahkamah pada kali ketiga, saya duduk di atas kerusi di luar pintu mahkamah kerana saya merasa penat dan sulit untuk berdiri disebabkan keadaan saya yang uzur, lemah dan usia yang telah lanjut. Tiba-tiba hakim masuk dan berkata dengan nada marah dan menghina: “Kenapa si tua ini tidak menunggu dalam keadaan berdiri?”

Maka perasaan marah meluap-luap dalam hati saya kerana kehilangan perasaan kasihan belas terhadap orang tua. Lalu saya berpaling ke belakang, tiba-tiba saya dapati terdapat kumpulan orang Islam yang ramai berkumpul di sekitar kami, memandang kami dalam keadaan mata mereka dipenuhi dengan perasaan kasihan belas, dengan hati yang dipenuhi dengan perasaan kasih sayang dan ukhuwwah (persaudaraan), sehingga tiada siapa yang boleh menghalang mereka daripada terus berkumpul di situ. Ketika itu, hati saya menandakan dua hakikat:

### **Hakikat Pertama**

Musuh-musuhku dan musuh-musuh Risale-i Nur yang berselindung telah meyakinkan beberapa orang pegawai yang alpa dan menyebabkan mereka memberikan layanan yang

hina terhadap saya agar harga diri saya hancur dan musnah pada pandangan orang ramai. Mereka juga mahu memalingkan pandangan dan penghormatan orang ramai daripada saya yang saya sendiri pun memang tidak suka saya menjadi tempat tuju pandangan mereka. Dengan berbuat demikian, mereka menyangka mereka berjaya mendirikan suatu benteng yang tinggi dan teguh bagi menghalang terjahan pembukaan-pembukaan Risale-i Nur. Melalui penghinaan hanya seorang sahaja terhadap saya, telah menyebabkan bantuan Ilahi mengalih pandangan ratusan orang kepada saya kerana menghormati khidmat keimanan yang diberikan oleh Risale-i Nur dan para penuntutnya dengan berkata: “Lihatlah kepada mereka. Mereka datang untuk mengalu-alukan engkau kerana khidmat yang engkau berikan. Mereka datang dengan hati yang dipenuhi dengan kasihan belas, kedukacitaan, kekaguman dan pertautan hati yang teguh.”

Bahkan pada hari berikutnya, iaitu ketika saya menjawab soalan-soalan hakim yang menyiasat, ribuan manusia berkumpul di halaman bertentangan dengan tingkap bangunan. Air muka mereka menggambarkan kedudukan mereka dengan berkata: “Janganlah kamu mengganggu mereka.” Lantaran pertautan yang teguh di antara kami, pihak polis tidak berjaya menyuraikan mereka. Ketika itu, terdetik dalam hati saya:

“Bahawa orang ramai ketika berada dalam situasi yang genting ini amat mengharapkan suatu hiburan sempurna, cahaya yang tidak terpadam, keimanan yang teguh, khabar gembira tentang kebahagiaan abadi, bahkan mereka mencarinya dengan fitrah semula jadi mereka. Sampai kepada pendengaran mereka bahawa apa yang mereka cari itu

terdapat di dalam Risale-i Nur. Oleh itu, mereka memperlihatkan penghormatan dan penghargaan kepada diriku yang sebenarnya tidak mempunyai apa-apa melebihi kemampuanku sendirian kerana kedudukan saya sebagai khadam kepada iman. Semoga saya telah melaksanakan sedikit khidmat demi keimanan”.

## **Hakikat Kedua**

Terdetik dalam hati saya: Di sebalik peristiwa penghinaan terhadap kami kerana kononnya kami mengancam keselamatan awam, dan di sebalik tindakan memalingkan orang ramai daripada kami dengan memberikan layanan yang buruk kepada kami yang dilakukan oleh beberapa orang yang boleh dikira terdiri daripada orang-orang yang terpedaya ... terdapat sambutan yang hangat terhadap kami oleh para ahli hakikat dan anak-anak generasi akan datang. Ya, pada masa huru hara dan keganasan yang berselindung di sebalik tirai komunis yang mahu mengancam keselamatan awam sedang giat berlaku, maka para penuntut Risale-i Nur menghadapi aktiviti kerosakan yang menakutkan itu di seluruh pelosok negara dan mereka melemahkannya dengan kekuatan keimanan yang hakiki. Mereka juga berusaha bersungguh-sungguh bagi mewujudkan keamanan dan peraturan sebagai ganti kepada keadaan ketakutan dan huru hara. Semenjak 20 tahun lalu, tidak pernah berlaku apa-apa kejadian yang menunjukkan mereka mengancam keselamatan awam, meskipun bilangan mereka adalah banyak dan bertebaran di seluruh pelosok negara. Mana-mana anggota keselamatan tidak pernah menemui atau merekodkan apa-apa kesalahan daripada mereka di sepuluh buah wilayah dan melalui 4 buah

mahkamah yang berkenaan. Bahkan para pegawai yang berfikiran terbuka yang bertugas di tiga buah wilayah mengaku bahawa **para penuntut Risale-i Nur amat mengambil berat tentang keselamatan awam di dalam negara, dan mereka sentiasa membantu bagi memelihara keamanan dan perjalanan peraturan kerana mereka menjadikan sesiapa sahaja yang membaca Risale-i Nur dengan iman yang hakiki sebagai penjaga dan pengawal yang sentiasa berusaha untuk menjaga keselamatan awam.**

Penjara Denizli merupakan contoh yang jelas dan baik bagi menjelaskan hakikat di atas. Sebaik sahaja para penuntut Risale-i Nur dan Risalah al-Thamarah yang ditulis untuk para banduan masuk ke dalam penjara tersebut, lebih 200 banduan telah bertaubat dan melakukan ketaatan dan kebaikan. Ini berlaku dalam masa 3 bulan lebih. Sehingga seorang banduan yang telah membunuh 3 orang mangsa, selepas dia bertaubat tidak sanggup lagi untuk membunuh walaupun seekor kutu. Dia bukan sahaja telah bertukar menjadi anggota masyarakat yang tidak memudaratkan orang lain, bahkan dia telah menjadi seorang rakyat yang memberi manfaat dan rahmat kepada negara.

Para pegawai melihat kepada situasi yang berlaku itu dengan penuh kehairanan dan takjub, sehingga beberapa orang pemuda menegaskan sebelum mereka menerima keputusan mahkamah: “Jika para penuntut Risale-i Nur terus berada di dalam penjara, kami akan menjatuhkan hukuman bersalah terhadap diri kami agar kami terus dapat bersama dengan mereka, lalu kami dapat menjadi murid mereka dan memperbaiki diri kami melalui tunjuk ajar mereka, agar kami menjadi seperti mereka.” Maka sesiapa yang menuduh para



penuntut Risale-i Nur yang mempunyai ciri-ciri dan sifat tersebut sebagai pengancam keselamatan awam, maka sudah pasti dia adalah seorang yang sudah teruk terpedaya, atau tertipu, atau mereka tidak menghiraukan peraturan-peraturan negara berkenaan dengan huru hara dan keganasan sama ada mereka tahu atau tidak demi kerana mahu menghapuskan kami dan memperosokkan kami ke dalam penyeksaan yang memeritkan.

Maka kami berkata kepada mereka:

Selagi kematian tidak boleh dibunuh, selagi pintu kubur tidak boleh ditutup, selagi kafilah manusia di dunia pertemuan ini sentiasa datang kemudian menghilang pergi di sebalik tanah dengan kelajuan yang menakjubkan ... maka sudah pasti kita akan berpisah dalam masa yang amat hampir. Kamu pasti akan melihat balasan dahsyat akibat kezaliman kamu. Paling kurangnya, kamu akan merasai mati yang merupakan keringanan daripada kehidupan di sisi ahli iman yang dizalimi, tetapi kamu akan merasainya sebagai ketiadaan abadi. Perasaan-perasaan yang musnah yang kamu perolehi dengan anggapan ia adalah kekal semasa di dunia akan bertukar menjadi kesakitan yang berkekalan dan memeritkan.

Hakikat Islam yang dimiliki dan dipelihara oleh umat yang beragama ini dengan darah ratusan para syuhada' yang setaraf dengan para wali dan dengan pedang para pahlawan dan mujahidnya, malangnya pada hari ini kadang-kadang mereka dilabelkan oleh para musuh kita yang munafik dan berselindung itu sebagai 'tarekat tasawuf'. Mereka menampilkan 'tarekat tasawuf' yang merupakan salah satu

sinaran matahari bercahaya itu bahawa ia adalah matahari itu sendiri bagi mengaburkan pandangan para pegawai yang naif itu. Mereka juga melabelkan para penuntut Risale-i Nur yang sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dan aktif sebagai ‘ahli tarekat tasawuf’ atau ‘ahli pertubuhan politik’. Mereka hanya bertujuan untuk membuat kekeliruan dan membangkitkan kemarahan terhadap kami. Oleh itu, kami berkata kepada mereka dan kepada setiap orang yang mendengar perkataan mereka sebagaimana kami pernah berkata di hadapan Mahkamah Keadilan Denizli:

**“Sesungguhnya hakikat suci yang ditebus oleh jutaan orang itu, kepala kami juga menjadi tebusannya. Jika kamu menjadikan dunia ini sebagai api di atas kepada kami sekalipun, namun kepala kami tidak akan tunduk. Ia akan tetap menjadi tebusan kepada hakikat al-Quran dan tidak akan menyerahkan tampuk kepimpinan kepada golongan kafir zindik serta tidak akan mencuaikan tugasnya yang suci itu dengan izin Allah I”.**

Demikianlah, saya tidak akan menggantikan 10 tahun daripada zaman muda saya yang dipenuhi dengan kegembiraan dan kesukaan walaupun dengan hanya satu tahun sahaja daripada zaman tua saya meskipun kejadian-kejadian yang berlaku pada masa itu menyebabkan putus asa, membeban dan menyempitkan tetapi ia dicelahi dengan hiburan bersih yang keluar daripada keimanan dan al-Quran. Lebih-lebih lagi jika setiap jam yang dilalui oleh hamba yang bertaubat dan melaksanakan segala kewajibannya di dalam penjara itu sama seperti 10 jam ibadat. Dan lebih-lebih lagi, jika setiap hari yang dilalui oleh hamba yang sakit itu dalam keadaan dizalimi menjadikannya memperoleh balasan pahala 10 hari yang kekal abadi. Betapa kehidupan ini menjadi

punca kesyukuran dan terima kasih kepada Allah I bagi orang seumpama saya yang sentiasa mengambil berat tentang peranannya sedang dia sudah hampir dengan pintu kuburnya.

Ya, demikianlah apa yang saya fahami daripada peringatan maknawi itu, lalu saya berkata: Bersyukur kepada Allah I tanpa kesudahan ... Saya gembira dengan zaman tua saya dan saya reda dengan penjara. Umur tidak akan berhenti bahkan ia berlalu dengan segera. Jika ia berlalu dengan kelazatan dan kegembiraan maka ia akan menyebabkan kedukacitaan dan kesedihan, kerana kehilangan kelazatan akan menyebabkan kesakitan. Jika ia berlalu dipenuhi dengan kealpaan dan kosong daripada kesyukuran, maka ia akan meninggalkan kesan-kesan dosa, ia juga akan binasa dan berlalu begitu sahaja. Tetapi jika umur itu berlalu dipenuhi dengan kepenatan dan penjara, dan juga kerana kehilangan kesakitan, maka ia akan menyebabkan kelazatan maknawi, maka umur seumpama ini dikira satu jenis daripada ibadat. Oleh itu, ia sentiasa kekal dari satu sudut dan menjadikan tuannya memperoleh umur kekal abadi dengan menikmati hasil yang kekal dan baik. Dari sudut yang lain pula, ia menjadi kaffarah (penghapus) dosa yang lalu dan penyuci bagi segala kesalahan yang menyebabkan seseorang masuk penjara. Maka dari sudut pandangan ini, orang-orang yang dipenjarakan yang melaksanakan kewajipan mereka wajib bersyukur kepada Allah I dan dalam masa yang sama bersabar menghadapinya.

## Harapan Keenam Belas

Ketika mereka mengheret saya ke Kastamonu<sup>27</sup> setelah saya menyelesaikan hukuman setahun penjara di Penjara Eski Shehr, ketika itu saya sudah berusia lanjut, di sana saya berada di Balai Polis selama lebih kurang 3 bulan. Kamu pasti dapat menganggarkan betapa kesakitan yang dialami oleh orang seumpama saya pada tempat seumpama ini, oleh seorang yang tinggal berjauhan daripada sesiapa, tidak mampu berhadapan dengan kawan-kawannya yang setia dan tidak mampu menggantikan pakaiannya sebagaimana biasa dilakukan.<sup>28</sup>

Ketika perasaan putus asa mengelilingi saya dari segenap penjuru, tiba-tiba pertolongan Ilahi menyelamatkan saya yang sudah berusia ini, kerana para anggota polis yang bertugas di balai tersebut bertukar menjadi teman-teman yang setia. Mereka mengeluarkan saya pada bila-bila masa sahaja yang saya mahu untuk berehat dan bersiar-siar di sekitar

---

<sup>27</sup> Kastamonu ialah sebuah bandar di utara Turki. Ustaz Nursi dibuang daerah ke sana pada tahun 1936. Beliau dikenakan tahanan rumah di sebuah bilik bersetentang dengan sebuah Balai Polis sehingga beliau dibicarakan pada tahun 1943 di Mahkamah Tinggi Jenayah Denizli. - Penterjemah

<sup>28</sup> Pada masa itu, semua orang dipaksa memakai topi dan pakaian Eropah selepas dikeluarkan Undang-undang Protokol. - Penterjemah

kawasan pekan dan mereka bersedia memberikan khidmat kepada saya seolah-olah mereka adalah khadam yang khusus untuk saya. Mereka juga tidak memaksa saya untuk memakai topi sama sekali.

Kemudian saya memasuki al-Madrasah al-Nuriyyah yang terletak bersebelahan Balai Polis tersebut di Kastamonu dan saya mula menulis Risale-i Nur. Faydi, Amin, Hilmi, Sadiq, Nazif, Salahuddin dan orang-orang seumpama mereka dari kalangan para pahlawan Risale-i Nur sentiasa bersama saya di dalam madrasah tersebut untuk menyebarkan dan memperbanyakkan Risale-i Nur. Melalui muzakarah ilmu yang diadakan, mereka memperlihatkan kemampuan yang mengatasi kemampuan saya pada masa saya masih muda bersama-sama dengan para pelajar saya yang lalu.

Kemudian musuh kami yang tersembunyi itu mula menghasut beberapa orang pegawai dan beberapa orang yang berpengaruh dari kalangan para ulama dan syeikh tasauf yang terpedaya, lalu mereka menjadi sebab yang menghimpunkan saya dengan beberapa orang penuntut Risale-i Nur yang datang daripada beberapa wilayah di Madrasah Yusuf (penjara) di Denizli ini.

Untuk makluman, huraian 'Harapan Keenam Belas' ini terdapat di dalam risalah yang saya kirimkan secara rahsia dari Kastamonu yang dilampirkan di dalam kitab '*Mulhaq Qastamuni*' dan juga di dalam beberapa risalah yang saya ringkaskan dan dihantar secara rahsia kepada sahabat-sahabat saya di dalam penjara Denizli. Huraiannya juga terdapat di dalam hujah mempertahankan diri yang dikemukakan di Mahkamah Denizli.

Hakikat ‘Harapan Keenam Belas’ itu jelas ditampilkan di sana. Maka kami harap anda dapat merujuk kepada huraian-huraian yang dinyatakan di dalam ‘*Mulhaq Qastamuni*’ dan di dalam ‘hujah mempertahankan diri’ itu. Namun di sini, kami akan membuat sedikit ringkasan sebagaimana berikut:

Saya telah menyembunyikan beberapa risalah tertentu dan himpunan-himpunan penting terutamanya yang membicarakan tentang dajal umat Islam (al-Sufyani) dan berkenaan dengan kemuliaan Risale-i Nur. Saya menyembunyikannya di bawah kayu-kayu api dan arang dengan tujuan agar ia dapat disebarkan selepas kematian saya atau setelah telinga dan kepala para penguasa dapat mendengar dan menerima kebenaran serta kembali kepada kewarasan mereka. Saya merasa tenang terhadap apa yang saya lakukan kerana saya menyangka risalah-risalah tersebut akan selamat di situ. Tetapi sebaik sahaja para pegawai penyiasat dan pembantu pendakwa raya menggeledah rumah tempat tahanan saya dan mengeluarkan risalah-risalah penting yang disembunyikan itu dari bawah kayu-kayu api dan arang, mereka mengheret saya ke penjara Isparta sedang ketika itu tuhan saja yang tahu penyakit yang saya alami. Ketika saya sedang mengalami kesakitan yang amat sangat dan tenggelam berfikir tentang kemudaratan yang menimpa Risale-i Nur, tiba-tiba bantuan rabbani datang memberikan pertolongan kepada kami semua. Pertolongan itu berlaku apabila para pegawai bertanggungjawab yang mereka adalah orang yang paling perlu membaca risalah-risalah yang disembunyikan lagi bernilai itu, mula mengkaji risalah-risalah itu dengan mendalam dan bersungguh-sungguh. Lalu forum yang rasmi

itu bertukar seolah-olah menjadi seperti salah sebuah Madrasah al-Nuriyyah kerana kritikan dan kutukan terhadap risalah-risalah tersebut bertukar kepada pandangan penuh kekaguman dan penghargaan. Sehingga berlaku di Denizli bagaimana ramai para pegawai dan lainnya tanpa pengetahuan kami telah membaca risalah *al-Ayat al-Kubra* yang dicetak secara rahsia. Setelah membacanya, iman mereka menjadi kuat dan mereka menjadi sebab seolah-olah tiada sebarang musibah yang menimpa saya.

Kemudian mereka mencampakkan kami ke penjara Denizli dan menempatkan saya ke sebuah bilik besar yang amat busuk dan lembap ditambah lagi dengan tahap kedinginannya yang tinggi. Oleh itu, saya diselubungi perasaan amat dukacita dan kesakitan terhadap bencana yang dialami oleh para sahabat saya yang baik dengan sebab saya. Saya bertambah dukacita terhadap segala penggeledahan dan rampasan yang berlaku terhadap Risale-i Nur yang menghalang penyebarannya di samping kesakitan kerana usia lanjut dan penyakit yang saya alami. Semua itu menjadikan saya berada dalam keadaan keluh kesah, tidak selesa dan kepenatan. Sehingga saya diselamatkan oleh bantuan rabbani yang menukar penjara yang menggerunkan itu kepada sebuah Madrasah al-Nuriyyah. Ya, memang benar, penjara adalah Madrasah Yusuf! Risale-i Nur mula tersebar dengan meluas di mana para pahlawan Madrasah al-Zahra' mula menulis dan menyalin Risale-i Nur dengan pena-perna permata mereka. Sekira-kira seorang daripada mereka berjaya menyalin lebih daripada 20 salinan daripada Risalah *al-Thamarah* dan *al-Difa'* dalam tempoh tidak sampai 4 bulan sedangkan situasi pada masa itu amat sukar dan sulit.

Salinan-salinan yang dihasilkan pada masa itu menjadi sebab kepada pembukaan-pembukaan yang berlaku di dalam dan di luar penjara. Keadaan ini menyebabkan kemudaratan yang berlaku daripada musibah yang menimpa bertukar menjadi manfaat. Keadaan ini juga menukar kebosanan dan kedukaan saya kepada kegembiraan. Ia juga memperlihatkan sekali lagi salah satu daripada rahsia ayat al-Quran:

عَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ

*“... dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu ...”*

Kemudian satu kenyataan keras terhadap kami telah diedarkan berdasarkan laporan awal lagi cetek yang disediakan oleh beberapa orang penyiasat. Menteri Pendidikan juga membuat serangan yang keras terhadap kami hingga menyebabkan beberapa orang menuntut agar kami dihukum bunuh bahkan mereka telah benar-benar berusaha agar hukuman tersebut dijatuhkan.

Pada waktu yang amat sulit ini, bantuan rabbani datang sekali lagi lalu menyelamatkan kami. Ketika kami sedang menunggu kritikan-kritikan pedas daripada para penyiasat Ankara, tiba-tiba laporan-laporan yang mereka kemukakan itu sendiri mengandungi kekaguman dan penghargaan kepada Risale-i Nur. Mereka juga hanya mendapati beberapa kesalahan sahaja iaitu tidak lebih 10 kesalahan daripada 5 kotak Risale-i Nur, dan kami telah jelaskan dan buktikan di dalam mahkamah bahawa kesalahan-kesalahan yang mereka nyatakan itu sebenarnya bukanlah kesalahan bahkan ia adalah kebenaran itu sendiri, dan bahawa para penyiasat itu sebenarnya tersilap dan tersalah dalam dakwaan mereka. Kami juga menjelaskan bahawa laporan mereka yang terdiri



daripada 5 helai kertas itu mengandungi lebih kurang 10 kesalahan.

Ketika kami sedang menunggu ancaman dan arahan keras daripada ketujuh-tujuh jabatan rasmi kerajaan yang dihantar kepadanya risalah *al-Thamarah* dan *al-Difa'*, sebagaimana kesemua risalah turut dihantar ke Jabatan Keadilan, terutamanya beberapa risalah khusus yang mengandungi tamparan-tamparan keras dan mendedahkan golongan-golongan sesat ... ya ketika kami sedang menunggu-nunggu ancaman keras daripada mereka, tiba-tiba laporan-laporan yang dikemukakan hanya mengandungi bahasa yang amat lembut dan menghiburkan, sama seperti sepucuk surat yang diutus oleh Perdana Menteri kepada kami, seolah-olah mereka mahu mengadakan perdamaian dengan kami. Semua ini membuktikan dengan jelas bahawa hakikat-hakikat Risale-i Nur melalui kelebihan kurniaan kemuliaan Ilahi telah berjaya mengalahkan mereka sehingga menjadikan mereka membacanya dan mendapat petunjuk daripadanya. Lalu jabatan-jabatan rasmi kerajaan yang luas itu seolah-olah bertukar menjadi Madrasah al-Nuriyyah dan menyelamatkan ramai orang yang sedang kebingungan dan ragu-ragu serta menguatkan keimanan mereka. Semua ini menjadikan kebahagiaan dan kegembiraan kami berganda berkali-kali dibandingkan dengan kesempitan dan kesukaran yang kami hadapi.

Kemudian para musuh yang tersembunyi itu memasukkan racun ke dalam makanan saya. Akibatnya seorang pahlawan Risale-i Nur, Hafiz 'Ali telah dimasukkan ke hospital sebagai ganti diri saya. Dia kembali ke

rahmatullah juga menggantikan saya yang menyebabkan saya merasa amat dukacita dan menangi pemergiannya.

Pada suatu hari, iaitu ketika musibah ini belum menimpa kami, saya berkata di atas bukit Kastamonu bahkan berteriak beberapa kali: “Wahai saudara-saudaraku! Janganlah kamu mencampakkan daging di hadapan kuda, dan rumput di hadapan singa.” Maksud saya janganlah Risale-i Nur ini diberikan kepada sesiapa yang mungkin mendatangkan kesakitan kepada kita sebagai langkah berhati-hati. Seolah-olah saudara Hafiz ‘Ali mendengar kata-kata saya ini melalui telefon maknawinya sedangkan dia berada pada jarak 7 hari perjalanan daripada saya. Lalu beliau menulis surat kepada saya pada waktu itu juga dengan berkata: “Ya wahai ustazku! Ia adalah salah satu keramat dan ciri khusus yang dimiliki oleh Risale-i Nur bahawa ia tidak akan memberikan daging kepada kuda dan rumput kepada singa, bahkan ia memberikan rumput kepada kuda dan daging kepada singa!” Selepas itu beliau memberikan kepada saya Risalah al-Ikhlas. Tujuh hari selepas itu kami menerima suratnya. Setelah membuat hitungan, kami yakin bahawa beliau telah menulis perkataan yang ganjil itu pada masa yang sama ketika saya mengulang-ulanginya di atas bukit Kastamonu.

Maka kematian seorang pahlawan Risale-i Nur ini ketika golongan munafikin sedang berusaha mensabitkan kami bersalah serta mengenakan hukuman terhadap kami, ditambah lagi dengan kegelisahan saya yang berpanjangan kerana bimbang mereka akan menghantar saya ke hospital dengan arahan rasmi kerana kesakitan saya yang disebabkan keracunan ... pada waktu ini sedang segala kesulitan mengelilingi saya, tiba-tiba bantuan Ilahi datang memberikan pertolongannya kepada kami. Doa ikhlas yang dilakukan oleh

sahabat-sahabat saya yang baik telah menyelamatkan saya daripada bahaya keracunan. Terdapat juga tanda-tanda yang amat kuat yang menunjukkan bahawa pahlawan yang telah syahid itu (Hafiz ‘Ali) sedang bertungkus lumus memberikan khidmatnya kepada Risale-i Nur di dalam kubur sekarang, dengan panduan Risale-i Nur beliau sedang menjawab soalan-soalan malaikat. Manakala pahlawan Denizli iaitu Hasan Faydi (semoga Allah I melimpahkan rahmat ke atasnya) dan sahabat-sahabatnya yang setia akan menggantikan tempatnya dan memberikan khidmat mereka kepada Risale-i Nur secara rahsia. Sesungguhnya para musuh kami bersepakat untuk mengeluarkan kami daripada penjara kerana bimbang Risale-i Nur tersebar luas di kalangan para banduan dan mereka akan segera menyahut dakwahnya. Para musuh mahu mengeluarkan kami dari penjara agar dapat menghalang kami daripada bercampur dengan banduan. Sesungguhnya para penuntut Risale-i Nur telah berjaya menukar kurungan persendirian yang tidak menyenangkan itu kepada sesuatu yang menyerupai gua para penghuni gua (*Ashab al-Kahf*), iaitu beberapa orang pemuda yang beriman, atau menyerupai gua yang dijadikan tempat pertapaan oleh para ahli zuhud. Mereka berusaha dengan penuh ketenangan untuk menyalin Risale-i Nur dan menyebarkannya. Semua ini membuktikan bahawa bantuan Ilahi sentiasa menolong dan menyelamatkan kami.

Terlintas dalam hati saya, jika seorang imam yang agung iaitu Abu Hanifah al-Nu‘man dan para ulama mujtahidin seumpamanya juga telah disakiti dengan penjara dan mereka menanggung seksaannya, begitu juga dengan Imam Ahmad bin Hanbal dan para pejuang agung seumpamanya juga turut

diseksa hanya kerana mempertahankan satu pendapat sahaja daripada perkara berkaitan dengan al-Quran. Kesemua mereka tetap mempunyai pendirian yang teguh berhadapan dengan segala mehnah yang keras, mereka berada di kemuncak kesabaran dan reda, sehingga tiada seorang pun dari kalangan mereka yang mengeluh dan mengadu serta langsung tidak menarik balik pandangan yang dikemukakan. Demikianlah juga keadaan ramai lagi para ulama agung yang sedikit pun tidak bergoncang keteguhan keimanan mereka ketika berhadapan dengan segala kesakitan dan penyiksaan yang menimpa mereka. Bahkan mereka bersabar dan bersyukur kepada Allah I, sedangkan bala bencana yang terkena ke atas mereka adalah lebih hebat daripada bala bencana yang menimpa kamu. Oleh itu, kamu berkewajipan untuk menunaikan hutang bersyukur kepada Allah I sebanyak-banyaknya terhadap azab seksaan sedikit yang kamu tanggung dan kesulitan ringan yang tertimpa ke atas kamu demi merealisasikan banyak hakikat al-Quran sedangkan kamu memperoleh ganjaran pahala yang besar dan berganda.

Di sini saya akan menjelaskan secara ringkas salah satu daripada jelmaan bantuan Ilahi melalui kezaliman yang dilakukan oleh manusia:

Ketika berumur 20 tahun, saya selalu berkata secara berulang-ulang: “Pada akhir usia nanti, saya akan bertapa di dalam sebuah gua, jauh daripada kehidupan masyarakat sebagaimana golongan ahli zuhud bertapa di bukit-bukit. Demikian juga ketetapan saya ketika di tawan di timur laut Rusia pada Perang Dunia Pertama bahawa saya akan menghabiskan saki baki usia saya di dalam gua dengan menjauhkan diri daripada kehidupan masyarakat dan politik.

Sudah cukup saya campur tangan dalam urusan-urusan tersebut. Bantuan rabbani dan keadilan abadi terjelma sebagai rahmat terhadap usia saya yang sudah lanjut dan menukar tempat-tempat pertapaan itu sebagaimana yang saya gambarkan kepada suatu tempat yang amat baik dan bagus serta melebihi keinginan dan ketetapan yang saya telah putuskan dahulu. Bantuan rabbani dan keadilan abadi itu juga telah menukar tempat-tempat pertapaan itu kepada penjara-penjara tempat bersendirian dan bersunyian. Ia juga mengurniakan beberapa 'Madrasah Yusuf' sebagai ganti daripada tempat-tempat pertapaan di gunung-gunung bagi orang-orang yang mahu menyendiri dan ahli riadah ruhiyyah agar waktu-waktu kita tidak dihabiskan secara sia-sia. Ini kerana di tempat-tempat pertapaan tersebut terdapat banyak faedah ukhrawi di samping dapat menunaikan tanggungjawab berjihad demi al-Quran dan hakikat-hakikat keimanan. Selepas sahabat-sahabat saya dibebaskan dan mereka didapati tidak bersalah, saya berazam untuk memperlihatkan sesuatu yang boleh menunjukkan saya bersalah dan menyebabkan saya dikekalkan di dalam kurungan bersama-sama dengan Khasru, Faydi dan orang-orang seumpama mereka dari kalangan para mujahidin ikhlas yang memberikan sepenuh masa mereka untuk khidmat keimanan. Saya melakukannya agar saya terlepas daripada bercampur dengan orang ramai dan supaya masa saya tidak dihabiskan pada perkara yang tidak penting, perkara yang dibuat-buat dan dunia glamor. Oleh itu, kekal di dalam penjara adalah lebih baik, tetapi ketetapan Ilahi dan rezeki yang ditetapkan oleh Allah I telah membawa saya kepada satu lagi tempat bersunyian. Berdasarkan ungkapan 'kebaikan adalah di dalam perkara

pilihan Allah I’, juga berdasarkan rahsia firman Allah I yang bermaksud “... dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu ...”, juga kerana kasihan belas terhadap usiaku yang telah lanjut, dan demi kami berusaha dengan lebih kuat bagi berkhidmat untuk keimanan, maka kami telah diberikan tugas yang lain, sesuatu yang berada di luar kehendak dan kemampuan kami di ‘Madrasah Yusuf’ yang ketiga.

Ya, perubahan yang dilakukan oleh bantuan Ilahi sehingga menukar tempat-tempat pertapaan pada zaman muda saya itu yang tidak mempunyai musuh yang ganas, ditukar kepada sel-sel penjara dan kurungan persendirian mempunyai 3 hikmah dan faedah penting bagi memberikan khidmat kepada Risale-i Nur:

### **Hikmah dan Faedah Pertama**

Perhimpunan para penuntut Risale-i Nur pada masa ini tanpa seorang pun yang terjejas hanya berlaku di dalam Madrasah Yusuf ini, kerana pertemuan yang berlaku di luar akan menimbulkan keraguan dan perlu kepada perbelanjaan. Ada di kalangan mereka yang membelanjakan lebih kurang 50 lira untuk berjumpa dengan saya dalam satu tempoh tidak lebih 20 minit sahaja, atau mungkin dia pulang begitu sahaja tanpa dapat bertemu dengan saya. Oleh itu, saya bersabar menanggung kesulitan berada di dalam penjara bahkan saya menerimanya dengan gembira supaya dapat terus berjumpa dengan beberapa orang sahabat saya yang setia. Oleh itu, penjara bagi saya adalah nikmat dan rahmat.

## **Hikmah dan Faedah Kedua**

Pada masa sekarang, promosi dan hebahan hendaklah sentiasa dilakukan di seluruh pelusuk tempat terhadap khidmat keimanan dan Risale-i Nur. Pandangan orang-orang yang memerlukan pada setiap tempat hendaklah dipalingkan kepada khidmat tersebut. Dengan kemasukan kami ke dalam penjara, Risale-i Nur telah mula mendapat perhatian seolah-olah ia sedang diiklan dan dipromosikan sehingga ia senang diperoleh oleh orang yang paling degil tetapi memerlukannya, lalu kedegilan mereka dapat dipatahkan dan mereka berjaya menyelamatkan keimanan mereka serta terselamat daripada kebinasaan. Dengan itu, sempadan Madrasah al-Nur menjadi semakin luas.

## **Hikmah dan Faedah Ketiga**

Para penuntut Risale-i Nur yang masuk ke dalam penjara dapat saling berkenalan sesama mereka. Setiap mereka dapat mempelajari dan mencontohi akhlak yang baik, keikhlasan dan pengorbanan. Selepas itu, mereka tidak lagi menghiraukan tentang manfaat keduniaan demi memberikan khidmat kepada Risale-i Nur.

Ya. Mereka diberikan taufik untuk memperoleh keikhlasan sempurna kerana mereka mendapati dan melihat sendiri banyak tanda yang menunjukkan bahawa setiap kesempitan dan kesulitan ketika berada di 'Madrasah Yusuf' akan diganjar dengan 10 kali ganda faedah maknawi dan material, serta memperoleh hasil-hasil yang baik dan sempurna, serta dapat memberikan khidmat yang luas dan ikhlas kepada keimanan. Bahkan ganjaran tersebut berganda

sehingga ratusan kali banyaknya. Setelah mengetahuinya, mereka tidak akan melepaskannya hanya kerana mahu memperoleh manfaat peribadi yang sedikit.

Manakala bagi diri saya pula, tempat-tempat pemencilan dan kesunyian ini juga turut mempunyai sudut negatif yang mendukacitakan saya, tetapi dalam kedukacitaan itu ada kelazatan. Ia adalah seperti berikut:

Di sini saya dapati keadaan dan situasinya berbeza dengan apa yang sama ditemui pada zaman remaja dan zaman muda saya semasa berada di kampung dan di sekolah lama saya. Di sana, sebahagian makanan bagi para pelajar sekolah diperolehi dari luar sekolah mengikut kebiasaan wilayah-wilayah di sebelah timur. Manakala para pelajar memasak sebahagian makanan lagi di sekolah. Maka setiap kali saya melihat keadaan di sini (di samping situasi-situasi lain yang menyamai), saya terkenang pengalaman saya pada zaman muda itu melalui pandangan kesedihan tetapi lazat. Lalu saya menerawang khayalan saya kepada zaman tersebut, sehingga saya melupakan keadaan dan situasi saya yang sudah berusia lanjut itu.



## Maktub Kedua Puluh Satu

### Penghujung Risalah al-Shuyukh (Orang-orang Tua)

يَاسْمِهِ سُبْحَانَهُ  
وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*“... dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memujinya ...”<sup>29</sup>*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا  
أَفٍّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۚ وَأَخْفِضْ لَهُمَا  
جَنَاحَ الدَّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي  
صَغِيرًا ۚ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ إِنْ تَكُونُوا  
صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ لِلأَوَّابِينَ غَفُورًا

*“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”, dan*

<sup>29</sup> Al-Israa‘, 44

*janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.” Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada pada hati kamu; kalaulah kamu orang-orang yang bertujuan baik mematuhi perintahNya, maka sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat”.*

Wahai orang yang lalai! Wahai orang yang di rumahnya tinggal seorang ayah yang tua, atau ibu yang sudah lemah, atau salah seorang kaum kerabatnya yang sudah lanjut usia, atau seorang saudara seagama yang lumpuh, atau sesiapa sahaja yang lemah dan sakit. Lihatlah kepada ayat di atas dengan penuh teliti dan pemerhatian. Lihatlah bagaimana hanya satu ayat sahaja dapat menarik 5 jenis rahmat dalam pelbagai bentuk kepada kedua ibu bapa yang telah lemah. Ya, sesungguhnya hakikat yang paling agung di dunia ini ialah kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dan sesungguhnya hak paling tinggi ialah menghormati mereka sebagai timbal balas daripada kasih sayang tersebut. Ini kerana mereka sanggup mengorbankan segala kelazatan dan kebahagiaan hidup mereka sebagai tebusan bagi kehidupan anak-anak mereka. Oleh itu, setiap anak – jika kemanusiaannya masih belum gugur dan dia sendiri masih belum bertukar menjadi binatang buas, sudah pasti akan

memberikan penghormatan dengan penuh ikhlas kepada ibu bapa yang dikasihi lagi dihormati, yang telah sanggup berkorban bersungguh-sungguh dan memberikan perkhidmatan kepada anak. Si anak itu juga sudah pasti akan sentiasa berusaha untuk memperoleh keredaan mereka dan menggembirakan hati mereka. Sesungguhnya bapa dan ibu saudara juga samalah seperti ibu dan bapa sendiri. Ketahuilah bahawa, adalah menjadi suatu keadaan yang amat menunjukkan tidak berhati perut jika seseorang merasa keberatan dengan kewujudan golongan tua yang amat diberkati itu serta menginginkan kematian mereka! Bahkan ia adalah kehinaan dan kerendahan yang amat teruk. Ketahuilah perkara ini dan sedarlah!

Ya fahamilah! Alangkah kejinya kezaliman dan alangkah tidak berhati perutnya seseorang yang bercita-cita supaya orang yang mengorbankan seluruh kehidupannya untuk kehidupannya sendiri segera mati!

### **Wahai manusia yang ditimpa bencana kehidupan!**

Ketahuilah bahawa paksi keberkatan rumah anda, cara memasukkan rahmat ke dalamnya dan cara menolak musibah daripadanya ialah orang tua itu, atau orang buta itu dari kalangan kaum kerabat anda yang anda merasa berat untuk menerima kehadiran mereka. Janganlah sekali-kali anda berkata: “Sesungguhnya kehidupan saya amat sempit. Saya tidak mampu untuk berpura-pura lagi!” Ini adalah kerana jika bukan kerana keberkatan yang datang daripada wajah orang-orang tua itu, nescaya kesempitan kehidupan anda sudah pasti lebih hebat lagi. Ambillah hakikat ini daripada saya dan percayalah. Sesungguhnya saya mempunyai pengetahuan

yang banyak mengenainya berdasarkan banyak bukti-bukti yang pasti. Saya juga mampu untuk menjadikan anda mempercayainya sama. Tetapi, agar perkara ini tidak panjang, maka saya akan meringkaskannya. Hendaklah anda yakin sepenuhnya terhadap kata-kata saya ini. Saya bersumpah dengan nama Allah I bahawa hakikat ini amat benar dan tiada keraguan padanya, hinggakan jiwa dan syaitan saya juga turut menerimanya. Oleh itu, tidaklah pelik jika hakikat yang menjadikan syaitan saya marah, mendiamkannya, dan menghancurkan kedegilan diri saya yang sentiasa menyuruh melakukan keburukan, sudah pasti ia juga mampu untuk meyakinkan anda juga.

Ya memang benar. Sesungguhnya Allah I tuhan yang maha mencipta lagi maha mulia, yang maha pemurah lagi maha mengasihani, yang maha halus lagi maha mulia dengan penyaksian segala makhluk yang berada di seluruh alam ini, ketika Ia mengutus kanak-kanak ke dunia, Ia mengutus rezeki bersama-sama mereka pada masa yang sama dengan penuh kelembutan, seperti terpancarnya susu daripada puting susu ibu umpama aliran air ke mulut mereka. Begitu juga rezeki orang-orang tua itu yang termasuk dalam golongan kanak-kanak, bahkan mereka lebih berhak untuk diberikan kasih sayang dan lebih perlu kepada kasihan belas. Rezeki mereka diutus oleh Allah I dalam bentuk keberkatan dan Allah I tidak memberi dan menyerahkan tanggungjawab dan tugas meneruskan kehidupan orang-orang tua itu kepada manusia yang bakhil. Firman Allah I:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ  
وَكَايِنٌ مِنْ دَابَّةٍ  
لَا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ

*“Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan*

*Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya”.*

al-Zariyat: 58

*“Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.*

al-‘Ankabut: 60

Hakikat yang dikemukakan oleh ayat-ayat di atas, adalah hakikat yang mulia, yang diucap dan diseru oleh kelakuan seluruh makhluk hidup yang pelbagai itu. Bukan hanya orang-orang tua dari kalangan kaum kerabat sahaja yang rezeki mereka datang melimpah-limpah dalam bentuk keberkatan, bahkan rezeki sesetengah binatang yang dicipta untuk menemani dan bersahabat dengan manusia seperti kucing. Maka rezeki binatang itu diutus bersama-sama dengan rezeki manusia itu sendiri yang juga datang dalam bentuk keberkatan. Antara bukti yang menyokong perkara ini ialah apa yang saya alami sendiri antaranya: Setiap hari saya mempunyai hidangan makanan tertentu, sebagaimana diketahui oleh sahabat-sahabat yang rapat dengan saya semenjak 2 atau 3 tahun yang lalu. Hidangan itu ialah setengah keping roti, sedangkan kepingan roti di kampung itu kecil sahaja saiznya. Dalam banyak keadaan, hidangan itu tidak cukup bagi saya.. Kemudian datang 4 ekor kucing sebagai tetamu, lalu hidangan tersebut cukup buat saya dan

buat keempat-empat ekor kucing itu. Bahkan pada banyak ketika masih lagi terdapat lebihan dan baki.

Keadaan ini berulang-ulang kali berlaku kepada saya sehingga saya merasa amat yakin bahawa sayalah sebenarnya yang mendapat faedah daripada keberkatan kucing-kucing itu! Sekarang saya mengisytiharkan bahawa kucing-kucing itu sedikitpun tidak menjadi bebanan kepada saya dan terhutang budi kepada saya, bahkan sayalah yang terhutang budi kepada mereka.

Wahai manusia! Sesungguhnya jika seekor binatang yang sedikit buas datang menjadi tamu ke sebuah rumah, maka ia akan menjadi paksi keberkatan kepada rumah tersebut. Maka bagaimana pula keadaannya jika sesebuah rumah itu didiami oleh makhluk yang paling mulia iaitu manusia? Bagaimana pula jika ia didiami oleh manusia yang paling sempurna iaitu seorang yang beriman? Bagaimana pula jika ia didiami oleh orang tua, berpenyakit dan telah berusia lanjut dari kalangan ahli iman? Bagaimana pula jika ia didiami oleh orang yang paling layak untuk mendapat khidmat dan kasih sayang dari kalangan orang yang sakit dan berusia lanjut itu iaitu dari kalangan kaum kerabat yang terdekat? Bagaimana pula jika ia didiami oleh teman yang paling ikhlas dan kekasih yang paling tulus dari kalangan kaum kerabat yang terdekat itu iaitu kedua ibu bapa? Bagaimana jika mereka yang tinggal di dalam rumah tersebut? Anda boleh membuat perbandingan. Alangkah besarnya ia sebagai saluran untuk memperoleh keberkatan, alangkah kukuhnya ia sebagai perantaraan untuk menarik rahmat dan sebagai sebab untuk menolak musibah. Ini sebagaimana dikandungi oleh makna sebuah hadis yang mulia:

لو لا الشيوخ الركع لصب عليكم البلاء صباً.

*“Jika tidak kerana orang-orang tua yang rukuk, nescaya akan ditimpakan bala kepada kamu sebanyak-banyaknya”.*

Jadi wahai manusia! Perhatikanlah.. Ambillah iktibar dan ketahuilah bahawa jika engkau tidak mati, maka sudah pasti suatu hari nanti engkau juga akan menjadi tua dan lemah. Jika engkau tidak menghormati orang tua engkau, maka sudah pasti akan datang suatu hari anak-anak engkau tidak akan menghormati engkau. Ini sebagaimana rahsia yang terkandung di dalam perumpamaan yang mengatakan bahawa ‘sesuatu balasan adalah berdasarkan perbuatan yang dilakukan’. Oleh itu, jika engkau mengasihi akhirat engkau, maka ambillah khazanah agung itu iaitu berilah khidmat kepada kedua ibu bapa engkau sehingga memperoleh keredaan mereka berdua. Jika engkau mengasihi dunia, maka perolehlah keredaan mereka berdua dan bersyukurlah kepada kedua-duanya, hingga kehidupan engkau berlangsung dengan penuh kerehatan dan sehingga rezeki engkau mendapat keberkatan disebabkan mereka.

Tetapi jika engkau merasa keberatan terhadap kewujudan mereka bahkan bercita-cita agar mereka segera meninggal dunia serta sentiasa melukakan hati mereka yang lembut lagi sensitif, maka engkau akan tergolong ke dalam golongan orang-orang yang dinyatakan oleh ayat:

خَسِرَ الدُّنْيَا وَ الْآخِرَةَ

*“... rugilah ia akan dunia dan akhirat ...”*

Jika engkau mengharapkan rahmat Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, maka kasihanilah khazanah Allah I itu dan amanah yang dititipkanNya itu kepada engkau di rumah engkau.

Saya mempunyai seorang sahabat dari kalangan sahabat akhirat iaitu Mustafa Jawush. Saya melihatnya sebagai seorang yang berjaya sama ada dari sudut agama dan dunianya. Saya bukanlah seorang yang mengetahui tentang rahsia. Kemudian saya mendapat tahu bahawa sebab kejayaannya itu ialah bahawa lelaki yang salih ini mengetahui apakah hak kedua ibu bapanya terhadapnya lalu dia menjaga dan memelihara hak-hak tersebut dengan sebaik-baiknya dan mendapat kerehatan dan rahmat melalui keberkatan wajah kedua ibu bapanya. Saya berharap agar dia juga telah memakmurkan akhiratnya juga *insya Allah*. Oleh itu, sesiapa yang mahu mendapat kebahagiaan, maka hendaklah mengikut jejak langkah beliau dan jadilah seperti nya.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ قَالَ الْجَنَّةُ تَحْتَ أَقْدَامِ  
الْأُمَّهَاتِ وَعَلَى إِلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

*Ya Allah! Berikanlah selawat dan salamMu kepada utusanMu yang telah bersabda: “Syurga di bawah tapak kaki para ibu”. Berikanlah selawat dan salam juga kepada semua kaum keluarga dan sahabatnya.*

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ  
“Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.





## Tadarru' dan Munajat

Saya telah menulis doa dan permintaan hati saya kepada tuhan, meskipun perkara-perkara seumpama ini tidak sepatutnya ditulis dan dicatat, tetapi saya mengharapkan agar sebutan tulisan saya itu diterima berdasarkan rahmat Allah I, sebagai menggantikan diri saya apabila kematian telah menyebabkan lidah saya kelu. Antaranya ialah munajat berikut:

**Wahai Tuhanku yang Maha Pemurah! Wahai Tuhanku yang Maha Mulia!**

Dengan sebab pilihan aku yang tidak tepat, umur dan zaman muda aku telah sia-sia. Hanya yang aku perolehi ialah dosa yang menyakit dan menghinakan, kesakitan yang memudarat dan menyesatkan, serta was-was yang mengganggu dan melemahkan. Dengan bebanan yang berat, hati yang gering dan muka yang malu, aku semakin hampir ke pintu kubur dengan amat laju sebenarnya, tanpa terpesong jalan dari arahnya, tanpa pilihan dariku, sebagaimana telah berlaku kepada ibu bapaku, datuk nenekku, para kekasihku, kaum kerabatku dan teman-temanku. Kesemuanya telah ke kubur, ke rumah kesunyian yang terpencil, menuju alam yang kekal abadi, menempuh perpisahan abadi daripada dunia yang pasti akan fana' dan binasa ini, yang pemergiannya adalah diyakini berdasarkan penyaksian yang benar, terutamanya bagi jiwa yang banyak melakukan tipudaya dan penipuan sebagaimana jiwaku yang banyak menyuruh

melakukan keburukan.

**Wahai Tuhanku yang Maha Pemurah! Wahai  
Tuhanku yang Maha Mulia!**

Aku nampak tidak lama lagi aku akan memakai kain kafan, menaiki keranda, mengucapkan selamat tinggal kepada para kekasih, dan menuju ke arah pintu kuburku, lalu aku menyeru di hadapan pintu rahmatMu dengan berkata:

Berikanlah keamanan kepadaku, wahai Tuhan yang maha lemah lembut lagi maha mengurniakan ... Selamatkanlah aku daripada maksiat yang memalukan.

Kain kafanku di atas tengkukku, aku berdiri di hadapan kuburku, aku mengangkat kepalaku ke arah pintu rahmatMu dan berseru:

Berikanlah keamanan kepadaku, wahai Tuhan yang maha lemah lembut lagi maha mengurniakan ... Selamatkanlah aku daripada bebanan tanggungan maksiat.

Aku dibaluti dengan kain kafan, tinggal sendirian di dalam kuburan, semua orang yang mengiringiku meninggalkanku keseorangan, aku hanya menunggu keampunan dan rahmatMu, aku menyaksikan dengan yakin bahawa tiada tempat perlindungan yang selamat melainkan Engkau!

Aku berseru: Berikanlah keamanan kepadaku daripada tempat yang sempit, daripada kesunyian akibat melakukan maksiat dan kejelekan wajah dosa, wahai Tuhan yang maha pemurah, yang maha lemah lembut, yang maha mengurniakan, yang maha memelihara agamaNya,

selamatkan aku daripada diiringi dosa dan maksiat.

Wahai Tuhanku! RahmatMu menjadi tempat perlindunganku dan perantaraanku.

KepadaMu aku mengemukakan kedukacitaan, kesedihan dan pengaduanku ...

Wahai Tuhan yang menciptaku lagi maha mulia! Wahai Tuhanku yang maha mengasihani! Wahai Tuanku, wahai Penghuluku!

MakhlukMu, buatanMu, hambaMu yang berdosa, lemah, lalai, jahil, sakit, hina, sentiasa membuat keburukan, berusia, celaka, dan yang melarikan diri daripadaMu, sekarang dia telah kembali ke pintu rahmatMu selepas 40 tahun. Dia memohon perlindungan daripada rahmatMu, mengakui dosa-dosa dan kesalahannya yang lalu, dia diuji dengan pelbagai fantasi dan penyakit, dia bertadarru<sup>c</sup> kepadaMu.

Jika Engkau menerima, mengampun dan mengasihani, maka Engkau memang layak berbuat demikian. Engkau adalah Tuhan yang Maha Mengasihani.

Jika tidak, maka adakah pintu lain yang harus ditujunya selain daripada pintuMu? Engkau adalah Tuhan yang menjadi tempat tujuan dan disembah dengan sebenar-benarnya. Tiada tuhan melainkan Engkau yang Maha Esa, tiada sekutu bagiMu ...

Akhirnya:

*Aku menyaksikan dengan sebenar-benarnya bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah.*

